

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 46

Selasa

13 Julai 2010

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 26)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Pemuliharaan Hidupan Liar 2010	(Halaman 27)
Rang Undang-undang Sewa Beli (Pindaan) 2010	(Halaman 105)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 13 Julai 2010

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Datuk Sapawi Ahmad Wasali [Sipitang] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan:

- (a) jumlah subsidi yang sudah dikeluarkan kepada nelayan sehingga kini; dan
- (b) sejauh mana program tersebut berjaya merubah kehidupan masyarakat nelayan tradisional kita.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Seri Noh bin Haji Omar]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menjawab saya ingin mengalu-alukan kehadiran pelajar-pelajar Tingkatan Enam dari Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Haron, Tanjung Karang. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, sejak mengambil alih penyaluran bahan api bersubsidi dari KPND pada tahun 2006, pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah menyalurkan 4.661 bilion liter diesel dan 314.549 juta petrol dengan nilai subsidi yang ditanggung oleh kerajaan berjumlah RM3.042 bilion. Dalam tempoh tersebut daripada tahun 2006 sehingga tahun 2010, sebanyak 6.072 juta metrik tan ikan telah didaratkan yang bernilai RM36.45 bilion.

Bahagian (b) - pemberian subsidi diesel dan petrol telah memberi manfaat yang besar kepada nelayan terutamanya nelayan tradisional dari segi mengekalkan daya saing mereka dalam perusahaan menangkap ikan dan keupayaan mendapat peluang pendapatan yang baik. Pemberian subsidi ini membantu nelayan menampung kos bahan api yang merupakan 70% daripada jumlah kos operasi penangkapan ikan. Pada masa yang sama mengurangkan beban yang dialami oleh nelayan akibat kenaikan harga diesel dan petrol di pasaran. Seterusnya pemberian subsidi diesel dan petrol ini

mbolehkan nelayan terus turun ke laut menangkap ikan sebagai punca rezeki utama mereka. Terima kasih.

Datuk Sapawi Ahmad Wasali [Sipitang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pertama sekali tahniah kepada kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang mengambil langkah-langkah yang cukup memberangsangkan untuk membangun dan mengangkat martabat kaum nelayan di negara kita ini selaras dengan hasrat Wawasan 2020 menjadikan Malaysia negara maju dan sekali gus nelayan juga terangkat sebagai sebuah kumpulan masyarakat yang maju.

Daripada yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi kerajaan telah membelanjakan berbilion ringgit tetapi masyarakat nelayan kalau kita lihat hari ini secara menyeluruh masih di persada atau di takuk yang lama. Fizikal rumah masih seperti biasa, tidak berubah dan kalau kita lihat sukar bagi mereka untuk mendidik dan membelanjakan anak-anak dalam konteks kemiskinan dan wajah mereka pun masih kekal. Pakai semutar dan pakai kain secara tradisi walhal berbilion ringgit telah dibelanjakan.

Apakah tindakan kerajaan khususnya kementerian terhadap nelayan-nelayan yang berkaitan dengan subsidi ini yang telah menyalahgunakan minyak subsidi yang diberikan oleh kerajaan terhadap mereka? Ini kerana keadaan ini seperti pihak kerajaan tidak memberi bantuan kepada nelayan walhal minyak berbilion ringgit telah dibelanjakan oleh kerajaan khususnya dalam bidang subsidi.

Juga apakah langkah-langkah kerajaan khususnya untuk menghalang penangkapan ikan oleh nelayan-nelayan berskala besar khasnya yang berkaitan dengan pukut tunda yang mengancam nelayan-nelayan tradisi khususnya untuk mereka terus membangun? Kadang-kadang pukut tunda ini sendiri pun ada yang berlesen berasaskan masyarakat tempatan tetapi pekerjaanya daripada masyarakat asing. Terima kasih.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat Sipitang. Banyak soalan yang dibangkitkan.

■1010

Pertama, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sipitang begitu prihatin mengenai masalah nelayan. Sebab itu Kerajaan Barisan Nasional akan terus memberikan bantuan kepada nelayan. Selain daripada subsidi minyak yang saya katakan tadi, kita juga memberikan peruntukan elaun tiap-tiap bulan RM200 kepada

setiap nelayan, lebih daripada 60,000 nelayan dalam negara. Sama ada mereka ini pergi ke laut atau tidak, mereka tetap dapat RM200 sebulan. Dalam masa yang sama kita juga telah merancang berbagai-bagai program untuk kita menambahkan pendapatan nelayan dan meninggikan taraf hidup nelayan.

Di antaranya kita memperkenalkan Dana Nelayan. Di mana dalam Dana Nelayan ini kita peruntukan pinjaman tanpa faedah tanpa cagaran sebanyak RM25,000 setiap orang untuk memberi peluang kepada mereka membeli peralatan-peralatan baru. Dalam masa yang sama untuk kita menaik tarafkan cara penangkapan ikan nelayan-nelayan tradisional ini, kementerian telah memperkenalkan satu program dipanggil transformasi. Di mana kita menggalakkan nelayan-nelayan untuk mereka berkongsi lima orang ataupun enam orang. Bila mereka berkongsi, mereka akan diberikan pinjaman.

Dahulu kita beri pinjaman RM70,000 seorang tetapi mulai bulan Mei ini, saya telah umumkan di Papar baru-baru ini diberi RM100 ribu seorang. Ertinya kalau dia kongsi empat orang, dia akan dapat RM400,000. Dengan RM400,000 ini dia akan boleh membeli bot yang lebih besar. Sampan-sampan yang mereka guna sebelum ini, kementerian akan beli sampan ini. Kita lihat bahawa hari ini sambutan sistem transformasi ini telah pun mendapat daripada nelayan-nelayan dan telah memberikan pendapatan yang lebih lumayan kepada pihak nelayan.

Dalam masa yang sama kita juga akui apa juga bantuan yang kerajaan beri masih lagi terdapat orang tengah kerana ini, daripada kajian kita, kita dapati masih ada di antara nelayan yang masih lagi terikat dengan tauke ah long, yang pinjam, dia tidak ada pilihan dan dia kena jual kepada tauke-tauke. Walaupun kita telah wujudkan kaedah pasaran menjual ikan secara terus melalui pasar-pasar di panggil pasar nelayan secara lelong. Juga kita wujudkan juga Persatuan Nelayan yang sepatutnya membeli ikan ini daripada nelayan mengikut harga pasaran.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, dalam RMKe-10 seperti mana yang dikehendaki oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, selain daripada bantuan material kementerian juga akan memberi penekanan kepada latihan-latihan modal insan. Supaya bantuan-bantuan yang diberi ini benar-benar dapat memberikan faedah dan dapat mengubah persepsi, cara mereka berfikir.

Kedua, mengenai salah guna petrol. Memang banyak tuduhan ini diterima oleh pihak kementerian. Namun demikian kita tidak nafikan bahawa memang ada berlaku penipuan ini. Akan tetapi rata-rata apabila kita berjumpa dengan kaum nelayan, mereka juga rasa ada juga rasa tersinggung bila dituduh nelayan ini salah guna diesel dan

sebagainya. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, bagi nelayan, bila mereka turun ke laut mereka memerlukan 70% kos operasi ini melalui diesel mereka kena pergi ke laut.

Bila mereka pergi ke laut tidak ada jaminan bahawa mereka akan dapat ikan melainkan kalau mereka pergi laut beri jaminan, kalau hari ini pergi ke laut sekian-sekian kilo akan dapat, sebab kita tidak tahu dalam laut itu ada ikan ke tidak. Jadi, kerana itu kita dapati kos operasi terpaksa dibelanja, diesel terpaksa dibagi. Bila pergi ke laut ikan tidak dapat sebab itu ramai menganggap bahawa nelayan-nelayan ini seolah-olah menyalahgunakan diesel. Padahal mereka pergi tetapi ikannya tidak dapat.

Ketiga, mengenai soal ambil tindakan kepada pencerobohan pukut-pukat tunda yang kerap kali dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini. Berbagai-bagai jawapan telah pun diberikan iaitu tindakan-tindakan penguatkuasaan yang hari ini dipertikaikan, masih lagi kurang cukup untuk mengatasi masalah ini. Oleh itu kementerian hari ini sedang membuat satu ujian kita akan memperkenalkan dipanggil *Vessel Tracking System*. Dengan *Vessel Tracking System*, kita akan monitor daripada pejabat melalui alat kita. Mana-mana kapal yang memasuki zon-zon yang terlarang ini, macam Zon B masuk ke Zon A.

Jadi, kita ada sistem untuk kita matikan enjin bot tersebut. Ini yang sedang kita buat dan kalau ini berjaya kita buat saya rasa masalah yang hari ini selalu kita bangkitkan kita akan dapat atasi. Kalau tidak hari ini Tuan Yang di-Pertua, zaman moden, kita dapat laporan belum sempat lagi penguat kuasa sampai, bot sudah hilang kapal sudah hilang, pukut pun sudah hilang. Ini kerana ada maklumat-maklumat mereka lebih tahu bila penguat kuasa akan sampai. Terima kasih.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Machang.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri soalan tambahan saya. Satu perkara yang sedia diakui ialah jumlah subsidi kerajaan kepada komuniti nelayan selalu bertambah tetapi hasil tangkapan nelayan diberitakan terus merosot. Yang Berhormat Menteri tadi sebut bahawa RM3 bilion diberikan subsidi nelayan, pada lebih kurang 60,000 nelayan. Kalau saya hitung, angka ini bermakna secara purata lebih kurang RM50,000, itu nilai subsidi atas setiap kepala nelayan, kiraan kasar jumlah itu banyak.

Kalau subsidi terus bertambah tetapi hasil tangkapan terus merosot pada ketika Yang Berhormat Menteri sebut tadi bahawa nelayan sebenarnya kecil hati kalau kita

kata mereka ambil subsidi tetapi tidak ke laut. Maknanya tauke besarlah yang kaut. Tauke-tauke bot dalam umpamanya. Soalan saya ialah bila menyedari keadaan ini, sebenarnya apakah tindakan yang efektif yang dilakukan kerajaan? Terima kasih.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat daripada Machang. Sebenarnya dalam hal ini kita sedia maklum bahawa kerajaan sedang mengkaji rasionalisasi untuk subsidi. Oleh itu pihak kementerian saya, melalui Jabatan Perikanan dan juga LKM, kita akan mengkaji semula secara yang lebih berkesan, bagaimana subsidi dan insentif - selain daripada subsidi Tuan Yang di-Pertua, kita ada bagi pula insentif. Setiap satu kilo ikan yang didaratkan oleh nelayan, kita bagi pula sepuluh sen lagi.

Jadi oleh kerana itu perbincangan sedang dibuat sesuai dengan slogan Barisan Nasional ini, 'Rakyat Didahulukan'. Maka perbincangan sedang dibuat dengan persatuan-persatuan nelayan untuk kita mendapat maklum balas, bagaimana yang terbaik supaya kita memberikan subsidi ini, benar-benar boleh menambahkan pendapatan mereka. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat, satu cara yang kita melihat agihan ini. Kita tahu bahawa Zon A hanya untuk nelayan pantai, Zon B, Zon C untuk laut-laut dalam dan syarikat-syarikat yang besar.

Akan tetapi hari ini kita tengok ia purata sama ada nelayan kecil atau nelayan besar, dia tetap juga dapat subsidi minyak. Jadi ini kita sedang kita kaji supaya apa juga penyelarasan semula yang kita akan buat ianya tidak akan memberikan beban terutamanya kepada nelayan-nelayan pantai. *Insyaa-Allah* dalam masa yang terdekat, setelah mendapat kelulusan Kabinet, kementerian akan umumkan cara agihan yang baru. Terima kasih.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Tuan Yang di-Pertua mohon soalan tambahan ini tajuk yang penting Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Besoklah besok.

2. Dato' Kamarul Baharin Abbas [Telok Kemang] minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

- (a) semenjak kerajaan mengiktiraf amalan Homeopati pada 1999, apakah langkah-langkah yang telah dilaksanakan bagi memajukan kaedah perubatan ini; dan
- (b) setakat mana kemudahan penyelidikan, peruntukan kewangan dan garis panduan untuk mendaftar ubat homeopati yang dikeluarkan di negara ini.

Menteri Kesihatan [Dato' Seri Liow Tiong Lai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, fungsi utama kementerian adalah untuk memastikan amalan perubatan Homeopati adalah selamat dan berkesan dan pengamal Homeopati adalah *competent* demi meningkatkan tahap kesihatan rakyat. Kementerian Kesihatan memandang serius tentang sistem pembelajaran dan pendidikan pengamal-pengamal Homeopati. Sistem pendidikan yang berstruktur akan melahirkan pengamal-pengamal Homeopati yang *competent* dan cemerlang.

Sehubungan dengan itu Kementerian Kesihatan bersama dengan Kementerian Pengajian Tinggi, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), pensyarah-pensyarah IPTA serta Majlis Perubatan Homeopati Malaysia telah membangunkan standard dan kriteria untuk pengajian perubatan Homeopati. Kesungguhan kementerian dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan Homeopati terbukti apabila Kolej Universiti Sains Perubatan Cyberjaya menawarkan Kursus Sarjana Muda Homeopati pada tahun 2009.

■1020

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kementerian tidak menyediakan peruntukan khas kepada badan-badan pengamal yang berminat untuk membuat penyelidikan. Majlis Perubatan Homeopati Malaysia telah dimaklumkan bahawa jika mereka berminat untuk menjalankan penyelidikan, permohonan boleh dibuat mengikut prosedur yang telah ditetapkan, di mana borang permohonan boleh dimuat turun daripada laman web www.nih.gov.my iaitu *National Institute of Health*.

Ubat homeopati perlu didaftarkan sebagai keluaran tradisional di bawah Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984. Sehingga kini, terdapat 92 keluaran homeopati yang berdaftar dengan pihak berkuasa kawalan dadah. Keluaran tradisional dinilai daripada segi kualiti dan keselamatan sebelum didaftarkan. Prosedur pendaftaran keluaran homeopati adalah menurut prosedur yang sama seperti pendaftaran keluaran tradisional yang lain. Ini adalah kerana garis panduan permohonan pendaftaran keluaran ubat homeopati masih dalam peringkat perbincangan dengan pihak industri.

Untuk memastikan penyelarasan bagi kawalan produk homeopati, dialog dan mesyuarat dengan persatuan dan majlis yang mewakili pengamal-pengamal perubatan homeopati sentiasa diadakan dan kali terakhir diadakan dialog dengan MPHMM adalah pada 12 April 2010. Terima kasih.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih menteri. Kita menyedari daripada jawapan itu tadi, ada

potensinya amalan homeopati ini. Kebelakangan ini apabila kita melihat promosi yang dibuat oleh pengeluar-pengeluar dan pengamal homeopati ini, ia mencerminkan bahawa rakyat menerima alternatif perubatan ini dan saya percaya ramai di antara kita di sini mengamalkan dan mengambil ubat alternatif ini sebagai *food supplement*.

Masalahnya ialah ini tidak boleh digunakan sebagai perubatan kerana ia tidak didaftarkan kerana proses pendaftaran itu mengambil masa yang begitu lama. Tidak ada garis panduan supaya boleh dapat didaftarkan dalam masa yang singkat. Maka kebanyakannya didaftarkan sebagai *food supplement* atau makanan tambahan. Jadi ini menjadi masalah kepada pengeluar bahan ramuan ini kerana sering kali diambil tindakan walaupun kita mengakui bahawa perubatan alternatif ini memberi kesan yang baik dan mempunyai bukti. Saya hendak penjelasan, selain daripada apa yang diberi oleh menteri tadi, apakah usaha untuk mempercepatkan. Ini kerana ini melibatkan ribuan pengusaha dan pelaburannya begitu tinggi dan secara langsung membantu meningkatkan ekonomi.

Seorang Ahli: Soalan, soalan.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]: Soalan dah ada.

Dato' Sri Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat. Memang Kementerian memandang berat tentang pendaftaran ubat-ubat homeopati dan ubat homeopati ini adalah dikawal sebagai keluaran ubat tradisional dalam Kementerian dan ia juga dijaga oleh pihak farmasi. Oleh itu, seperti yang dikatakan, kita dah ada standard prosedur. Memang dah ada, bukan tak ada. Memang ada standard prosedur untuk mendaftar ubat-ubat terutama sekali sekarang kita dalam proses untuk mengadakan satu rang undang-undang *traditional complimentary medicine* (ubat tradisional) dan selepas adanya undang-undang ini, memang kita boleh mengawal dengan lebih rapi lagi.

Saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat, setiap ubat-ubatan yang ingin didaftarkan ini, bayaran untuk pendaftaran satu produk homeopati adalah lebih kurang RM1,200 iaitu RM500 untuk proses pendaftaran dan RM700 untuk ujian makmal. Seperti yang dikatakan, memang kita akan mempercepatkan kerana memang ada banyak lagi ubat-ubat tradisional yang belum didaftar dan akan diambil perhatian.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ramai berminat. Yang Berhormat Menteri, kita maklum bahawa selama ini kerajaan telah membenarkan pengamal perubatan tradisional untuk membuat ritual di hospital-hospital kerajaan sama ada pawang, dukun, bomoh, tukang urut, 'singsang', sifu – macam-macam. Jadi persoalan yang bermain pula iaitu apa beza di antara

pengamal tradisional ini dengan bomoh? Ini kerana bomoh pun sekarang ini berleluasa dengan teknologi yang baru dan sebagainya. Ada bomoh juga yang merogol, meraba, mengambil kesempatan dan Yang Berhormat tadi memaklumkan bahawa telah ada institusi untuk homeopati ini.

Jadi apakah mereka ini juga boleh memegang *title* doktor ataupun Dr. kepada nama mereka apabila mereka lulus dalam sekolah ini? Apakah sebenarnya kerajaan juga telah membuat kajian sejauh mana mustajabnya, sejauh mana keberkesanannya, mujarabnya ubat-ubat tradisional sebegini? Apakah telah benar-benar terbukti mujarab daripada penemuan-penemuan doktor saintis ataupun sejauh mana bezanya? Apa sebenarnya yang telah dilakukan oleh mereka dalam *emergency case* dan sebagainya? Ini kerana ada juga kalau patah, dia pegang-pegang boleh terus sembuh balik. Jadi lebih hebat daripada doktor. Adakah ini benar dan sebagainya?

Dato' Sri Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Begitu prihatin dengan ubat tradisional, dengan bomoh sekali. Saya hendak maklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa memang sebelum ini kita tidak mempunyai undang-undang untuk mengawal pengamal-pengamal ubat tradisional ini. Akan tetapi sekarang dengan wujudnya satu bahagian dan unit khas di bawah Kementerian Kesihatan iaitu Unit Ubat Tradisional dan Pengamal-pengamal Tradisional, maka kita dalam perancangan untuk mengadakan satu rang undang-undang yang akan dibentang di Parlimen ini tidak lama lagi untuk mendapat persetujuan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Sekiranya rang undang-undang ini diluluskan, maka kita dapat mengawal dan juga memberi bantuan kepada semua pengamal ubat tradisional ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekarang ada enam hospital kerajaan memberi tempat ataupun ruang untuk pengamal-pengamal ubat tradisional ini mempraktikkan ubat tradisional di hospital kerajaan. Akan tetapi semua pengamal ubat tradisional ini, kita perlu mempunyai asasnya, tidak boleh sembarangan, tidak boleh pengamal ubat tradisional yang katakan bomoh ataupun apa-apa yang tidak asasnya tidak boleh kita gunakan di hospital.

Oleh itu, semua pengamal ubat tradisional ini akan kita pantau dan kita akan melihat dan kita akan mengadakan satu majlis untuk memastikan mereka adalah pengamal ubatan tradisional yang tertib, ada disiplin dan mempunyai standard yang kita tetapkan. Kalau substandard ini tak bolehlah. Perlu memenuhi tahap mutu yang tinggi baru kita boleh benarkan mereka praktis dalam negara kita. Terima kasih.

3. Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang] minta Menteri Kewangan menyatakan setelah beberapa penambahbaikan dilakukan oleh Bursa Saham Malaysia, sejauh mana ia telah menarik pelabur asing untuk masuk ke pasaran Malaysia.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Yang Berhormat, Bursa Saham Malaysia telah memperkenalkan pelbagai inisiatif bagi menjadikan pasaran saham tempatan setanding dengan pasaran saham antarabangsa dan secara langsung menarik minat pelabur asing untuk melabur dalam pasaran saham tempatan. Namun begitu, prestasi pasaran saham juga akan terjejas akibat perkembangan semasa tempatan mahupun antarabangsa seperti pergolakan politik, ekonomi dan juga sentimen pelaburan.

■1030

Di antara faktor luaran yang telah mempengaruhi keyakinan pelabur di pasaran global termasuk Malaysia adalah seperti berikut:-

- (i) kemungkinan kesan krisis hutang *Sovereign Grace* ke atas pemulihan *economic global* dan kesan jangkitan ke negara-negara zon Eropah;
- (ii) langkah pengetatan kewangan di negara China;
- (iii) kebimbangan terhadap prospek pemulihan ekonomi Amerika Syarikat; dan
- (iv) di penghujung tahun 2009, pasaran saham terjejas akibat krisis hutang Dubai.

Tuan Yang di-Pertua, dengan keadaan pasaran global yang tidak menentu, pengurus dana asing telah menilai semula pendedahan mereka kepada pasaran saham untuk melindungi keuntungan mereka. Ini mungkin menyebabkan pelabur asing mengalih dana ke pelaburan yang lebih selamat seperti bon dan instrumen pendapatan tetap. Walau bagaimanapun, pemangkin jangka panjang bagi pasaran saham Malaysia masih kekal utuh. Ini disebabkan oleh perkembangan berterusan ekonomi negara serta pelbagai langkah yang diambil oleh Bursa Malaysia dan reformasi yang dilakukan oleh kerajaan seperti Program Transformasi Kerajaan dan pelaksanaan Model Ekonomi Baru.

Untuk makluman Yang Berhormat, peratusan dagangan saham oleh pelabur asing di Bursa Malaysia pada tahun 2005 adalah sebanyak 37%, pada tahun 2006 ia menurun sedikit kepada 35%. Namun demikian peratusan pada tahun 2007 meningkat semula kepada 37% dan pada tahun 2008 meningkat kepada 42%. Pada tahun 2009,

peratusan dagangan saham oleh pelabur asing menurun kepada 27% dan sehingga 31 Mei 2010, peratusan pelabur asing adalah sebanyak 25%. Melalui peratusan tersebut, penyertaan pelabur asing di Bursa Malaysia boleh dikatakan konsisten walaupun dagangan di pasaran saham tidak menentu. Sekian.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberikan jawapan itu. Sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, dua faktor utama yang menyebabkan pasaran saham kita kadang-kadang jatuh dan naiknya iaitu faktor luaran dan faktor dalaman. Saya ingin bertanya tentang faktor dalaman ini, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya, untuk menarik lebih ramai lagi pelabur-pelabur masuk ke pasaran saham kita ini bahawa syarikat-syarikat yang disenaraikan mestilah juga syarikat yang berkualiti.

Mana-mana syarikat yang tersenarai tidak mampu memberikan pulangan ataupun dividen kepada pemegang-pemegang sahamnya selama tiga tahun berturut-turut, misalnya, mestilah dikeluarkan daripada penyenaian. Manakala pengerusi *board* dan CEOnya pula, kita kenakan tindakan. Contohnya, dia tidak boleh kita benarkan memegang mana-mana jawatan dalam syarikat-syarikat lain ataupun tindakan-tindakan yang sesuai, yang difikirkan oleh kementerian. Jadi, dengan cara yang demikian, saya percaya syarikat-syarikat yang ingin masuk untuk disenaraikan, tidak sesuka hati sahaja masuk dan lebih mementingkan kepada keuntungan peribadi, keuntungan kepada pihak-pihak tertentu, bukan kepada pelabur-pelabur itu sendiri. Apa pendapat Yang Berhormat? Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, memang saya setuju dengan Yang Berhormat dari Sekijang yang mengeluarkan pandangan untuk kita menimbang. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, buat masa ini kita ada sejumlah 961 syarikat yang berada di dua market iaitu Mim Market ada 846 syarikat dan Ace Market ada 115 syarikat. Jumlah *market capitalization* atau modal pasaran pada 30 Jun 2010 adalah sebanyak RM144 bilion. Seperti Yang Berhormat telah kata iaitu syarikat-syarikat ada masalah, buat masa ini kita ada sejumlah syarikat yang ada masalah iaitu PN17, *Practice Note 17*. Jumlahnya 45. Ini memang merupakan angka yang besar. Kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Yang Berhormat cadang untuk CEO atau *management* yang kurang baik, tidak berkualiti tidak bagi dividen. Kita memang hendak dapat lebih maklumat atau

pandangan daripada market terutama sekali kita hendak *independent director* memainkan peranan yang lebih besar dalam syarikat *listed company*. Sekian.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri. Kalau boleh saya sambung sedikit. Ya, kita memahami, Tuan Yang di-Pertua, modal pasaran ataupun *market capitalization* kita memang mengalami sedikit *recovery* ke paras apa yang disebutkan tadi hampir RM1.44 trilion. Akan tetapi apa yang nyata adalah sebahagian besar daripada pelaburan dalam bursa kita adalah dilakukan oleh KWSP sendiri, mengambil seperempat, *25% of investment* dan ketika kita dapat merasakan bahawa tarikan itu dapat kita buat tetapi kalau kita *divest* ataupun *pairing down*, mengambil syarikat-syarikat seperti Tenaga Nasional, Malaysia Airport dan PLUS Expressway, Pos Malaysia pun kita letakkan di situ ataupun kita *divest* daripada pegangan KWSP untuk *foreign investors*, Tuan Yang di-Pertua, tetapi ternyata ia tidak membawa tarikan dan *attraction* seperti itu sehingga hari ini.

Salah satu daripada sebabnya yang mungkin Timbalan Menteri tidak mahu menjelaskan adalah juga *finally is about confidence*, Tuan Yang di-Pertua. *Confidence* itulah yang menjadi pertikaian hari ini. Saya ingin bertanya, terdapat mutakhir ini apa yang dikatakan sebagai *scandalism* daripada syarikat-syarikat yang tersenarai mahupun *PN17 company* dan kalaulah Securities Commission tidak mengambil tindakan yang agak tegas seperti syarikat-syarikat Linear Corp., juga termasuk Axis Inc. dan juga Kenmark Industrial Company yang mutakhir ini melibatkan satu pembelian oleh yang dikatakan *white knight* itu.

Persoalannya, bagaimana kita mahu memikat atau menggamit pelaburan daripada luar kalau masalah *confidence* itu tidak dapat diatasi, Tuan Yang di-Pertua, dan ini terbabit dengan peranan Securities Commission sendiri. Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah Yang Berhormat yang merupakan pakar ekonomi. Kita hendak ambil lebih pandangan daripada Yang Berhormat.

■1040

Ada tiga soalan di sini Tuan Yang di-Pertua. Pertama, *participation* oleh *institution*. Buat masa ini kita akui bahawa *trading participation* di Bursa Malaysia, memang kita dalam tahap yang tidak begitu baik kalau dibandingkan dengan *institution* dengan *retailer*. Kita akan ambil tindakan untuk menambahbaikkan keadaan, menarik lebih ramai *retailer* ke Bursa Malaysia.

Kedua, *confident level*. Kalau kita ada suasana politik yang baik, memang kita boleh menarik lebih ramai pelabur asing. Kita harap pembangkang jangan bercakap sahaja. Itu khabar angin. Sedikit hal pun dibangkitkan. Kita harap kalau kita semua kerja dengan lebih kuat, kita boleh menarik lebih ramai pelabur asing.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Yang Berhormat telah kata *pairing down* saham dalam *GLCs* seperti Telekom Malaysia Berhad dan MBB. Kita akan ambil langkah-langkah yang sewajarnya, seperti kita akan membuat program pergi ke negara China, Jepun dan Korea untuk menarik syarikat, institusi ataupun *founder* di sebelah sana untuk melabur di syarikat GLC kita.

Yang Berhormat telah mengatakan syarikat-syarikat yang bermasalah seperti *LCL Corporation Berhad, Axis Incorporated Berhad, Kenmark Industrial Co. (M) Berhad* - seperti mana yang saya katakan setakat ini semua berkeadaan *status PN17*. Kita akan ambil tindakan sewajarnya dengan undang-undang dan akta-akta yang kita ada, supaya sesiapa yang membuat kesalahan kita akan ambil tindakan. Sekian.

4. Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota] minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan untuk memperbaiki kedudukan rating institusi pengajian tinggi negara terutamanya IPTA yang mengalami kejatuhan di peringkat antarabangsa.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I [Dr. Hou Kok Chung]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) telah menetapkan sasaran pada tahun 2020, sekurang-kurangnya tiga IPT diiktiraf di antara 100 universiti dan sebuah IPT antara 50 universiti terkemuka dunia.

Lanjutan daripada itu, kementerian sentiasa memberi galakan kepada IPTA untuk mencapai sasaran yang ditetapkan ini. Usaha-usaha yang dijalankan untuk meningkatkan *ranking* termasuklah meningkatkan penerbitan dalam jurnal berimpak tinggi, menambah bilangan pensyarah PhD, membawa masuk pensyarah luar yang berkaliber dalam penyelidikan, mempertingkatkan hasil penyelidikan dan pengkomersialan, serta memperkukuhkan jaringan di peringkat antarabangsa.

Di bawah PSPTM, kementerian sedang melaksanakan 23 projek agenda kritikal yang mana sebahagian daripadanya adalah secara langsung bertujuan untuk memperkasakan universiti tempatan, khususnya IPTA untuk bersaing di persada antarabangsa. Di antaranya ialah *MyBrain15*, pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan pembangunan, serta pengantarabangsaan.

Salah satu projek agenda kritikal bagi memperkasakan pengajian tinggi di persada dunia ialah dengan melaksanakan program APEX - *Accelerated Program for Excellence*. Program APEX diwujudkan bagi meningkatkan keupayaan dan kecemerlangan institusi pengajian tinggi Malaysia supaya setanding dengan universiti terkemuka dunia. Sekian.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, dalam masa kita mencuba untuk membaiki *rating* kita yang telah merosot sekian teruk beberapa tahun kebelakangan ini, ada lagi satu isu yang agak setimpal untuk kita beri perhatian di peringkat pengajian tinggi. Isu iaitu apabila tujuan kita untuk mendapatkan perhatian ataupun minat pelajar-pelajar asing untuk melanjutkan pelajaran ke dalam negara kita. Ini antara fokus Rancangan Malaysia Kesepuluh yang telah dibentangkan untuk menarik minat daripada pelajar asing untuk belajar ke negara kita.

Kita berhadapan dengan masalah mengukur pengantaraan ataupun perantara di antara pelajar asing dengan pelajar tempatan. Sebagai contoh, kita pernah katakan *Certificado de Ensino Medio* di Brazil adalah sama taranya dengan kelulusan SPM, dan *Victorian Certificate of Education* (VCE) di Australia sebagai setara dengan STPM untuk kemasukan dalam universiti tempatan kita.

Adakah kita mengeluarkan satu ukuran ataupun penarafan yang sama untuk juga mengukur, berapakah nilai tara antara kelulusan universiti tempatan kita diukur dengan kelulusan universiti dari luar? Ini di mana pelajar-pelajar kita yang telah pulang ke negara kita untuk diberi ganjaran atau diberi tawaran untuk berkhidmat, sama ada dalam kerajaan atau swasta - diukur taranya dengan graduan-graduan tempatan.

Ini penting kerana kita lihat persepsi mengatakan, kita mengutamakan pelajar-pelajar yang mendapat kelulusan luar negara. Kita tengok berpuluh ribu graduan tempatan menganggur disebabkan tidak ada satu ukuran atau penarafan yang boleh mengatakan satu nilai untuk memberi mereka *rating*, supaya mereka juga diberi peluang yang sama untuk mendapatkan peluang pekerjaan. Terima kasih.

Dr. Hou Kok Chung: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang kementerian berusaha kuat untuk melakukan pengukuran sijil-sijil ataupun *degrees* yang kita dapati. Ini memang kita boleh bahagikan kepada dua. Satu ialah pelajar dari antarabangsa dan juga pelajar dari tempatan.

Memang kita selalu gunakan cara supaya ia dapat dilakukan berperingkat. Kita memang menggunakan cara antarabangsa. Kita tidak menghadapi apa-apa masalah untuk menilai ataupun untuk membandingkan nilai *degree* yang dihasilkan oleh universiti

tempatan dan juga universiti luar. Itu adalah salah satu rancangan kita, supaya kita dapat mengantarabangsakan universiti-universiti tempatan di negara kita.

Jadi kita tidak perlu bimbang sebab kalau kita lihat di universiti - pelajar-pelajar yang kita hasilkan, kita memang sangat mementingkan kualiti. Kalau kita lihat sekarang, yang ambil perhatian - memang kita pun tahu kementerian memang sangat *transparent* dari segi pengukuran kualiti universiti di Malaysia. Kita harap cadangan-cadangan yang baik dari antarabangsa ataupun dari akademik dapat membangunkan lagi keadaan pengajian tinggi di Malaysia. Sekian.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di antara kepentingan rakyat dengan usaha untuk memenuhi *rating* universiti, yang mana lebih menjadi tumpuan kementerian Yang Berhormat? Ini kerana banyak usaha dicurahkan, tenaga, wang ringgit untuk memenuhi soal *rating*, tetapi keperluan negara yang mendesak seperti kekurangan doktor dalam negara kita adalah menjadi tumpuan utama sepatutnya.

Apakah usaha-usaha kementerian Yang Berhormat, untuk menambah kursus-kursus profesional seperti doktor ini, supaya lebih ramai lagi doktor dapat dihasilkan dan dapat memenuhi keperluan negara pada masa kini dan pada masa yang akan datang?

Dr. Hou Kok Chung: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang kualiti dan juga kuantiti ialah satu isu yang selalu diambil berat. Kita mestilah dapat seimbangkan kedua-duanya. Jadi, macam kualiti di universiti ataupun *rating* atau *ranking* yang kita ambil berat, memang itu dapat menggerakkan supaya universiti kita dapat menjadi universiti yang baik di dunia ataupun di negara ini.

Selain daripada itu, kita juga mesti menjaga profesionalisme dan juga kita harap bidang-bidang kritikal juga dapat kita tambah bilangan pelajarnya. Akan tetapi dengan satu syarat bahawa, kualiti kita juga mesti dijaga supaya pelajar-pelajar yang kita hasilkan itu nanti tidak akan dikritik oleh *public in general*, dengan izin.

■ 1050

Saya juga hendak menegaskan di sini, memanglah kita ada pelan strategik kita, memang telah dijaga supaya ia dapat perkembangan yang lebih seimbang. Sekian, terima kasih.

5. **Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]** minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh manakah penyiaran TV Pendidikan melalui internet iaitu Eduweb TV telah dimanfaatkan oleh sekolah-sekolah di luar bandar justeru merapatkan jurang digital dalam pendidikan.

Timbalan Menteri Pelajaran II [Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, objektif kepada Eduweb TV Kementerian Pelajaran Malaysia adalah untuk merapatkan jurang pendidikan melalui TV Pendidikan dan yang keduanya ialah untuk menjayakan *high-speed broadband*. Ia juga dibangunkan untuk menangani kekangan penggunaan TV Pendidikan di mana terdapat guru yang tidak dapat menyesuaikan jadual waktu persekolahan dengan jadual program TV Pendidikan.

Dengan adanya Eduweb TV, guru boleh memilih saluran rancangan TV Pendidikan mengikut kesesuaian jadual waktu dan keperluan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Dari segi keberkesanan dan pengaruhnya pula, Eduweb TV telah memberi peluang kepada murid mengakses rancangan dari rumah. Buktinya Eduweb TV mempunyai purata 500,000 capaian sebulan dan 33% daripada capaian ini adalah dari rumah. Terdapat lebih kurang 81,786 pengguna berdaftar dan sehingga 30 Jun 2010, terdapat lebih kurang 319,319,286 *hits* dalam tempoh dua tahun.

Eduweb TV juga berkesan kerana murid-murid boleh mendapat manfaat daripada kandungan yang disediakan seperti Berita Pendidikan bahasa Inggeris/bahasa Malaysia, rancangan akademik, rencana, wawancara, kurikulum, interaktif dan siaran langsung arkib. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah capaian web TV sepanjang bulan April 2009 sahaja adalah sebanyak 390,977 capaian. Terdapat lebih kurang 3,185 rancangan. Melalui Eduweb TV juga membolehkan murid meningkatkan kemahiran penggunaan *internet* memandangkan Eduweb TV perlu dicapai melalui rangkaian SchoolNet. Ini menunjukkan bahawa Eduweb TV telah memberi kesan dalam hal membantu murid untuk meneruskan pelajaran mereka di rumah masing-masing. Bagi murid-murid yang tiada capaian *internet* di rumah, mereka boleh mengakses rancangan Eduweb TV di luar waktu sekolah melalui pusat akses sekolah yang diwujudkan di sekolah. Terima kasih.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana telah memperkenalkan

pendidikan melalui web ini yang kita tahu pun telah diperkenalkan mulai dari 1 Mac 2008. Jadinya saya percaya rancangan ini telah memberikan impak positif dalam melahirkan generasi celik IT dan juga diharapkan dapat merapatkan jurang pendidikan antara bandar, luar bandar dan pedalaman.

Jadi, soalan tambahan saya pada hari ini adalah berapakah jumlah rancangan yang telah dimuat naik ataupun telah *diupload* sehingga kini dan sejauh manakah guru-guru di sekolah terutamanya di sekolah-sekolah di luar bandar telah didedahkan dengan latihan penggunaan Eduweb TV ini dalam mempelbagaikan penggunaan pelbagai bahan sumber dalam P&P di dalam bilik darjah selaras dengan hasrat kerajaan yang mahukan guru-guru dan juga murid-murid yang bertenaga inovatif dan juga kreatif. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Dari segi jumlah program yang *diupload* sehingga 31 Jun 2010. Ini adalah perkara pertama yang ditanya oleh Yang Berhormat. Setakat ini, seperti mana yang saya sebutkan tadi terdapat lebih kurang 3,185 program yang telah pun dimuat naik iaitu daripada lapan saluran. Sebagai contohnya, berita pendidikan bahasa Inggeris/bahasa Malaysia ialah sebanyak 1,873 program, rancangan akademik sebanyak 108 program, rencana sebanyak 312, wawancara sebanyak 105, kurikulum sebanyak 539, interaktif sebanyak 203, siaran langsung sebanyak 32 dan panduan sebanyak 13.

Mengenai dengan isu guru tadi, penggunaan media seperti komputer dan TV dalam pengajaran dan pembelajaran adalah sebahagian daripada kurikulum latihan pra perkhidmatan guru di semua Institut Pendidikan Guru. Ini untuk makluman Yang Berhormat.

Untuk guru dalam perkhidmatan, latihan diberikan dari semasa ke semasa. Latihan secara berterusan dibuat di 367 Pusat Kegiatan Guru (PKG) dan 15 Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri (BTPN) di seluruh negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga awal tahun 2010 seramai 10,488 guru dan pegawai Kementerian Pelajaran Malaysia telah menerima latihan penggunaan Eduweb TV dalam pengajaran dan pembelajaran. Keutamaan diberi kepada Guru Penyelaras Media (GPM) dan Guru Penyelaras Bestari (GPB) di sekolah-sekolah yang akan menjadi jurulatih utama dalam menggerakkan penggunaan Eduweb TV di sekolah-sekolah. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya memang menarik dengan jawapan Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Menarik?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Apa? Tertarik? Ya, tertarik, tertarik bukan menarik. Ya, kerana jawapan itu memang sempurna. Bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada Dewan yang mulia ini, berapakah peruntukan untuk Eduweb TV ini? Memang perlu, kita perlu buat bukan sahaja Eduweb. Apa web pun kita perlu untuk meningkatkan tahap penggunaan teknologi kepada sekolah kita ini. Bilangan sekolah yang terlibat dengan Eduweb ini dan kalau kita bandingkan negara kita terutamanya di luar bandar dengan negara-negara yang lebih maju daripada kita.

Apakah tahap kita kalau kita bandingkan negara-negara yang mempunyai tahap yang lebih tinggi dengan kita? Tuan Yang di-Pertua, tidak baik kita bandingkan dengan negara yang lebih mundur. Itu bukan perbandingan [Disampuk] Apa masalah Tuan Yang di-Pertua? [Ketawa] [Disampuk] Saya tanya..

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, jangan ganggu Ahli-ahli Yang Berhormat. Nanti Yang Berhormat Kepong tidak boleh kemukakan soalan. Saya pun menunggu soalan itu Yang Berhormat Kepong. Sila.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya tunggu. Ya, saya sebutkan mengenai Yang Berhormat Batu Pahat faham apa yang disebutkan tadi. Cuma saya hendak beliau menerangkan bagaimana kita berbanding dengan negara-negara yang lebih maju dari segi ini?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat Kepong. Dari segi jumlah keseluruhan perbelanjaan, saya tidak ada maklumat di sini. Akan tetapi kalau Yang Berhormat masih ingat, dalam sesi sidang yang lepas kita ada dapat pertambahan jumlah perbelanjaan mengurus. Pertamanya sebanyak RM8 juta untuk kita menerbitkan lebih kurang 400 episod iaitu 200 episod rancangan kurikulum dan 200 episod untuk rancangan umum. Jadi 400 episod yang kita luluskan dalam sidang yang lepas iaitu sebanyak RM8 juta. Untuk soalan Yang Berhormat, sekolah sekarang ini kita mempunyai lebih kurang 9,618 buah sekolah yang mempunyai rangkaian *schoolnet*.

■1100

Kalau dilihat dari segi peratusan, hampir 99%, maksudnya sekolah di negara kita sudah ada *schoolnet*. Makmal komputer di seluruh negara kita ada lebih kurang 6,633 dan pusat akses sekolah yang saya sebutkan tadi ada lebih kurang 3,025. Dari segi perbandingan yang ditanya oleh Yang Berhormat, saya memang tidak ada maklumat tersebut. Namun berdasarkan kepada penerapan kita yang menggunakan instrumen SSQS iaitu dari segi kita meletakkan bintang dan sebagainya kepada sekolah-sekolah

yang ada kemudahan. Perkara ini, kita lihat sekolah yang menerima lima bintang ialah 96 buah sekolah, empat bintang ialah 2,412 buah sekolah dan tiga bintang sebanyak 5,067 buah sekolah. Keseluruhannya ialah 7,575 buah sekolah.

Berdasarkan perkara ini, saya yakin bahawa sekolah-sekolah di negara kita adalah setaraf dengan sekolah-sekolah di negara lain dari segi penggunaan *schoolnet* dan juga penggunaan teknologi pendidikan ini. Terima kasih.

[Soalan No.6 – Y.B. Dr. M. Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput) tidak hadir]

7. Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan tentang langkah-langkah ke atas kebimbangan tahap kemalangan ketika pergi dan balik kerja di kalangan golongan pekerja yang semakin meningkat setiap tahun dengan angka kemalangan mencatat 20,814 kes tahun lalu, 19,041 kes pada tahun sebelumnya dan 18,387 kes pada 2002. Dan jumlah kematian akibat kemalangan itu pula hampir sama setiap tahun iaitu pada kadar 1,230 kes setahun.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah binti Mazlan]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ledang. Kementerian Sumber Manusia telah memberi perhatian yang serius mengenai peningkatan kadar kemalangan perjalanan kerja di kalangan pekerja di negara ini terutamanya yang melibatkan golongan pekerja yang merupakan pencarum PERKESO.

Data kemalangan selama tujuh tahun dari tahun 2002 sehingga 2009 menunjukkan kemalangan perusahaan iaitu yang terjadi di tapak-tapak kerja telah menurun sebanyak 47.8% iaitu dari 63,423 kes pada tahun 2002 kepada 34,376 kes pada tahun 2009. Dalam jangka masa yang sama, kemalangan perjalanan kerja pula telah kian meningkat kepada 13.2% iaitu sebanyak 18,387 kes pada tahun 2002 kepada 20,810 kes pada tahun 2009. Di dapati, 60% daripada mangsa kemalangan perjalanan kerja ini berada di umur 40 tahun ke bawah. Dari jumlah ini, 35% di bawah 25 tahun. Dari jumlah ini, 79% mangsa ialah pekerja lelaki dan 21% pekerja wanita.

Keadaan ini merunsingkan kerana ia merugikan majikan dan negara dari segi sumber tenaga kerja dan dari perspektif sosial, negara kehilangan ramai calon-calon suami ataupun kehilangan ketua-ketua keluarga yang membebaskan keluarga dan masyarakat.

Kementerian Sumber Manusia telah melaksanakan program kesedaran dengan cara menjalankan latihan pengendalian motosikal secara selamat yang dijalankan secara berperingkat khususnya kepada pekerja-pekerja yang bekerja di majikan-majikan

yang telah dikenal pasti mempunyai kadar kemalangan semasa di dalam perjalanan yang paling tinggi pada tahun 2009. Program ini dijalankan secara usaha sama oleh PERKESO dengan pertubuhan-pertubuhan sukarela dengan agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (NIOSH), Jabatan Keselamatan Jalan Raya bersama dengan Majlis Negara bagi Keselamatan Kesihatan Pekerjaan dan pihak-pihak lain yang berkaitan.

Di samping itu, Kementerian Sumber Manusia juga telah mengarah PERKESO supaya mengujudkan satu mekanisme untuk mencari langkah bagi membendung dan mengurangkan kadar kemalangan dengan membentuk satu jawatankuasa pencegahan bencana kerja. Selain daripada itu, usaha ini diperkukuhkan di mana PERKESO akan mengujudkan satu cawangan Pencegahan Bencana Kerja di PERKESO sendiri selain dari melaksanakan program pencegahan, akan juga mengendalikan kajian-kajian. Terima kasih Yang Berhormat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, sama ada kemalangan di tempat kerja ataupun kemalangan semasa pergi dan balik kerja, akhirnya yang menjadi mangsa ialah pekerja itu sendiri dan keluarganya terutama yang melibatkan kematian ataupun kecederaan teruk, OKU dan sebagainya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya. Setakat ini, dengan situasi bilangan kemalangan yang nampaknya menurun tetapi masih pada tahap yang tinggi, apakah— ini soal keperluan, Tuan Yang di-Pertua. Apakah bantuan-bantuan yang disalurkan dengan pantas ataupun bantuan secara *one-off* yang boleh kita bantu kepada mereka ini, kepada mangsa-mangsa ini terutamanya keluarga termasuklah mungkin sara diri dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, ingin juga saya bertanya apakah pembaikan-pembaikan dalam bentuk bantuan? Seperti yang kita ada, bantuan *ex-gratia* yang ada di sektor awam supaya keredaan itu berlaku di peringkat keluarga yang ditimpa kemalangan ini. Akhir sekali saya hendak bertanya. Dengan kadar kemalangan tersebut, adakah pihak kementerian bimbang kemungkinan satu masa nanti peruntukan tidak cukup ataupun pada paras yang rendah untuk menampung kemalangan, untuk menampung pembayaran ke atas kemalangan pada masa-masa akan datang. Sekian, terima kasih.

Dato' Maznah binti Mazlan: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ledang bertanya mengenai dengan bantuan-bantuan segera. Apakah bantuan-bantuan disalurkan dengan pantas kepada keluarga yang terlibat dengan

kemalangan. Sekiranya kemalangan ini melibatkan kehilangan nyawa, PERKESO memberi bantuan segera dalam bentuk bantuan pengurusan jenazah sejumlah RM1,500 yang boleh diproses dalam masa satu hari. Dalam satu hari, apabila keluarga mangsa menuntut, dia boleh terima kewangan tersebut pada hari yang sama di pejabat PERKESO.

Kemudian, tentang pembaikan-pembaikan, usaha-usaha untuk meningkatkan bantuan kepada mangsa-mangsa ini, kita dapati terdapat tiga jenis mangsa.

- (i) kehilangan nyawa ataupun maut;
- (ii) hilang upaya sementara; dan
- (iii) hilang upaya kekal.

Jadi, ketiga-tiga ini mempunyai bentuk bantuan yang berbeza-beza mengikut keadaan mangsa dan kita dapati bahawa PERKESO dapat memanjangkan pampasan dan lain-lain yang berhak kepada pencarum dalam jangka masa tujuh hari kalau mengikut piagam pelanggan bagi kes-kes hilang upaya sementara. Namun, biasanya kita dapati walaupun piagam pelanggan PERKESO itu memerlukan tujuh hari dan bagi hilang upaya kekal 14 hari, pada lumrahnya mereka dapat menyampaikan bantuan ini dalam masa tiga hari, *insya-Allah*.

Seterusnya sama ada peruntukan ataupun sumbangan-sumbangan daripada pencarum ini dikhuatiri suatu hari nanti tidak mencukupi untuk memberi perlindungan dan pampasan kepada semua pencarum, saya percaya ini masalah yang akan dapat ditangani oleh Kementerian Sumber Manusia dan juga oleh PERKESO melalui kaedah-kaedah, melalui kajian dan cara-cara apabila keadaan itu berlaku.

■1110

Akan tetapi insya-Allah setakat ini PERKESO masih lagi dapat menampung keperluan pelanggan-pelanggannya. Terima kasih.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang bijaksana memberi ruang kepada saya untuk soalan tambahan.

Di samping kita merenung dan kita khuatiri kebimbangan tahap kemalangan ketika pergi balik di kalangan golongan pekerja, kita juga harus memikirkan seperti mana di dalam Akta PERKESO itu sendiri di bawah seksyen 24, Tuan Yang di-Pertua, laluan utama sahaja yang boleh membuat tuntutan. Contohnya, laluan utama itu diambil jalan lain oleh pekerja kerana sesuatu hal, dia tidak boleh menuntut haknya sebagai yang membuat tuntutan dan tempohnya hanya setahun dan jika tiada alasan yang kukuh.

Soalan tambahan saya ialah adakah kementerian berhasrat untuk mengkaji semula seksyen ini untuk kebaikan pekerja yang malang? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Maznah binti Mazlan: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada soalan Yang Berhormat Kuala Langat mengenai jangka masa tuntutan yang dihadkan. Saya juga ingin memaklumkan bahawa banyak kes yang telah dirujuk kepada kementerian ataupun kepada PERKESO, kita juga mengambil kira masalah ataupun mengikut *case by case* dengan izin, mengikut keadaan kes-kes tertentu dan kita boleh membawa ke Lembaga PERKESO untuk pertimbangan-pertimbangan khas sekiranya berlaku kes-kes tuntutan yang dibuat lewat daripada waktu yang sewajarnya.

Keduanya, adakah kementerian berhasrat untuk mengkaji ataupun untuk meminda mana-mana peruntukan di dalam Akta Keselamatan Kesihatan Pekerjaan. Ini adalah satu usaha yang dibuat oleh Kementerian Sumber Manusia dan juga oleh PERKESO secara berterusan mengikut keperluan dan keadaan semasa. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah difahamkan bahawa ayahanda kepada Yang Berhormat Ipoh Barat telah meninggal dunia. Atas sebab itu beliau tidak dapat hadir pada persidangan pada pagi ini dan atas sebab itu juga maka soalan nombor lapan tidak dapat saya kemukakan untuk jawab secara lisan. Bagi pihak Ahli-ahli Dewan Rakyat saya ucap takziah kepada Yang Berhormat Ipoh Barat.

[Soalan No. 8 – Y.B. Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) tidak hadir]

9. Dato' Seri Tengku Azlan Ibni Sultan Abu Bakar [Jerantut] minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah perancangan yang telah disediakan untuk mengisi kekosongan bangunan LCCT yang lama bila LCCT yang baru siap untuk digunakan.

Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Kong Cho Ha]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, terminal LCCT yang sedia ada telah dibangunkan pada tahun 2005 dan beroperasi mulai 26 Mac 2006 dengan kapasiti 10 juta penumpang setahun. Kemudiannya telah dinaik taraf kepada 15 juta penumpang setahun. Reka bentuk terminal ini adalah bagi kegunaan sementara operasi penerbangan tambang murah ataupun *low cost carrier* bagi memenuhi keperluan semasa penerbangan tambang murah.

Dengan demikian, terminal sementara ini direka bentuk sedemikian rupa bagi membolehkannya digunakan sebagai terminal kargo udara apabila operasi penerbangan

tambang murah dipindahkan ke terminal tetap nanti. Pada tahun 2009, sejumlah 13.1 juta penumpang telah dikendalikan di Terminal LCCT sedia ada. Jadi ini bermakna ia sudah hampir capai kapasiti maksimumnya.

Dengan siapnya LCCT baru, LCCT yang sedia ada akan digunakan sebagai terminal kargo udara seperti yang direka bentuk dari mula lagi. Dengan penukaran Terminal LCCT sementara kepada terminal kargo, ia mampu menambah kapasiti gudang kargo di KLIA sebanyak 320,000 tan metrik setahun menjadikan keseluruhan kapasiti kargo di KLIA kepada 1.32 juta tan metrik setahun. Penambahan kapasiti ini dapat menampung keperluan permintaan syarikat-syarikat yang telah menunjukkan minat menggunakan terminal ini. Sekian.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar [Jerantut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tahu berapakah anggaran kos dari segi untuk membina LCCT baru ini? Terima kasih.

Dato' Seri Kong Cho Ha: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia Airport Holdings Berhad telah pun memperuntukkan bajet sebanyak RM2.5 bilion untuk membangunkan kemudahan-kemudahan LCCT yang baru dengan banyak kemudahan-kemudahan sampingan yang lain. Jadi kemudahan yang akan dibangunkan di LCCT baru ini termasuklah satu terminal baru dengan kapasiti 30 juta penumpang setahun dan ia juga mengandungi *floor area*, keluasan lantai sebanyak 242 ribu meter persegi.

Pada masa yang sama, satu landasan baru iaitu *runway* yang baru, yang panjang 3,660 meter juga akan dibuat. LCCT yang baru ini juga mempunyai *facility parking* untuk 76 pesawat. Selain daripada itu, sistem ICT akan ditingkatkan dan satu ERL ataupun *express rail link* di antara LCCT baru dengan KLIA main terminal juga akan dibuat untuk *similar connectivity* di antara LCCT baru dengan terminal utama KLIA. Di samping itu, satu tempat meletak kereta yang bertingkat yang dapat menampung 6,000 buah kereta juga di antara *facility* yang akan dibangunkan di LCCT baru ini dengan *facility-facility* yang lain juga. Sekian.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, memandangkan banyak projek yang dibuat keputusan *ad hoc* seperti Lapangan Terbang LCCT tanpa mengambil kira kerugian besar yang melibatkan berbilion-bilion ringgit. Saya ingin tahu apakah langkah kerajaan dan juga hasrat kerajaan mengadakan satu panel atau mekanisme untuk mengkaji setiap projek gergasi yang melibatkan berbilion ringgit untuk mendengar suara pakar atau suara rakyat untuk

membuat keputusan akhir sebelum membuat keputusan untuk kepentingan rakyat khususnya wang rakyat. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

■1120

Dato' Seri Kong Cho Ha: Tuan Yang di-Pertua, itu bukan soalan khusus kepada LCCT ini. Ia adalah satu dasar kerajaan. Memang kerajaan mempunyai dasar, panel, *Economy Council* dengan EPU, untuk merancang semua projek besar untuk negara kita. Akan tetapi, yang dikatakan oleh Yang Berhormat berkenaan dengan *ad hoc*, saya ingat kalau ditunjukkan kepada LCCT dan pembangunan KLIA keseluruhannya, ia bukan *ad hoc*. Ini kerana pada masa sekarang, terminal utama dengan terminal LCCT sementara ini, kalau dicampur ia, terminal juga tidak akan menampung jumlah penumpang yang ada. Jadi LCCT yang baru ini terpaksa dibangunkan untuk masa hadapan yang lebih cerah untuk MAHB dan pada masa yang sama kita dapat menambah *air cargo traffic* yang melalui KLIA, terima kasih.

10. **Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah kriteria yang dipakai oleh Kementerian Kesihatan untuk meluluskan air minuman daripada bekalan air paip yang dirawat dan dibotolkan sebagai selamat.

Menteri Kesihatan [Dato' Seri Liow Tiong Lai]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Raja. Kerajaan di bawah Kementerian Kesihatan bertanggungjawab dalam memastikan keselamatan air minuman daripada bekalan air paip yang dirawat dan dibotolkan untuk jualan melalui penguatkuasaan Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Perkara 360(b) Peraturan-Peraturan Makanan 1985 telah mentakrifkan air minuman bungkus adalah air minuman yang diperakukan, dan dibotolkan dalam botol kedap atau lain-lain bungkus dan dicadangkan untuk makanan manusia.

Air minuman berbungkus hendaklah mematuhi standard sebagaimana yang telah ditetapkan dalam jadual ke-25 dalam Peraturan-Peraturan Makanan 1985 yang merangkumi standard parameter fizikal, parameter kimia, parameter bakteriologi dan parameter '*real the activity*'. Bagi memastikan jaminan dari segi keselamatan dan kualiti air minuman berbungkus, kerajaan telah mewujudkan keperluan pelesenan bagi punca air untuk tujuan perdagangan atau perniagaan. Syarikat harus mempunyai lesen yang sah sebelum produk air minuman berbungkus boleh dijual di pasaran.

Di antara kriteria yang perlu dipatuhi sebelum kelulusan lesen kepada pemohon dikeluarkan antaranya;

- (i) air yang dibotolkan hendaklah mematuhi standard air sebagaimana jadual 25, Peraturan Makanan 1985,
- (ii) menyediakan manual sistem kawalan keselamatan air minuman berbungkus dan air mineral semula jadi yang diamalkan diversifikasi oleh KKM;
- (iii) mematuhi syarat berkaitan kebersihan premis dan proses rawatan yang dijalankan serta mendapat surat perakuan dan sokongan daripada Jabatan Kesihatan Negeri di mana kilang-kilang itu terletak; dan
- (iv) label yang digunakan pada air minuman berbungkus hendaklah telah disemak dan diperakukan oleh Bahagian keselamatan dan kualiti makanan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Untuk memastikan semua kilang untuk mematuhi syarat-syarat ini kita telah pun mengadakan dan kita pastikan bahawa pegawai menjalankan pemantauan kualiti air minuman berbungkus yang dihasilkan dengan mengambil *sample* bagi tujuan analisa mikrobiologi setiap tiga bulan sekali, bahan-bahan kimia setiap enam bulan sekali dan bahan-bahan radioaktif setiap setahun sekali. Kelulusan lesen yang dikeluarkan boleh digantung atau dibatalkan sekiranya pengilang telah melanggar syarat-syarat pemegang lesen sebagaimana yang ditetapkan.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Menteri di atas jawapan. Yang Berhormat Menteri, saya ingin bertanya di antara banyak air yang dijual di dalam botol, ada di antaranya air osmosis songsang dan air paip yang telah dirawat. Baru-baru ini saya agak terkejut kerana saya ingin melihat kebersihan air paip berbanding dengan air yang dirawat dalam botol. Dengan proses *total dissolved solids*, jumlah pepejal yang terlarut, didapati bawah jumlah pepejal yang terlarut di dalam air yang dibotolkan yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan sama dengan jumlah pepejal yang terlarut di dalam air paip. Lebih baik kita minum air paip.

Apakah bezanya di antara air paip dengan air paip yang dirawat ini dan harganya adalah jauh lebih mahal dari air paip. Jadi keuntungan yang diambil oleh pihak 'pembotol' adalah terlalu tinggi. Saya ingin bertanya kepada kementerian tidakkah kementerian ingin untuk mengenakan hanya air-air yang dirawat secara osmosis songsang kerana cara ini lebih berkesan dalam penapisan dan dari segi jumlah pepejal yang terlarut itu, boleh dikatakan sama atau hampir kosong, tidak ada pepejal terlarut ini, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat. Bekalan air paip dalam negara kita memang boleh diminum. Memang adalah air yang bersih. Jumlah pepejal yang terlarut dalam air paip yang sampai ke rumah kita memang juga dikawal dan juga dipantau oleh Kementerian Kesihatan. Memang air botol yang di kilang itu memang mempunyai proses *nutrition* yang lebih rapi dan yang lebih terperinci. Kita juga akan memastikan mereka mematuhi syarat-syarat yang telah saya sebutkan tadi. Iaitu empat syarat utama di mana mereka perlu memastikan semua kandungan mikrobiologi, kandungan kimia, kandungan radioaktif tidak terdapat dalam kandungan air tersebut.

So, saya yakin apa yang disarankan tadi, *reverse osmosis* songsang itu, memang juga ada kilang-kilang yang menggunakan osmosis songsang. Akan tetapi kita membenarkan rawatan. Sehingga hari ini sebanyak 180 pengeluar air minuman berbungkus yang telah diberikan lesen oleh KKM yang menggunakan air paip, di mana mereka juga telah menggunakan *filtration* masing-masing untuk memastikan ia adalah bersih dan sihat untuk diminum. Terima kasih.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri mengeluarkan satu kenyataan besar iaitu air paip boleh diminum dan boleh itu belum tentu selamat. Boleh atau tidak didefinisikan selamat ataupun sebagainya. Ia bergantung kepada keterpeliharaan air-air paip kita, Yang Berhormat Menteri. Saya yakin dan percaya mekanisme kawalan yang diperkenalkan oleh kementerian kepada kilang-kilang dan pengeluaran itu adalah *establish* dan tidak boleh dipertikaikan.

Akan tetapi yang menjadi masalahnya adalah pengeluar-pengeluar air pengilang-pengilang air yang tidak berdaftar, secara haram dan mereka inilah yang menjadi ancaman kepada peruncit-peruncit dan juga pengguna-pengguna. Akhirnya akan menggunakan air-air yang akan diminum dan akan menjejaskan juga tahap kesihatan pengguna-pengguna.

Yang Berhormat Menteri, soalan saya apakah bentuk mekanisme kawalan secara proaktif yang boleh didedahkan kepada pengguna-pengguna untuk menguji secara langsung keterpeliharaan air-air dari segi pH nya atau dari segi kandungan-kandungan pepejal dan sebagainya. Adakah kementerian menyediakan pendedahan tersebut? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu. Memang kerajaan seperti yang saya nyatakan tadi, kita membuat pemantauan ke kilang-kilang pembungkusan air dan membuat ujian secara rambang untuk memastikan mereka mematuhi kriteria yang kita tetapkan. Sehingga hari ini, sebanyak 18 buah kilang lesen air minuman berbungkus telah dibatalkan disebabkan gagal mematuhi syarat-syarat pemegang lesen. Saya juga ingin menyeru orang ramai yang mengambil air botol, sekiranya mereka mendapati ada waswas terhadap kandungannya, boleh melaporkan kepada Kementerian Kesihatan untuk kita ambil tindakan dengan secepat mungkin. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan kepada soalan tambahan daripada Yang Berhormat Tangga Batu, maka sesi bagi pertanyaan jawapan-jawapan lisan selesai dan ini untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu pada hari esok jam 10 seperti biasa tidak ada sesi pertanyaan jawapan-jawapan lisan dan mengikut Aturan Urusan Mesyuarat untuk esok ialah menyambung perbahasan rang undang-undang. Harap maklum.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN 2010

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengawal harga barangan dan caj bagi perkhidmatan dan melarang pencatutan dan untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara yang berkaitan atau bersampingan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I [Dato' Tan Lian Hoe]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PEMULIHARAAN HIDUPAN LIAR 2010****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah, “Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. *[12 Julai 2010]*

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Peraturan Mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Peraturan Mesyuarat 22(4). Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan ini dikehendaki memberi pertanyaan bukan lisan sebanyak lima soalan tetapi sehingga hari ini – yang sepatutnya hari terakhir bagi sesi ini, sehingga hari ini saya hanya terima satu jawapan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, cuba ulang balik Peraturan Mesyuarat...

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: P.M.22(4).

Tuan Yang di-Pertua: P.M.22(4). Sila ulang balik apa maksud P.M.22(4).

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Akan tetapi sehingga hari ini saya hanya terima satu jawapan untuk soalan bukan lisan saya. Saya cuba tanya semua Ahli Yang Berhormat di Dewan ini berapa jawapan yang mereka telah terima. Jadi saya minta Tuan Yang di-Pertua memberi teguran yang sekuat-kuatnya terhadap Menteri KPI sebab ini memang tiada KPI. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya?

Tuan Yang di-Pertua: Saya respons dahulu Yang Berhormat, kepada apa yang dibangkitkan tadi. Saya tidak nampak apa kena-mengena P.M.22(4) kepada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Maka, saya tidak patut respons kepada perkara itu. Sila Yang Berhormat Titiwangsa.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Saya ingat hendak minta sedikit sambung daripada itu. Jadi bolehkah saya bercakap juga? Tuan Yang di-Pertua bagilah sedikit peluang. Maksud saya Tuan Yang di-Pertua, perkara ini walaupun mungkin salah dari segi Peraturan Mesyuarat dan saya pun tidak sempat merujuk Peraturan Mesyuarat

yang benar dan betul, tetapi perkara ini saya ingat telah berulang kali dan kita berharap sangat sepatutnya kita sudah bagi awal, jadi kementerian-kementerian patut menjawab lebih awal sebab kita hendak mempergunakan jawapan yang diberikan oleh kementerian sepanjang kita berbahas. Itu perkara pertama.

Kedua juga Tuan Yang di-Pertua, saya memohon supaya jawapan ini juga dibuat dalam bentuk *soft copy*. Maknanya kita boleh akses melalui laman web Parlimen ataupun *email* dan dengan itu kita boleh gunakan untuk masuk blog, *website* dan sebagainya sebab sekarang ini zaman IT, Tuan Yang di-Pertua. Kalau setakat dalam *hard copy* ini, agak ketinggalan sedikit. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Titiwangsa. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan, sila ambil maklum pada cadangan itu. Bagi saya sebagai Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai masalah kepada perkara itu tetapi saya juga perlu ingatkan bahawa jawapan-jawapan kepada soalan-soalan sebelum jawapan itu dipaparkan di mana-mana *website* atau diberi kepada Ahli Yang Berhormat, sila teliti baik-baik. Jangan ada jawapan-jawapan yang bercanggah dan selepas itu saya pula yang sakit kepala memberi interpretasi pada Peraturan Mesyuarat 36(12). Harap maklum.

Yang Berhormat Batu Gajah, silakan.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Batu Gajah *decline* semalam Tuan Yang di-Pertua. Dia kata dia akan berbahas di peringkat jawatankuasa. Jadi Tangga Batu hendak ambil tempat dia untuk berbahas. Itu kenyataan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sri Gading, Tuan Yang di-Pertua.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Ada yang berminat hendak berbahas lagi Tuan Yang di-Pertua.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Sebab semalam Tuan Yang di-Pertua kata selepas saya berucap selepas itu menteri jawab, jadi saya boleh pilihlah Jawatankuasa atau sekarang. Memandangkan Tuan Yang di-Pertua telah panggil saya...

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat Batu Gajah boleh pilih sama ada saya atau Yang Berhormat Sri Gading.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Maaf. Tuan Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua: Tiga pilihan – Yang Berhormat Tangga Batu, Yang Berhormat Sri Gading atau Yang Berhormat Ledang.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat Kepong. Yang Berhormat Kepong pun berminat.

Tuan Yang di-Pertua: Ataupun mahu juga menyambung perbahasan?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kalau macam itu saya simpan untuk Jawatankuasa, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi pilih yang mana satu?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sri Gading.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *'Yang mana satu pilihan kalbu'.*

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya tidak mahu pilih Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dia tentu pilih Sri Gading. Sahabat lama dia.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Suami Yang Berhormat Batu Gajah orang Ledang.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Biarlah Tuan Yang di-Pertua guna kuasa Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan simpan untuk ucapan saya dalam Jawatankuasa. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sakit kepala balik lagi kepada Tuan Yang di-Pertua fasal terpaksa memilih. Jadi oleh kerana perbahasan ini adalah daripada pihak pembangkang, biar saya beri kepada pembangkang juga dan oleh kerana Yang Berhormat Kepong berdiri, biarlah dari DAP kali ini. Sila Yang Berhormat Kepong.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat Kepong merapu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Dia tidak ada *point*, dia...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kepong tidak ada binatang liar Tuan Yang di-Pertua, dia bandar raya.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua, boleh bagi peluang ketiga?

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, dia pakar kulit sahaja. Dalam semua dia tidak tahu, atas kulit sahaja dia tahu. Dia *superficial*, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat kepong teruskan, kalau tidak saya panggil Yang Berhormat Tangga Batu.

11.37 pg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 kerana kawasan saya memang ada kena-mengena dengan hutan simpan, FRIM, Bukit Tagar dan sebagainya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kepong ada orang liar.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Di Sri Gading pun tidak ada FRIM, di Sri Gading tidak ada langsung. Gading tunggulah itu, dia punya gading itu tidak serupa. Dia ada bunga. Sri Gading ada satu jenis bunga dan bunganya kecil sahaja.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Kepong merapu, tidak habis-habis lagi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Itu ada kena-mengena dengan alam sekitar juga Sri Gading itu, ada kena-mengena.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Apa hendak jelas lagi?

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Kepong, dalam rang undang-undang ini kita ada dua perkataan yang kita lihat dalam rang undang-undang ini pemuliharaan tetapi apa sebenarnya bezanya definisi antara pemuliharaan dengan pemeliharaan iaitu dalam bahasa Inggeris *conservation* iaitu pemeliharaan dan pemeliharaan adalah *more on rehabilitation* dengan izin. Minta pendapat Yang Berhormat Kepong soal rang undang-undang ini.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Memang di Malaysia ini kita kadang-kala keliru sedikitlah. Apa sebenarnya pemeliharaan dan pemuliharaan kadangkala ada keliru sedikit seperti Yang Berhormat Putatan, berpatutan pun ada keliru sedikit. *[Ketawa]*

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Peraturan Mesyuarat. Ini tidak baik.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Putatan itu memang satu '**valor**' lah itu, ia ada beberapa jenis. Sebab itu dia sentiasa '**valor**' sangat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sudah siap Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Jadi saya memang setuju kita adakan rang undang-undang seumpama ini, kerana bagi Yang Berhormat Betong memang lewat sebab masalah ini saya bangkitkan pada tahun 1982. Ia memang tidak ada kena mengena dengan Yang Berhormat Betong, waktu itu Betong tidak ada di sini. Akan tetapi, masalah itu berulang-ulang menjadi bertambah buruk mengenai hidupan liar kita ini. Di sini memang saya nampak banyak yang terkandung di dalamnya, saya berharap semua ini dapat dikuatkuasakan. Jawapan daripada Yang Berhormat kepada saya mengenai hal ini, misalnya pada bulan lepas, jawab kepada saya yang mengatakan bahawa Malaysia ini kawasan hutannya masih 70%, tapi saya rasa itu tidak betul.

Untuk maksud penguatkuasaan rang undang-undang ini, kita mesti ada satu audit mengenai kawasan hutan di negara kita ini. Tuan Yang di-Pertua, misalnya pada kurun ke-19, hutan hujan tropika yang kita miliki meliputi hampir 90% di seluruh Semenanjung, dan lebih daripada 90% di Sarawak dan Sabah. Kemudian sejak kemerdekaan kita pada tahun 1957, kawasan yang diliputi hutan itu mula berkurangan, di mana dianggarkan pada tahun 1957 seluas 74% dan kebanyakan kawasan tanah rendah telah ditukar statusnya bagi menggiatkan lagi sektor pertanian, terutamanya tanaman getah, tanaman kelapa sawit dan sebagainya. Pada tahun 70-an pula, saya diberitahu, kawasan hutan telah berkurangan kepada 61%, dan kemudian pada tahun 80-an, hanya tinggal 47%.

Ini bermakna setiap tahun dianggarkan negara kita kehilangan kira-kira 7,000 kilometer persegi kawasan hutan asli. Ini bukan satu kawasan yang kecil dan diubah menjadi kawasan kelapa sawit dan sebagainya, juga ada kawasan-kawasan di mana kita ada pembinaan dan sebagainya. Di sini, saya berharap Yang Berhormat Betong, kita dapat adakan satu audit yang betul, iaitu kawasan hutan kita ini, berapakah sebenarnya keluasan pada tahun 2010? Bukan 70% yang dijawab oleh Yang Berhormat Betong pada bulan lepas itu. Saya tidak setuju dengan angka itu. Tambahan pula kita hendak tahu daripada kawasan hutan ini, apakah keluasan hutan asli? Apakah keluasan hutan yang telah ditanam semula? Bagi kawasan hijau pula, apakah keluasan ladang kelapa sawit dan ladang-ladang getah dan sebagainya?

Kita memang hendak tahu, dan setakat ini walaupun Yang Berhormat membentangkan rang undang-undang ini, saya tidak nampak disebutkan di dalam Dewan ini, kawasan hutan yang kita hendak pelihara. Kalau kita hendak memulihara

hidupan liar kita ini, bermakna kita mesti pelihara kawasan hutan. Jika tiada kawasan hutan, memang tidak ada hidupan liar. Itu sama ertinya. Dengan ini saya berharap, kita mesti adakan satu audit supaya kita sama-sama dapat menjaga hidupan liar kita. Saya beri satu contoh, di kawasan Kepong, kita ada FRIM, *forest research...*

Dato' Kamaruddin Jaffar [Tumpat]: [*Bangun*]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Baik. Ya, sila.

Dato' Kamaruddin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Yang Berhormat Kepong. Tentang audit kawasan hutan di negara kita ini, mungkin Yang Berhormat Kepong ingin lagi supaya audit itu lebih terperinci, bukan sahaja berapa jumlah ekar atau hektar hutan yang selebihnya. Mungkin Yang Berhormat Kepong ingin lagi supaya dijelaskan berapa ribu atau ratus ribu atau berjuta ribu hektar hutan yang tinggal. Daripada hutan itu, berapa ribu hektar kelapa sawit, berapa ribu ekar getah, berapa ribu ekar tanah yang terbiar supaya tidak ada silap tafsiran tentang konsep 'Bumi Hijau' kita, tentang kita menjaga alam semula jadi kita.

Agensi-agens antarabangsa mungkin tidak mentafsirkan ladang kelapa sawit sebagai kawasan hijau, oleh itu tidak boleh ditakrifkan begitu. Jadi mungkin kita ingin satu audit yang memberi perincian yang jelas supaya tidak ada kekeliruan nanti, kita tafsirkan bahawa ladang kelapa sawit pun hutan juga sebab ia pun pokok, ia pun hijau dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat Kepong?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Memang saya setuju dengan Yang Berhormat Tumpat, kita mesti mengadakan audit yang lebih terperinci dengan pentakrifan yang lebih jitu, tepat dan persis, supaya kita boleh menguatkuasakan rang undang-undang ini dengan lebih berkesan. Setakat ini pun saya tahu Yang Berhormat Betong ada membuat persiapan, tetapi persiapan itu tidak cukup. [*Ketawa*] Memang tidak cukup. Saya bagi satu contoh, di Kepong, kita ada *Forest Research Institute* (FRIM), kawasan penyelidikan hutan yang lebih kurang seluas 2,000 ekar. Di sekeliling itu ada Bukit Tagar. Bukit Tagar ini memang kawasan tadahan. Kawasan tadahan ini memang penting. Ia memang ada kena mengena dengan rang undang-undang ini. Ini kerana pemuliharaan hidupan liar sama dengan kita hendak memulihara kawasan tadahan. Kawasan tadahan ini ada kena mengena dengan bekalan air di negara kita.

Di Bukit Tagar ini, saya sering, sudah dua tiga kali saya bangkitkan mengenai Bukit Tagar dengan Yang Berhormat Betong sebab Bukit Tagar ini bukan sahaja kawalannya tidak begitu ketat dan di situ pun ada tempat yang dijadikan tempat pembuangan sampah, memang ada secara besar-besaran.

■ 1150

Saya hendak mengetahui daripada Yang Berhormat Betong, bagaimana pandangan Yang Berhormat Betong terhadap didirikan satu tempat luas untuk pembuangan sampah, pelupusan sampah. Di *landfill* saya katakan, *landfill* saya tidak tahulah macam mana dia ada *landfill*. *Landfill* ini memang ada satu takrifan itu satu tong lori sampah, tiga lori pasir, itu *landfill*. Banding Bukit Tagar sekarang itu kawasan pelupusan sampah itu. Saya tidak nampak banyak pasir juga dan ini satu masalah.

Di kawasan tadahan air ini, Bukit Tagar ini. Apakah keadaan pembalakan di situ? Kalau kita lihat daripada kawasan Kepong itu tidak nampak ada pembalakan tetapi di sebalik bukit itu di sebelah yang sana, yang tidak nampak daripada Kepong. Saya ingat kegiatan-kegiatan tidak diingini itu berlaku di situ. Saya berharap Yang Berhormat Kepong... Yang Berhormat Betong. Keliru sikit. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Sama ada 'Betong', 'Kepong' itu susah sikit. Keliru sikit. Memang macam itu. Saya berharap bukan sahaja kita audit untuk hutan bahkan audit untuk kawasan tadahan kerana mengikut laporan media, kalau kita tidak ambil tindakan dua tahun akan datang kita tidak ada air dah. Kurang air. Kurang air, bekalan air di kawasan di negara tropika penuh dengan air hujan. Ha! Pelik itu. 'Hairan binti Pelik' itu. Memang macam itu, ya? Saya memberi peringatan kepada Yang Berhormat Betong bukan Kepong, Betong. Perkara ini sangat dikelirukan.

Dato' Kamaruddin Jaffar [Tumpat]: *[Bangun] [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, baik, baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kuala Krai.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kepong. Saya hendak menextendkan sedikit hujah Yang Berhormat Kepong ini kepada mengapa rang undang-undang ini tidak memasukkan negeri-negeri Sabah dan Sarawak dalam cakupan akta ini. Saya mengandaikan kenapa Sarawak tidak dimasukkan kerana sebahagian daripada kawasan hutan di Sarawak, apabila siapnya rancangan ataupun pembangunan jana kuasa elektrik Bakun ia akan menenggelamkan suatu kawasan hutan yang luas. Ertinya segala hidupan liar di dalam kawasan ini akan terpaksa meninggalkan kawasan secara sendiri ataupun mungkin ada

program pemindahan besar-besaran. Jikalau tidak berlaku program ini mungkin banyak haiwan hidupan liar ini akan menjadi korban. Jadi untuk mengelakkan kerajaan daripada diambil tindakan melalui undang-undang ini nanti, maka adakah itu agaknya sebab mengapa rang undang-undang ini mengecualikan Sarawak daripada dikuatkuasakan. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Memang saya pun berasa 'Hairan binti Pelik' juga. Mengapa kita tidak masukkan Sabah dan Sarawak? Mungkin ada masalah undang-undang juga kerana undang-undang kadangkala tidak boleh sampai ke Sabah dan Sarawak. Saya berharaplah rang undang-undang ini dapat dikemukakan semula untuk memasukkan kawasan Sabah dan Sarawak. Memang di Sabah misalnya bukan sahaja di Bakun. Bakun itu kawasan hutan dia musnah teruk. Teruklah sekali. Teruk sekali dan tidak tahulah sama ada Yang Berhormat Betong ada pergi tengok macam mana pokok-pokok hutan itu dimusnahkan sama sekali di kawasan Bakun.

Di sini kalau di Sabah kita tahu di Sabah yang dilaporkan itu, orang utan. Orang utan bilangan sudah kurang dan dilaporkan bahawa 20 tahun yang lepas masih ada 20,000 orang utan. Sekarang hanya tinggal 11,000 . Itu pun kita tidak tahu bilangan yang sebenarnya. Bilangan yang sebenarnya kita tidak tahu. Pelik jugalah mengapa kita sudah tidak masukkan kawasan Sabah?

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Laluan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Boleh Yang Berhormat Titiwangsa.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kepong. Saya tertarik dengan apa yang dinyatakan oleh Kepong tentang orang utan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Kepong, adakah Kepong menyedari berlakunya penderaan kalau kita boleh katakan penderaan kepada binatang-binatang di dalam kawasan-kawasan rekreasi. Di mana satu contoh harimau. Ini ditunjukkan dalam *YouTube*. Saya ada pengalaman bergambar dengan harimau di puncak Bandung semasa lawatan ke sana dengan keluarga beberapa tahun yang lepas. Saya lihat pada masa itu harimau itu nampak begitu jinak. Tetapi selepas balik apabila saya lihat gambar itu saya baru perasan kemungkinan besar harimau ini diberi ubat. *Being drug*lah maksudnya menyebabkan dia boleh diam untuk bergambar.

Kemudian tidak lama selepas itu saya mendapat satu hantaran FB saya, iaitu satu *YouTube* yang ditunjukkan di Malaysia di mana satu pusat rekreasi menunjukkan gambar seekor harimau yang memang kita jelas sangat di situ dia telah diberi ubat

sehinggakan memang tidak berdaya untuk angkat kepala dia. Apabila mahu bergambar maka penjaga itu menarik kepalanya dengan kasar untuk pastikan dia berdiri tegak kepalanya untuk bergambar dan habis sahaja bergambar teruslah *immediatelly*lah harimau ini tertidur dan terbaring. Kita lihat sungguh zalim dan sungguh kesian kepada harimau. Sedangkan harimau ini adalah juga binatang yang pupus. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Kepong tentang perkara ini?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya berharaplah Yang Berhormat Betong dapat menyiasat sama ada apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Titiwangsa itu benar atau tidak kerana bilangan harimau sudah kurang. Hari ini kita ada satu sidang untuk memelihara harimau, sidang antarabangsa di Bali hari ini.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ha! Hari ini. Jangan Yang Berhormat Betong kata, "saya tidak tahu". Tahu juga sedikit, ya. Ha, harimau. Jadi itulah masalah, kita mesti mengambil perhatian dan juga jumlah hidupan liar turut kurang ekoran kitaran makanan di dalam ruang lingkung habitat yang semakin mengecil. Sekali gus turut menyebabkan kadar populasi hidupan liar menyusut secara membimbangkan. Harimau itu satu spesies yang kurang di Malaysia yang telah terancam berapa tahun dan daripada perangkaan yang dilaporkan, dianggarkan sebanyak 80% daripada jumlah yang masih tinggal akan mengalami kepupusan dalam tempoh 50 tahun lagi. Bukan sahaja penderaan ke atas binatang termasuk harimau bahkan juga di dalam hutan itu akan pupus. Saya berharaplah 80 tahun akan datang harimau di Malaysia tidak akan hilang sama sekali.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: *[Bangun]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak akan hilang sama sekali. Adakah kita hantar wakil kepada persidangan di Bali agaknya? Ada ya?

■1200

Saya berharaplah dapat memberi laporan...

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Yang Berhormat Kepong. Minta laluan. Berilah saya dahulu. Sudah bangun lama. Terima kasih Yang Berhormat Kepong, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya begitu tertarik juga dengan Yang Berhormat Kepong cakap, seluruh dunia dia cakap. Akan tetapi apa yang saya tahu di Kepong ini sendiri, walaupun sempadannya kawasan bandar, nasib baik ada FRIM di situ. Kalau tidak, saya ingat Kepong ini teruk sebab kalau kita tengok air sungai yang melalui Kepong itu sendiri,

kotor dan Yang Berhormat Kepong pun tidak ada buat apa-apa pun, tidak pernah pun hendak buat gotong-royong di situ hendak membersihkan itu. Cakap Yang Berhormat Kepong ini hendak buat itu, hendak buat ini, marahkan Yang Berhormat Menteri tidak buat apa, tidak buat ini. Akan tetapi Yang Berhormat Kepong pun - saya duduk di Kepong 10 tahun di sana, tidak pernah pun hendak ada gotong-royong bersih sungai. Hidupan-hidupan dalam sungai itu pun, hidupan liar itu pun yang ada dalam sungai pun tidak hidup. Bagaimana ini Yang Berhormat Kepong ini? Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Yang Berhormat Sekijang itu bercakap seperti kijang. *[Ketawa]* Ya, seperti kijang. Saya tanya Yang Berhormat Betong, berapa kali saya bangkitkan masalah sungai di Kepong mati sudah. Mati sudah. Yang Berhormat Sekijang tidak payah, Sungai Muar dia itu teruk sekali lah itu. Teruk sekali. Sungai Muar itu! *[Disampuk]* Bukan sahaja tidak dapat air, sungai itu teruk sekali. Bukan main teruk sekali.

Di Kepong itu ada sungai...

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Yang Berhormat Kepong, boleh tumpang? Sebab sebut Muar tadi. Sebut Muar. Sedikit sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Setengah minit sahaja.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Kita sama-sama PAC, kena bincang. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Sungai Muar itu...

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tidak! Sungai Muar itu sungai saya. Terima kasih. Ini saya sayang Yang Berhormat Kepong macam ini lah. Akan tetapi tidak mengapalah Yang Berhormat Kepong, sekurang-kurangnya Yang Berhormat Kepong ini memperjuangkan soal alam sekitar. Kita memang menghargai, adalah.

Akan tetapi Yang Berhormat Kepong, saya yakin Yang Berhormat Kepong setuju dengan saya. Kita tidak boleh setakat bercakap sahaja sama ada di dalam Dewan atau pun luar Dewan, mesti ada tindakan. Setakat bercakap dalam Dewan, luar Dewan, saya rasa tidak cukup, mesti ada tindakan.

Jadi, mungkin Yang Berhormat Kepong boleh membantu ke arah itu. Apakah Yang Berhormat Kepong ada tindakan-tindakan itu, amalan-amalan itu yang menjurus kepada membantu pemuliharaan alam sekitar termasuklah harimau-harimau tadi?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Yang Berhormat Ledang. Ledang itu kalau kita tahu, Ledang sungai pun kotor juga tetapi bukan kerana kesalahan Yang Berhormat Ledang. Ini kerana ada kilang-kilang dan sebagainya, itu masalah. Daripada Yang

Berhormat Sekijang itu, dia bercakap seperti kijang. Dia tidak tahu sungai keroh di Kepong dan Sungai Jinjang kerana ada kilang-kilang, kumbahan dan sebagainya yang mengotorkan sehingga kedua-dua sungai itu sudah mati – kilang banyak. Kalau Sekijang, saya tidak tahulah Sekijang ada kilang atau pun tidak ada. Cuma saya tahu Sungai Muar itu masalahnya teruk. Kalau tidak ambil tindakan di Sungai Muar itu terutamanya yang berdekatan dengan Sekijang, memang orang-orang di kampung-kampung di Sekijang memang mengalami masalah.

Jadi dia cakap kita pergi ke Bali, ia kena-mengena dengan hidupan liar. Yang Berhormat Betong sendiri tadi pun mengakui kena-mengena dengan ini. Dia hantar wakil pula, hantar wakil ke Bali. Itu masalah kehidupan liar bukan setakat Sekijang...

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Cakap menghadap Tuan Yang di-Pertua, bukan menghadap saya. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya tahu lah. Ya. Saya tahu lah, memang kepada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya. Yang Berhormat Tumpat bangun Yang Berhormat.

Dato' Kamaruddin Jaffar [Tumpat]: Nampak Yang Berhormat Sekijang yang boleh buat Yang Berhormat Kepong marah, orang lain susah hendak buat Yang Berhormat Kepong marah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kepong tadi sedang bercakap tentang harimau dan sebagainya dan sebelumnya menyebut tentang audit hutan dan kawasan hijau dalam seluruh negara. Dalam rang undang-undang ini ada jadual-jadual yang menyenaraikan begitu banyak jenis-jenis binatang atau pun hidupan liar yang saya kira suatu usaha yang baik di pihak kementerian. Tinggal lagi saya hendak tanya Yang Berhormat Kepong, adakah wajar untuk kita meminta daripada kementerian ini selain daripada senarai hidupan liar yang cukup agak panjang yang ada dalam rang undang-undang ini.

Perlu jugakah kalau berlandaskan tentang audit hutan tadi, kita minta juga kementerian membuat audit untuk mencatatkan jumlah satu-satu jenis binatang ini. Misalnya rusa, berapa ribu yang ada sekarang, supaya ada *base line data*, dengan izin. Pada tahun 2010, kita pastikan rusa ada misalnya 300 ekorkah di Semenanjung, 500 ekorkah di Sabah dan Sarawak. Kemudian tahun 2015 nanti berapa tinggal, lebihkah, kurangkah. Itu adalah suatu asas yang baik untuk kita sekurang-kurangnya menilai fungsi keberkesanan undang-undang yang baru akan diluluskan ini.

Kita ingin tahu haiwan atau pun hidupan liar mana yang selepas lima, 10 tahun, 20 tahun pupus terus daripada yang asalnya ada jenis nama kehidupan liar ini dalam jadual rang undang-undang ini sebenarnya 10 tahun yang akan datang ini tidak ada langsung.

Jadi, audit tentang jumlah jenis hidupan liar, satu. Audit tentang berapa jumlah yang ada pada tahun misalnya tahun 2010 setiap hidupan liar yang dicatatkan perlu ada supaya ada asas untuk kita nilai dalam masa-masa, tahun-tahun yang akan datang. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, memang yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tumpat itu betul. Saya pernah mendapat senarai daripada kementerian Yang Berhormat mengenai yang pupus, yang masih ada bilangannya dan sebagainya tetapi tidak cukup. Saya setuju kita mesti adakan audit yang lebih terperinci mengenai bilangan dan jenis, jangkaan, unjuran untuk jenis-jenis binatang sama ada akan terus hidup atau pun tidak. Misalnya, sebelum ini kita ada *peacock*, kita ada banyak tetapi sekarang satu ekor pun tidak ada. Ini bermakna masalah yang timbul dan audit seumpama ini memang perlu untuk memastikan hidupan liar kita kekal di negara ini.

Saya berbalik kepada kawasan tadahan tadi sebab saya berharap Yang Berhormat Betong dapat mengambil kira dan memberitahu kepada Dewan yang mulia ini bilangan kawasan tadahan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Saya pun berasa hairan juga mengapa – kalau Yang Berhormat daripada Sarawak tetapi undang-undangnya tidak masuk. Saya pun berasa hairan. Saya tidak masuk...

Tuan Haji Ahmad Lai Bujang [Sibuti]: Sarawak ada undang-undang sendiri lah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ha?

Tuan Haji Ahmad Lai Bujang [Sibuti]: Sarawak ada undang-undang perhutanan pemuliharaan binatang liar di dalam hutan.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Bagaimana 1Malaysia? Berpecah-pecah.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Di Sabah pun ada undang-undang tersendiri.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Oh! Sekarang jadi 2Malaysia lah? Oh! Begitu.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Itu tanggapan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: 2Malaysia ada sekarang.

Tuan Haji Ahmad Lai Bujang [Sibuti]: Pihak pembangkang memang pembangkang juga lah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Teruk lah itu.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Undang-undang mahu jadi dua. Mana boleh.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: 2Malaysia sekarang. Saya akan beri Yang Berhormat Pekan tahu lah masalah sekarang.

■1210

Dato' Kamaruddin Jaffar [Tumpat]: Betul, betul Yang Berhormat. Ini maknanya kita mahu latih bukan manusia, binatang pun kita mahu latih supaya tidak ada 1Malaysia.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Menyampuk]*

Dato' Kamaruddin Jaffar [Tumpat]: ...Yang Ke-2Malaysia. Bagaimana? Okey.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Oh! Teruklah segalanya. Mumbang pun tahu.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Yang Berhormat yang paling teruklah.

Seorang Ahli: *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Itu, Yang Berhormat Gua Musang tidak tahu. Dia mahu 2Malaysia. Hidupan liar pun dia ada dua. Pecahkan.

Tuan Haji Ahmad Lai Bujang [Sibuti]: Yang Berhormat merapu sahaja. Merapu sahaja Yang Berhormat itu.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Apa dia masalah kamu?

Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid bin Endut [Kuala Terengganu]: Penjelasan Yang Berhormat Kepong. Penjelasan ini Yang Berhormat Kuala Terengganu. Saya mahu sebutkan bukan 2Malaysia Yang Berhormat, 3Malaysia. Isu royalti, Sabah dan Sarawak royalti, Terengganu dia panggil Dana khas dan Kelantan Wang Ehsan. 3Malaysia.

Seorang Ahli: Ya. *[Tepuk]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Itulah memang bukan sahaja tiga, kadangkala lebih daripada tiga. Hah! Kita undilah. Kalau mahu ehsankan itu memang dia tambah itu, ya. Wang Ehsan itu atau kemanusiaan itu memang tambah.

Saya mahu memberi peringatan satu kali lagi. Kita mahu tahu bilangan kawasan tadahan kerana kita tidak mahu menghadapi masalah kekurangan air dua tahun akan datang, ya. Seterusnya, di sini saya mahu Yang Berhormat menerangkan kepada Dewan yang mulia ini mengenai persoalan dalam isu pemuliharaan hidupan liar. Apakah tindakan yang boleh dilakukan melalui rang undang-undang ini terhadap isu pembukaan atau penerokaan tanah secara besar-besaran sama ada oleh pemaju swasta atau

mana-mana pihak? Sebagai contoh dalam isu perlindungan dan kepupusan orang hutan di Sabah yang sering kali dikaitkan dengan pembukaan tanah untuk tanaman kelapa sawit.

Walau pun rang undang-undang ini ia tidak termasuk Sabah dan ada mengikut Yang Berhormat sebelah sana sudah ada rang undang-undang seumpama ini di Sabah dan Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahulah sama ada undang-undang yang sama di Sabah, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri akan jawab sebentar lagi Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Yang Berhormat Menteri akan jawab sebentar lagi, ya.

Ya, dalam isu ini, kita haruslah lebih tegas untuk memelihara hidupan liar dengan meletakkan satu peruntukan khusus dalam rang undang-undang ini agar menyatakan setiap kawasan hutan yang hendak diterokai dengan jumlah tertentu haruslah memperuntukkan kawasan khas dengan keluasan tertentu sebab rizab hidupan liar. Ini juga adalah penting supaya imej pembangunan industri minyak sawit negara lebih lestari dan tidak dijadikan modal kepada dunia barat atau dunia yang luar yang ingin menjatuhkan industri kelapa sawit negara dengan alasan kita tidak begitu memelihara alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya ada banyak perkara lagi yang boleh dibangkitkan. Akan tetapi setakat ini, saya berharaplah rang undang-undang yang bakal diluluskan di sini dapat dikuatkuasakan dengan sepenuhnya. Ini kerana kalau kita lihat di Cameron Highlands kawasan sekitar hutan-hutan dan sebagainya seolah-olah sekarang Cameron Highlands menjadi 'Cameron Lowlands'. Suhu pun sudah naik dan sebagainya. Jadi, saya tidak mahulah Cameron Highlands ataupun *highlands* yang tanah tinggi yang lain termasuk Fraser Hills dan sebagainya menjadi *lowlands*. Jadi, tidak perlulah kita buat begitu, ya.

Banyak perkara lagi yang kena mengena dengan hidupan liar. Setakat ini saya berharap rang undang-undang ini dapat dilaksanakan dan dikuatkuasakan dengan keputusan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

12.15 tgh.**Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Seri Douglas Uggah Embas]:**

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Pemuliharaan Hidupan Liar 2010. Minat yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat memperlihatkan keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap isu pemuliharaan hidupan liar di negara ini. Dalam hal ini, saya yakin sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat akan dapat membantu kementerian mencapai objektif pemuliharaan sumber asli secara berkekalan dan alam sekitar yang bertaraf dunia. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar mempunyai komitmen yang tinggi ke arah mencapai objektif ini melalui usaha-usaha yang holistik termasuk penggubalan undang-undang ini agar khazanah bio-diversiti negara terpelihara.

Sejak kebelakangan ini, kita berhadapan dengan pelbagai cabaran termasuk peningkatan kes-kes konflik manusia dan hidupan liar, keperluan pembangunan seimbang, pemburuan haram, penyeludupan hidupan liar, pemilikan hidupan liar secara haram dan kemerosotan kebajikan hidupan liar di taman zoologi.

Rang undang-undang ini yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini diwujudkan untuk mengambil kira semua keperluan berkenaan. Sungguhpun Tuan Yang di-Pertua, ke arah mencapai status negara maju menjelang tahun 2020, kerajaan melaksanakan pendekatan pembangunan seimbang di mana keperluan pemeliharaan alam sekitar dan sosioekonomi telah menjadi tunggak utama di dalam agenda pembangunan negara. Ini kerana hal ini kerajaan melihat keperluan pengurusan dan pembangunan kawasan hutan menjadi habitat hidupan liar tersebut bukan sahaja dari aspek ekonomi tetapi juga dari memelihara fungsi hutan untuk kestabilan ekologi dan alam sekitar.

Tidak dinafikan bahawa penerokaan kawasan hutan telah menyebabkan berlakunya konflik di antara manusia dan hidupan liar. Kerajaan sentiasa berusaha melalui program-program *central forest pine* bagi mengatasi masalah konflik hutan yang terpisah melalui usaha-usaha *connectivity*, dengan izin. seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, terdapat tiga status pentadbiran kawasan hutan di negara ini yang terdiri dari Hutan Simpanan Kekal, Hutan Tanah Kerajaan dan Hutan Tanah Milik.

Pengurusan hutan secara berkekalan diamalkan di hutan di kawasan Hutan Simpanan Kekal. Tanah Kerajaan dan Hutan Tanah Milik yang merupakan *land bank*, dengan izin untuk tujuan pembangunan kepada kerajaan negeri pula tidak

mengamalkan lesen SFM sepenuhnya kerana kos SFM adalah tinggi dan tidak ekonomik untuk tanah-tanah berikut melaksanakannya.

Dalam usaha kerajaan bagi menjamin habitat hidupan liar terpelihara, sejumlah 35 buah kawasan yang meliputi kawasan 714,253 hektar telah diwartakan sebagai Taman Negara *tourism* hidupan liar. Bagi memudahkan perancangan dan pengurusan pemuliharaan hidupan liar, inventori hidupan liar juga telah dijalankan dari semasa ke semasa. Adalah dianggarkan di Semenanjung Malaysia terdapat 50 ke 70 ekor Badak Sumatera, 400 hingga 600 ekor harimau belang, 1,200 kepada 1,500 ekor gajah, 270 kepada 330 ekor seladang dan 1,100 hingga 1,500 ekor tapir yang masih berkeliaran di dalam kawasan-kawasan perlindungan dalam kawasan hutan belantara.

Untuk makluman Yang Berhormat juga kerajaan telah mengenal pasti ekopelancongan sebagai sumber pertumbuhan ekonomi yang baru di bawah model ekonomi. Kepelbagaian biodiversiti merupakan aset yang berpotensi untuk dibangunkan dan di promosi sebagai satu *niche area* dalam industri pelancongan negara. Misalnya Taman Negara Pahang mencatatkan lebih kurang 80,000 pelancong di dalam dan di luar negara setiap tahun.

■1220

Kementerian juga melalui Jabatan PERHILITAN, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Institut Penyelidikan Perhutanan dan Jabatan Taman Laut telah membangunkan produk-produk ekopelancongan seperti Kuala Gandah, Hutan Simpanan Larut Matang, Taman Negara, Paya Indah Wetlands dan pulau-pulau seperti Pulau Paya dan Pulau Tioman.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tawau dan Yang Berhormat Hulu Langat telah membangkitkan isu penyahhutan atau *deforestation*, dengan izin, dan isu guna tanah bagi tujuan pertanian termasuk ladang kelapa sawit dan perumahan yang telah memusnahkan kawasan hutan hujan tropika. Kita sedar bahawa pembangunan...

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: ... yang dilaksanakan secara terancang akan mengancam kewujudan sumber biodiversiti negara. Ya, sila.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Sebelum pindah tajuk lain, boleh tidak saya bangkitkan soal hutan sebab kebanyakan perkara yang kita bincang dalam Parlimen ini akhirnya nanti Yang Berhormat Menteri akan menjawab bahawa ia adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Jadi, isu ini berlarutan apabila sesetengah kerajaan

negeri yang tidak bertanggungjawab melakukan pemusnahan hutan, menggondolkan hutan, akhirnya kita tidak dapat melindungi hidupan liar.

Begitu juga dengan soal tanah, juga di bawah kuasa kerajaan negeri. Apa yang berlaku di sesetengah kerajaan negeri, pemusnahan kawasan *wetlands* pun berlaku di mana habitat hidupan liar yang sepatutnya kita jaga dan lindungi melalui rang undang-undang ini tetapi tidak dapat kita jayakan sepenuhnya. Misalnya, sekarang ini sedang berlaku di Selangor apabila gerakan melombong pasir secara besar-besaran berlaku. Ia menghapuskan habitat yang sepatutnya dilindungi.

Saya melihat kalau sekiranya hanya kita nyatakan Majlis Tanah Negara, Majlis Perhutanan Negara yang akan dapat melindungi tetapi apakah bidang kuasa Majlis Perhutanan Negara ini dapat mengawal tindakan kerajaan-kerajaan negeri yang melanggar apa yang kita putuskan dalam Parlimen ini.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Yang Berhormat Menteri minta soalan yang sama juga fasal hutan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih. Tadi saya menyokong pandangan Yang Berhormat Jempol. Selalunya apabila kita bicara tentang hutan ini akan dikembalikan tanah ini kepada kerajaan negeri.

Cuma, saya ingin mencatat statistik di sini untuk pengetahuan semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang berbahas ini iaitu mulai tahun 1997 kawasan yang dilitupi hutan telah berkurang 74%, tidak mengapa lagi. Kemudian pada tahun 70-an kurang 61%, tidak mengapa lagi. 80-an kita hanya tinggal 47% sahaja kawasan yang dilitupi hutan. Saya hendak bertanya dari segi meminta penjelasan, bagaimana daripada 74% daripada merdeka sehingga sekarang kita hanya memiliki 47% dan anggaran negara kita kehilangan hutan setahun 7,000 kilometer padu. Setiap tahun kita akan hilang hutan asli.

Jadi, saya hendak tanya, jangan hanya kita sebut tentang kita hendak memulihara alam sekitar ataupun pemuliharaan hidupan liar tetapi hutan tidak dipelihara? Oleh itu, saya minta pihak kementerian seriuslah dalam hal ini. Saya takut nanti kita bersidang dalam lima tahun lagi, kita tinggal mungkin 30% ataupun 20%. Saya minta satu lagi penegasan bahawa dalam akta, setiap hutan simpan kekal yang diambil itu perlu diganti.

Akan tetapi malangnya sehingga hari ini saya tidak ada statistik daripada kementerian berapakah hutan yang diambil untuk apa juga tujuan pertanian ataupun

balak telah pun diganti supaya keseimbangan hutan itu kita bukan semakin berkurangan tetapi dapat diimbangi semula. Minta ketegasan daripada pihak kementerian.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Minta sedikit sambung Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, sebenarnya macam yang dikatakan oleh Yang Berhormat Jempol tadi itu iaitu pasir yang dikorek secara berleluasa itu sebenarnya kuasa siapa sebenarnya? Autoriti pihak berkuat kuasa yang mana, *enforcement* mana yang sepatutnya menjaga supaya tidak berlaku pencurian pasir ini? Sepatutnya pihak keselamatan, PGA kah, polis hutan, buat kerja apa? Siapa PGA dan polis hutan ini duduk di bawah kementerian mana? Jadi, saya ingin bertanya kepada pihak menteri. Terima kasih.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat Jempol, Yang Berhormat Parit Buntar dan Yang Berhormat Titiwangsa. Okey, mungkin saya jawab yang pasir dulu kerana pasir ini tidak ada kena mengena dengan rang undang-undang ini walaupun Yang Berhormat bertanya. Sebenarnya, kuasa untuk mengeluarkan lesen pasir adalah kuasa kerajaan negeri dan kuasa untuk mengawal pelaksanaan dan menentukannya dijalankan dengan baik dan mengawal supaya tidak ada pencurian dan sebagainya adalah kerajaan negeri juga. So, kalau masalah berlaku di Selangor, maka kerajaan negeri yang tidak menjalankan tugas untuk menjaga khazanah negeri sendiri.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Saya hendak tanya *enforcement* daripada siapa Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: *Enforcement* juga daripada pegawai kerajaan negeri. Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan Yang Berhormat Jempol tadi, di negara ini kita ada Perlembagaan. Kita mesti menghormati Perlembagaan. Perlembagaan adalah satu Perlembagaan untuk negara Malaysia yang telah dipersetujui oleh kita bersama.

Maka, adalah penting untuk kita sentiasa mentadbir negara ini mengikut lunas undang-undang dan mengikut lunas Perlembagaan. Dalam Perlembagaan telah ditentukan bahawa perkara hutan dan perkara tanah adalah perkara kerajaan negeri. Misalnya, seperti yang saya telah jelaskan tempoh hari, pengeluaran lesen, meluluskan pembangunan tanah dan sebagainya adalah hak kerajaan negeri. Maka, sama ada kita puas hati atau tidak, inilah kedudukan yang sebenarnya.

Jadi, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat daripada negeri-negeri di mana mereka telah pun menunjukkan bahawa beberapa pembangunan dijalankan dengan

tidak teratur, membotakkan gunung dan menebang sewenang-wenangnya pokok, saya harap mereka sama-sama membantu kita untuk menasihatkan kerajaan negeri untuk menentukan bahawa khazanah negara tidak dimusnahkan sewenang-wenangnya.

Dari segi perundangan, kita ada *legal instrument* yang dapat membantu. Walau bagaimanapun, ia masih ada kelemahan-kelemahan tetapi kita sekarang sedang mengkaji bagaimana kita hendak memperbaiki instrumen tersebut supaya kita dapat gunakan untuk mengawasi masalah menjaga alam sekitar kita. Oleh yang demikian, maka kita perlu menggunakan satu Jawatankuasa Kabinet Majlis Tanah Negara. di situlah kita merumuskan berbagai-bagai isu dan dapat keputusan bersama. Nampak sehingga kini keputusan-keputusan yang sudah dibuat, misalnya keperluan untukewartakan tadahan air di negara kita ini telah pun dilaksanakan dengan baik. Hampir 90% kawasan-kawasan tersebut telah pun diwartakan oleh kerajaan-kerajaan negeri. Maka...

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Yang Berhormat Menteri minta penjelasan. Satu soalan sahaja.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Boleh saya selesaikan masalah yang telah...

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Tidak, tentang pasir tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Menteri kata dia hendak selesaikan masalah dahulu.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Soalan pendek sahaja.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Saya tidak mahu berbincang soal perkara pasir, kerana pasir tidak termasuk dalam rang undang-undang ini.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Tidak, saya hendak bertanya adakah....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: ...kes kecurian pasir di Johor juga kuasa kerajaan negeri Johor?

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Tadi, Yang Berhormat Parit Buntar,. Yang Berhormat Bakri minta tolong duduk. Saya tidak beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, duduk dahulu Yang Berhormat.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Terima kasih. Ini baru caranya. Yang Berhormat Parit Buntar tadi menyebut fasal hutan yang menyebut bahawa sekarang mengikut maklumat yang ada pada beliau hanya tinggal 47%. Saya tidak tahu mana

Yang Berhormat dapat angka tersebut kerana mengikut angka yang kita ada dalam kementerian sehingga kini liputan hutan di negara kita adalah merangkumi 56.4%. Sebenarnya, negara kita juga telah memberitahu kepada dunia bahawa kita akan terus mengekalkan liputan hutan dalam lingkungan 50%. Jadi, inilah satu komitmen kerajaan dan kita telah merangka beberapa dasar dan polisi untuk menentukan matlamat ini dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tawau dan Yang Berhormat Hulu Langat tadi....

■ 1230

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Yang Berhormat Menteri. Saya minta sedikit komen berkenaan tadi sedikit sahaja lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak beri jalan Yang Berhormat?

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tentang undang-undang ini, sebenarnya ada EIA (Environmental Impact Assessment), tetapi apa Yang Berhormat Menteri tadi ada sebut *loopholes* yang mereka main undang-undang ini, mereka kata 500 hektar ke atas kena ada EIA, itu undang-undang-undang. *What they did was*, masa mereka ambil hutan itu, mereka ambil mengikut kompartmen 500 hektar, jadi tidak perlu EIA. Lagi satu dia pecahkan lagi 500 hektar, tidak perlu EIA. Sedangkan isunya kita bukan hendak lari daripada undang-undang, tetapi isunya ialah kita membuat penggondolan hutan – tadi disebut tentang *water catchments area* dan sebagainya akan menimbulkan permasalahan yang – saya minta kementerian tolong tegaslah. Jangan cuba hendak pemaju-pemaju ini lari daripada undang-undang EIA ini daripada mereka memecah-memecahkan kawasan hutan itu daripada 500, 500, 500 sehingga tidak perlu mereka meminta EIA. Itu adalah jawapan yang kami terima selalunya kepada pemaju-pemaju dari Amerika Syarikat yang menebang balak-balak ini.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat Parit Buntar. Memang betul seperti yang diutarakan oleh Yang Berhormat tadi. Itulah kekangan-kekangan yang kita berhadapan oleh kita sekarang. Kementerian telah pun mengkaji bagaimana kita hendak menyesuaikan undang-undang ini supaya kita dapat digunakan untuk menyelesaikan masalah terkini. Saya harap dalam masa yang terdekat kita dapat mencapai satu keputusan supaya peraturan-peraturan yang kita telah kesan ada kelemahan, maka kita menutup kelemahan-kelemahan tersebut untuk menentukan alam sekitar kita sentiasa dipelihara.

Yang Berhormat daripada Tawau tadi menyentuh mengenai *deforestation*. Kita sedar bahawa pembangunan yang dilaksanakan dalam hal ini selaras dengan komitmen negara semasa Persidangan Kemuncak Bumi 1992, dengan izin Rio Summit, kerajaan kita telah membuat pelaburan yang besar bagi melaksanakan SFM di negara ini. Melalui pendekatan pembangunan seimbang ini, kita telah berjaya mengekalkan 56.4% daripada keluasan tanah negara sebagai kawasan berhutan dan 25% daripadanya adalah kawasan hutan yang dilindungi sepenuhnya. Kita juga mempunyai 25.9% kawasan yang dilindungi sepenuhnya dengan izin *totally protected area*.

Kementerian akan sentiasa menyokong dan menggalakkan sebarang usaha daripada kerajaan negeri untuk mewartakan kawasan hutan mereka sebagai taman-taman negeri contohnya Taman Negeri Royal Belum di Perak, Taman Negeri Endau-Rompin dan tapak-tapak di Johor, Penang, Sabah dan Sarawak. Berhubung dengan persoalan daripada Yang Berhormat Jempol sama ada kerajaan perlu penubuhan majlis hutan negara supaya keselamatan hidupan liar lebih terjamin di peringkat negeri. Suka saya nyatakan bahawa mulai 2010 Majlis Perhutanan Negara, Majlis Mineral Negara akan digabungkan di bawah Majlis Tanah Negara.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, MTN ini hendaklah dianggotai oleh semua kerajaan negeri dan keputusan yang dibuat adalah secara konsensus selaras dengan peruntukan di bawah Perkara 91(5) Perlembagaan Persekutuan. Sehingga kini tidak ada bukti kerajaan negeri ingkar kepada keputusan MTN. Contohnya, keputusan pewartaan kawasan tadahan air SSK yang perlu dipatuhi oleh semua kerajaan negeri telah pun dilaksanakan di mana hampir 90% kawasan tadahan air dalam SSK telah diwartakan.

Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua kita mengharapkan supaya kerajaan negeri supaya terus mengekalkan kawasan berhutan terutama di SSK bagi memulihara kestabilan ekologi dan alam sekitar. Pembukaan kawasan hutan yang tidak terkawal dan rakus seperti di Tanah Tinggi Lojing akan mendatangkan kesan yang buruk terhadap alam sekitar. Ia akan menjejaskan kualiti air di mana rakyat akan menanggung akibatnya. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah pun mengambil tindakan yang tegas mengenai perkara ini dan telah mengenal pasti beberapa syarikat yang bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Yang Berhormat, Yang Berhormat Pendang, Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Maran, Yang Berhormat Bachok dan Yang Berhormat Kota Belud telah pun mengemukakan beberapa perkara mengenai

bagaimana kementerian atau kerajaan mengurus konflik di antara manusia dengan hidupan liar ini. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian melalui Jabatan PERHILITAN mengambil berat mengenai isu ini sama ada ia dilaporkan melalui media massa ataupun aduan orang ramai kepada jabatan. Jabatan PERHILITAN telah mengenal pasti kawasan-kawasan konflik manusia–harimau, manusia–gajah, manusia–kera di negeri-negeri yang terlibat di Semenanjung Malaysia. Mengenai konflik manusia–kera pula, ia merupakan satu isu yang besar kerana taburan populasi yang meluas dan tidak terkawal.

Mengikut kajian **Non-Detriment Finding (NDF)** ke atas menunjukkan populasi kera di Semenanjung Malaysia yang telah dijalankan pada bulan Julai 2007, anggaran populasi kera adalah sebanyak 740,000 ekor. Daripada jumlah itu, sebanyak 260,000 ekor adalah populasi kera yang bermasalah yang sering menimbulkan gangguan di kawasan perbandaran dan kawasan-kawasan pertanian. Dalam menangani isu ini, Pelan Tindakan Pengurusan Kera di Semenanjung Malaysia 2008 telah dilaksanakan oleh Jabatan PERHILITAN. Untuk makluman, bagi kawasan Parlimen Pendang – Yang Berhormat Pendang ada, membangkitkan perkara ini juga tidak ketinggalan dalam perancangan pelan tindakan berikut. Untuk maklumat Yang Berhormat, rekod-rekod anggaran populasi kera malah di Parlimen Pendang sebanyak 660 ekor. Untuk rekod pada tahun 2009 sebanyak 186 ekor kera telah dilupuskan dengan izin **culling**, manakala sebanyak 266 ekor kera telah dilupuskan dalam tempoh Januari hingga Jun 2010.

Tuan Mohsin Fadzil Samuri [Bagan Serai]: Yang Berhormat Menteri minta penjelasan.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Hendak tanya kera kah?

Tuan Mohsin Fadzil Samuri [Bagan Serai]: Tentang kera juga. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mengenai dengan masalah kera, saya rasa adalah satu masalah bukan di setakat Pendang, tetapi saya rasa seluruh negara pun ada. Akan tetapi, apa yang kita dapati bahawa kera ini sebagai satu masalah yang menyebabkan kemiskinan di luar bandar sekali.

Sebab apa, apa yang kita perhatikan bahawa kera-kera ini merosakkan tanaman dan juga buah-buahan. Akan tetapi, apa yang kita perhatikan bahawa banyak kaedah yang telah dilakukan untuk memusnahkannya, tetapi kita dapati bahawa ia tidak berkesan. Apa yang saya telah lakukan iaitu saya telah mengalami perkara ini iaitu dengan membuatkan sebagai menakutkan kera tadi dengan meletakkan ular palsu

daripada getah yang diambil daripada tayar basikal, letakkan berbelang-belang iaitu kuning dengan hitam dan didapati bahawa kita ingat ia takutlah dengan ular kapak itu tadi, tetapi rupanya ia tidak memberi kesan apa-apa.

Di samping daripada itu juga, satu lagi iaitu kita mempunyai satu persepsi bahawa mereka telah mengatakan bahawa kalau kita buatkan kera, kita tangkap dan mengecatnya, kita dapati bahawa kera-kera ini akan takut. Akan tetapi apa yang berlaku ialah benda ini memang berlaku seperti saya lihat sendiri bahawa kita cat dengan warna merah yang pertama. Kedua, kali kedua selepas dua minggu kemudian kita cat dengan hitam dan *color* hijau dengan kuning. Kita dapati apabila kita lepaskannya, apa yang kita dapati bahawa kera ini tadi bukanlah dia lari. Akan tetapi apa yang diperhatikan bahawa kera tadi akan dia tengok macam apahal kawannya ini?

Jadi, dengan kata lain, tidak berjaya. Jadi, apa yang saya cadangkan bagaimana kalau kita lakukan iaitu sebagai contohnya di Cuba, pihak berkuasa telah pun membina perangkap yang boleh memerangkap sekumpulan kera dan monyet-monyet. Monyet-monyet ini akan dimusnahkan dengan cara yang lebih berperikemanusiaan dan bangkainya diproses untuk dijadikan baja. Perangkap ini bukanlah perangkap yang mempunyai kos yang tinggi dan dapat dikawal secara manual oleh manusia.

Oleh yang demikian, saya cadangkan bagaimana pihak berkuasa juga dapat membantu petani-petani tempatan untuk membina perangkap-perangkap ini untuk digunakan oleh mereka untuk menangkap haiwan yang banyak memusnahkan tanaman mereka. Selain daripada itu juga, saya cadangkan supaya kita benarkan pihak-pihak peniaga untuk mengeksport kera-kera tadi. Apa pendapat Menteri? Sekian terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Menteri, boleh sekalikah? Terima kasih. Sama juga haiwan. Cuma bukan kera. Ia besar sedikit.

■1240

Yang Berhormat Menteri di Sabah ini walaupun ia di bawah pentadbiran negeri tetapi kemampuan kerajaan negeri tidak ada. Ini bukan monyet pula, gajah. Lebih kurang 160 ekor gajah sudah berpuluh tahun tidak boleh ditangkap, jadi tanaman orang kampung - ia bergilir-gilir, satu bulan satu kampung. Jadi, apa usaha yang boleh diusahakan oleh kementerian Persekutuan dengan kerajaan negeri, sekurang-kurangnya menjinakkan gajah ini agar tidak memusnahkan tanaman orang-orang kampung. Hendak membeli pagar untuk membuat pagar, pagar karan dan sebagainya tidak ada kemampuan, kos tinggi. Oleh sebab kampung terlalu banyak, gajah ini sebanyak 160 ekor. Ini mungkin sebab kawasan mereka telah diterokai oleh penanaman

kelapa sawit, maka mereka mencari kampung-kampung untuk memusnahkan makanan, rumah pun ada yang roboh.

Kalau di Thailand, di India kita nampak bagaimana gajah-gajah mereka jinak, tidak bolehkah kita mengambil pakar daripada Thailand dan India ini? Untuk mengajar orang-orang kita untuk menjinakkan gajah-gajah ini supaya tidak mengamuk sehingga memusnahkan tanaman orang-orang kampung, perkara ini terlalu berat, sehingga ke hari ini masih tidak selesai.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Salah siapa?

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat, Yang Berhormat nampak *very passionate* pasal gajah. Okey, yang pertama ialah Yang Berhormat Bagan Serai tadi ya.

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Ya, mengenai monyet ini. Memang kita mengakui bahawa monyet ini adalah satu konflik, antara monyet dengan manusia adalah satu masalah yang cukup rumit untuk diselesaikan kerana populasi ia bertambah dengan begitu banyak sekali. Maka kita mengalu-alukan apa-apa cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat ada mendapati kaedah-kaedah yang kita boleh gunakan untuk menyelesaikan masalah monyet-monyet ini, kita terima dengan tangan terbuka.

Walau bagaimanapun, dalam kita mengurus konflik antara manusia dengan binatang ini, kita selalu diawasi oleh pihak NGO, *Non-Governmental Organization*. Mereka ini selalu prihatin pada bagaimana cara dan kaedah-kaedah yang kita gunakan. Jadi, oleh itu baru-baru ini kita telah pun berbincang dengan beberapa NGO yang berminat dan kita meminta cadangan dengan mereka bagaimana untuk mengatasi masalah-masalah ini, kerana kadang-kadang mereka tidak bersetuju dengan **culling**, dan mengatakan *this not human. So*, mereka mencadangkan kita menggunakan kaedah *culling* yang lebih *human*, oleh itu kita minta cadangan daripada mereka.

Akan tetapi apa yang saya hendak tekankan di sini, apa-apa cara yang kita hendak jalankan, kita memang sentiasa berbincang dengan wakil rakyat serta NGO-NGO tertentu supaya kaedah yang kita gunakan dapat diterima oleh semua pihak. Sebab itu memang dahulu ada cadangan untuk mengeksport kera ini tetapi apabila usaha-usaha ini baru, langkah-langkah ini hendak dibuat, didapati bahawa banyak tentangan daripada NGO di seluruh dunia. Jadi kalau kita meneruskan usaha-usaha

mengeksport kera ini ia akan merosakkan imej negara, maka cadangan daripada Yang Berhormat untuk menjual kera ini kepada eksport adalah...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: ...Tidak boleh diterima oleh kita, maka kerajaan membuat keputusan tidak ada kera kita hendak dieksport.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Boleh?

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Boleh saya selesaikan jawapan gajah tadi? Sementara Yang Berhormat Kinabatangan masih di sini, memang tahun lepas Yang Berhormat juga telah berbincang mengenai masalah gajah ini dan kita telah pun berbincang dengan Kerajaan Negeri bagaimana kita dapat bekerjasama, membantu mereka untuk menyelesaikan masalah gajah. Memang di negara kita ini, kita sudah ada satu *sanctuary* gajah di Kuala Gandah, di mana kita cuba menjinakkan gajah yang kita telah tangkap dan tempat tersebut telah pun dijadikan satu tarikan pelancong. Saya berharap daripada pelajaran yang dibuat di Kuala Gandah, diharapkan agar kita dapat berbincang dengan Kerajaan Negeri Sabah...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: ...Membantu Yang Berhormat menyelesaikan masalah dalam kawasan Kinabatangan. Kita mengetahui bahawa kawasan itu memang masih banyak gajah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta tolonglah Yang Berhormat Menteri, kalau boleh menyediakan peruntukan untuk membuat *sanctuary* di Kinabatangan, sebab setiap bulan, mereka bergilir satu kampung ke satu kampung, kerugian banyak.

Kerajaan bagi subsidi hilang, baja hilang, rumah hilang, jadi sudah berpuluh-puluh tahun tidak boleh dijinakkan, tidak boleh di lakukan apa-apa, seolah-olah tidak ada tindakan, orang kampung marah dengan kerajaan, marah dengan wakil rakyat. Apabila rumah mereka runtuh, mereka minta digantikan, jadi inilah masalah. Carikan peruntukan yang sesuai, yang banyak buatlah *sanctuary*, pagarlah ia dan biarkan ia di situ untuk dijadikan tarikan pelancong, terima kasih.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Boleh saya sambung, sedikit. Tadi Yang Berhormat menyebut kalau semua binatang ini termasuk beruk, kera ini dieksport ini boleh memberi gambaran yang tidak baik kepada negara dan kita tahu Yang Berhormat, semua binatang-binatang ini walaupun liar tetapi sudah terbukti boleh dijinakkan, boleh dilatih.

Jadi saya hendak tanya apakah pihak kerajaan bercadang untuk memberi subsidi ataupun apa-apa bentuk bantuan kepada rakyat ataupun mana-mana pihak untuk menjinakkan binatang-binatang ini, gajah, beruk monyet. Contohnya macam kera beruk monyet ini, boleh dilatih untuk bermain bola. *[Ketawa]* Saya percaya apabila sudah pandai main bola, boleh dieksport ataupun boleh dijadikan tarikan pelancongan, mana-mana tahu esok-esok pertandingan beruk Kelantan dan beruk Selangor di Bukit Jalil dan ini boleh menarik orang ramai, sekian terima kasih. *[Ketawa]*

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat Pasir Mas mempunyai satu cadangan yang cukup baik sekali, saya berharap satu hari nanti ada beruk dari Selangor dan beruk dari Kelantan akan bertanding. *[Ketawa]* Sekarang ada berukkah itu?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Lebih elok itu, katak lawan katak.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Jangan cakap katak, mana ada katak?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Jadi, kerajaan dan kementerian terbuka mengenai cadangan Yang Berhormat ini, mungkin kita boleh bermula di Pasir Mas. Ada kerakah di Pasir Mas? Ada? Mungkin kita bermula di sana, buat ia sebagai satu model khas untuk keralah...

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Yang Berhormat Pasir Mas sebagai jurulatihnya.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Apa dia?

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Yang Berhormat Pasir Mas sebagai jurulatihnya.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Oh itu sangkaan jahat. *[Ketawa]*

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Seorang Ahli: Tarik balik, tarik balik.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Jurulatih. *[Ketawa]*

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

[Ketawa]

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Ini kerakah?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ya, isu kera. Kawasan saya juga menerima aduan di mana kera mengganggu penghuni-penghuninya. Akan tetapi persoalan yang timbul saya dengar banyak ucapan dari Ahli Parlimen dalam Dewan yang mulia ini mengatakan masalah kera, masalah gajah. Mereka diganggu oleh kera, diganggu oleh gajah. Akan tetapi persoalannya, saya hendak tahu mengenai pendirian kementerian, yang pada pendapat saya, saya agak terkeliru dan juga agak terganggu juga apabila saya nampak, apakah sebenarnya manusia yang di atas nama pembangunan yang mengganggu tempat tinggal mereka, habitat mereka. Sekarang dalam Dewan yang mulia ini kita menyatakan gajah dan kera ini yang mengganggu mereka. Di mana keseimbangan?

Apakah pendekatan serta dasar yang diambil oleh pihak kementerian ini dan Yang Berhormat mengatakan terbuka dengan cadangan-cadangan bagaimana untuk menangani masalah-masalah ini. Adakah pihak kementerian ada meneliti *best practices* dari negara-negara lain dan apakah cadangan yang dikemukakan oleh NGO untuk menangani masalah ini? Saya mohon penjelasan.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah, memang dari awal tadi kita telah pun menggariskan bahawa satu isu yang berhadapan dengan kita adalah konflik antara pembangunan dengan konservasi ini. Kita telah menggariskan dengan jelas dasar-dasar kerajaan melalui pelbagai dasar negara untuk mengarusperdanakan tindakan-tindakan konservasi ini dengan pelan-pelan pembangunan.

Kita ada Jawatankuasa fizikal pelan, jawatankuasa dan berbagai-bagai dasar-dasar yang ada pada kita. Semua ini adalah menjurus kepada menentukan bahawa masalah ini kita selesaikan, kerana negara kita masih negara membangun.

■1250

Kita masih ada rakyat yang masih memerlukan pembangunan, bantuan dan sebagainya. Maka kita tidak dapat memberhentikan pembangunan semata-mata atas nama *conservation*. Maka inilah kita kena buat dengan seimbang menentukan bahawa negara kita membangun, maju seperti yang disasarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan dalam masa yang sama kita masih menjalankan dasar *conservation*.

Sebab itulah rang undang-undang ini di bentang dalam Dewan ini. Untuk makluman semua, rang undang-undang dirangka dalam masa yang cukup panjang kerana satu konsultasi dibuat dengan NGO, dengan *stakeholders* untuk menentukan

bahawa apa yang kita kemukakan pada hari adalah satu rang undang-undang yang cukup mantap...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: ...dan kita harap cukup berkesan dan juga menunjukkan bukti bahawa negara kita memang serius untuk menentukan khazanah negara sentiasa dipelihara. Ini pasal kerakah?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Menganggukkan kepala]* Konsultasi yang diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri tadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat Menteri cakap pasal konsultasi, Yang Berhormat sudah bangun.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Sudah, sudah sebut tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Sudah sebut tentang...

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat, *you* kena minta izinlah dahulu.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya berdiri untuk minta izin...

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Kerana saya pun susah nampak Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ya, memang saya tahu, mungkin Yang Berhormat Menteri masih...

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: *So*, mahu buat lagikah? Kalau itu macam...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ha, Yang Berhormat Menteri, saya minta...

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan memberi jalan dengan...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: ...Yang Berhormat kerana dia tidak mohon dahulu.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya mohon...

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: ...Dan dia tidak mengikut peraturan...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya mohon...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: ...dan saya rasa tidak perlu...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri, saya mohon laluan.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: ...buang masa untuk kalau itu bukan hal kera.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*].

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Ada empat minit lagi.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya ambil dua minit.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Tolong duduk dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, selepas ini Yang Berhormat.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Kalau saya habis lima minit, *then* boleh bagi kepada Yang Berhormat.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Yang Berhormat Menteri, boleh saya...

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Terima kasih.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Yang Berhormat Menteri, boleh saya minta laluan?

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Boleh bagikah?

Beberapa Ahli: Boleh, boleh.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Bagilah, okey.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tentang pembangunan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri, semasa saya ambil bahagian dalam perbahasan, saya ada menyentuh beberapa contoh, sebab dalam rang undang-undang ini disebutkan tentang kuasa Jawatankuasa Negeri dengan rundingan dengan Yang Berhormat Menteri. Sebab itu saya ada minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri iaitu semasa kita menggalakkan kerajaan negeri untuk membangunkan tiap-tiap negeri, *sustainable development* itu diutamakan – perlindungan atau tentang hidupan liar ini diutamakan dalam *sustainable development*. Akan tetapi apa yang terjadi ini mungkin akan mewujudkan satu ketidakseimbangan di antara negeri-negeri sebab keputusan mereka mungkin ada berlainan. Contohnya seperti Projek Taman Laut yang semasa Jabatan Taman Laut ini – sungguhpun ada EIA *assessment* dan mungkin *social impact*

assessment tetapi saya nampak ada contoh bahawa *sanctuary* burung telah dirosakkan atas Projek Taman Laut.

Juga tentang pembalakan, baik pun halal atau haram yang dijalankan juga mengakibatkan hidupan liar ini terpaksa di *give away* tentang pembangunan ini. Apakah Yang Berhormat Menteri – adakah garis panduan yang tertentu dan tiap-tiap negeri ini semasa meluluskan pelan pembangunan itu perlu mengikut dengan garis panduan atau syarat-syarat tertentu ini? Terima kasih.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Memang kita ada beberapa garis panduan atau *technical instrument* dan sebagainya dan kita juga memantau pembangunan-pembangunan. Oleh sebab itu, ada beberapa permohonan misalnya penambakan pulau, adanya diluluskan dan ada juga tidak diluluskan. Ini bermaknanya kalau kita mendapati ianya akan menjejaskan alam sekitar dan segala khazanah negara kita, maka kita tidak luluskan melalui penggunaan *instrument* EIA kita.

Tuan Yang di-Pertua, ini masih bincang pasal keralah. Tambahan untuk pendekatan lain yang telah digunakan termasuk tembak halal, tembak mati dan tangkap pindah. Untuk makluman Yang Berhormat, kaedah kembiri ataupun pemandulan merupakan salah satu daripada kaedah yang digunakan untuk mengawal pembiakan populasi hidupan liar dan kaedah ini juga diterima pakai oleh banyak negara.

Oleh itu, dari segi etika, kaedah ini diterima oleh badan-badan bukan kerajaan sebagai salah satu langkah mengurus konflik kera di negara ini. Malah Jabatan PERHILITAN sendiri telah mula menjalankan kaedah ini bagi menguruskan populasi kera di Kuala Lumpur.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya hendak berucap tetapi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sudah tutup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...sudah tutup peluang itu.

[Ketawa]

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sabarlah. Hanya bertanya Yang Berhormat Menteri, ada atau tidak banciaan berapa lagi baki kera? Kera ini macam-macam – kera sendiri, monyet, beruk, lotong, apa lagi?

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Macam-macam itu. Semuanya dalam kategori liar. Kera ini, dia merusuh ke kampung-kampung. Sebagai

wakil rakyat yang sebahagian besarnya kampung, boleh katakan sentiasa mendapat permohonan, permintaan, rayuan hendak menyelesaikan masalah kera ini. Kera sudah sampai ke rumah. Kera ini boleh memanjat.

Ia boleh masuk rumah. Tanaman di luar memang tidak bersisa. Betul ya perkataan itu? Tidak bersisa. Masih putik lagi buah sudah dimakan dia kerana habitatnya, kawasannya sudah diceroboh oleh manusia yang liar. Sebenarnya kita mengancam kehidupannya. Selepas itu kita pula menzaliminya. Tembak! Bunuh! Halau! Perangkap! Itu sebab dalam masyarakat binatang tidak ada manusia tetapi dalam masyarakat manusia ada binatang.

Sebagai contoh, korek pasir itu, itu satu tindakan yang liar, [*Tepuk*] betul-betul liar. Ini pun satu tindakan yang tidak boleh diterima. Ini saya bercerita tentang liar. Sebab saya kata tadi dalam masyarakat binatang tidak ada manusia tetapi dalam masyarakat manusia ada binatang. [*Ketawa*]

Ini balik semula Yang Berhormat Menteri, soal kera. Saya tidak nampak apa Yang Berhormat Menteri katakan tadi boleh menyelesaikan masalah. Ada tidak perikemanusiaan, rasa kemanusiaan, rasa belas kasihan? Dia tidak salah. Tiba-tiba kawasan yang banyak buah-buahan dahulu kita tebang, kita perun, kita bakar jadikan kelapa sawit yang bukan makanan aslinya.

Dia tidak dapat hendak makan makanan yang dia perlukan. Dia mencari makan yang hakiki bagi dia. Dia tidak mahu burger, Yang Berhormat Menteri. [*Ketawa*] Dia tidak hendak ayam goreng. Dia makan yang hakiki. Makanan-makanan daripada pohon-pohon, pokok-pokok yang asli, yang memang terdapat di kawasan mereka dahulu yang kita tebang, yang kita perun, yang kita bakar, kita ubah, kita tanam mengikut kepentingan manusia.

Apakah tindakan kementerian? Hanya perangkap, pindah. Hendak pindah mana, Yang Berhormat Menteri? Kampung Putatan pindah ke Sri Gading saya tidak hendak. Tidak hendak. Kalau pemain Spain pindah ke Sri Gading, saya terima.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Putatan sedikit Yang Berhormat Sri Gading.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Putatan, tidak ada *standing* bangun Yang Berhormat Putatan. Dia mencelah itu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya mencelah.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Saya membantu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak boleh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Membantu apabila Yang Berhormat Menteri, sahabat kita...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini Yang Berhormat Menteri saya kagum.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sudah jam satu, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini Yang Berhormat Menteri yang saya kagum.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Mudah-mudahan dia teruslah berlanjutan jadi Menteri – pada Pilihan Raya ke-13, dia menang kekal jadi Menteri. Ini Menteri yang baik macam ini kita hendak teruskan. *[Tepuk]* Pasal saya hendak beritahu begini kerana ada setengah Menteri kata Sri Gading menghentam Menteri. Bukan semua Menteri, menteri yang baik-baik macam ini saya sokong Tuan Yang di-Pertua.

Saya rasional orangnya. Yang baik memang kita sokong. Yang – ini sudah pergi. Jadi Tuan Yang di-Pertua, itulah sedikit. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sambung petanglah Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang ini.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

■ 1430

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri, sila sambung.

2.32 ptg.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum kita berhenti tengah hari tadi Yang Berhormat dari kawasan mana ya? Telah memberi pandangan mengenai masalah kera. Kita akan menguruskan dan mengambil

cadangan beliau. Tuan Yang di-Pertua bagi mengatasi masalah konflik manusia-gajah di Semenanjung Malaysia, Jabatan PERHILITAN telah menjalankan operasi menangkap, memindah gajah dan menimbulkan kawasan konflik di kawasan berdekatan...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat, soal kera ini belum selesai.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Belum selesai.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Soal kera ini belum selesai.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua. Okey.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua sedang membaca itu jadi saya hormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Tadi saya dengar Yang Berhormat Bagan Serai membangkitkan soal kera. Yang Berhormat Sri Gading pun bawa cerita kera.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sebelum kita berehat makan tadi saya membangkitkan masalah kera. Kera di antara binatang liar yang sedang dianiaya oleh manusia. Benar-benar kita aniaya dia dan sehingga dia menganas. Keganasan mereka akan mendapat balasan setimpal daripada manusia juga. Mereka ganas kerana manusia dan keganasan mereka akan dibalas oleh manusia juga. Inilah satu makhluk yang kita aniaya dia secara tidak langsung. Dia mencari makan tidak memilih tempat, di mana ada makanan untuk mengisi perut. Ini makhluk yang teraniayalah. Itu sebab saya minta Yang Berhormat Menteri mencari jalan, usaha sebagaimana yang sebaik-baiknya kita melayan kera ini. Seperti Yang Berhormat Putatan berbual dengan saya di luar, apakah tidak boleh mungkin kita wujudkan agaknya pulau di mana yang kita tangkap ini kita letakkan di pulau supaya dia hidup aman ataupun di hutan yang besar ini.

Satu lagi ini kera, tidak tahulah di Malaysia tetapi di Thailand dan biasa berlaku di negara lain. Kera ditangkap hidup-hidup atas kepercayaan otak kera boleh memanjangkan umur, otak kera boleh menguatkan syahwat lelaki. Betulkah? Saya harap tidak melanggar apa-apa seksual. Ditangkap kera ini, saya tidak pernah melihatlah tetapi mengikut cerita kawan-kawan ditangkap kera ini dengan dipasung keluaran kepalanya. Kemudian kepala dia ini akan dipotong begitu. Dengan pekitan kera ini kerana kesakitan, kepalanya dipotong separuh selepas itu diletak straw dan straw ini disedut oleh manusia yang melanggan otak kera daripada restoran yang menyediakan perkhidmatan seperti ini. Jadi saya harap tidak berlaku di negara kitalah.

Janganlah, jangan percayalah kalau hendak kuat tidak ada siapa yang hendak melarang orang hendak kuat. Lelaki hendak kuat nafsu, hendak kuat badannya, hendak kuat apa silalah. Akan tetapi jangan kita benarkan kelakuan zalim ini.

Saya harap Yang Berhormat Batu gajah jangan tersinggung, saya hendak bercakap soal kezaliman kita terhadap binatang. Janganlah, jangan sampai berlaku. Kalau berlaku penganiayaan yang begini zalim tidak tahu hukuman yang seberat-beratnya dalam akta ini, dalam rang undang-undang ini boleh kita kenakan kepada mereka yang begitu zalim yang tidak ada perikemanusiaan langsung kepada binatang yang lemah yang boleh kita aniaya.

Jadi itulah Yang Berhormat Menteri saya punya pandangan bagaimana agaknya satu cara, boleh atau tidak secara serius kementerian Yang Berhormat Menteri, secara serius memikirkan masalah ini. Jangan dianggap sambil lewa kerana ini masalah kera. Jangan, jangan, jangan. Jangan kita mengambil keputusan yang sering-ringannya, yang semudah-mudahnya kita remehkan perkara ini kerana dia kera. Janganlah. Minta pandangan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Yang Berhormat Menteri, saya sambung sedikit isu ini sebab ramai rakyat yang...

Tuan Hiew King Cheu [Kota Kinabalu]: Boleh saya tanya.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Kota Kinabalu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ada dua orang Yang Berhormat. Mana satu?

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Kota Kinabalu tidak ada keralah?

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Ada.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Ramai rakyat yang membangkitkan isu.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Ada kera?

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Ada.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Ada berjanggutkah?

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Ada.

Tuan Hiew King Cheu [Kota Kinabalu]: Pendek sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat.

Tuan Hiew King Cheu [Kota Kinabalu]: Ya, terima kasih. Saya hendak tanya senapang. Ini senapang untuk melindungi haiwan atau manusia?

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, senapang tidak ada kaitan dengan sini.

Tuan Hiew King Cheu [Kota Kinabalu]: Ya, betul.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Sri Gading atas keprihatinan beliau...

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Yang Berhormat ini tidak senapang.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas:...Kepada masalah-masalah untuk mengendali, mengurus konflik antara kerajaan dengan manusia. Ini memang satu masalah.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Sebelum Yang Berhormat gulung isu kera ini. Sebelum Yang Berhormat gulung saya hendak sambung sedikit daripada Yang Berhormat Sri Gading.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Bukan mengenai senapang?

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Saya pun bersetuju supaya kera ini kita tidak aniaya dia sebab dia pun makhluk Allah. Akan tetapi saya sudah pun minta pegawai-pegawai PERHILITAN kita bagaimana hendak menangkap dia supaya dapat kita pindahkan daripada serangannya di kampung-kampung. Malangnya bukan sahaja kita kekurangan pegawai PERHILITAN tetapi dia tidak ada duit hendak buat perangkap kera pun dia tidak ada duit. Jadi dalam perbahasan ini boleh Yang Berhormat timbangkan melalui kementerian kita untuk memperkasakan pegawai kita, memperkasakan peruntukan yang boleh membantu usaha untuk memindahkan kera ini supaya dapat kita selamatkan.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat Jempol. Perkara itu saya akan jawab. Memang ada jawapannya nanti, jadi saya tidak mahu mengulas apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Jempol tadi. Akan tetapi apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Sri Gading ini adalah betul kerana kita perlu menguruskan masalah ini dengan begitu berhati-hati kerana apa tindakan yang kita ambil tidak harus mengenai binatang-binatang liar ini.

■1440

Oleh sebab demikian, maka kementerian telah pun melihat kemungkinan untuk menubuhkan satu tempat sebagai *sanctuary* untuk kera. Kita telah pun melihat, kita ada seribu pulau di perairan air kita. Kita pun melihat mana kita dapat pilih pulau-pulau yang sesuai akan dijadikan satu tempat, *as a sanctuary* kerana kalau kita buat seperti itu mungkin kita dapat dengan serba sedikit menyelesaikan masalah ini. Dari segi

komitmen kerajaan memang memandangkan masalah konflik manusia kera ini sebagai satu masalah yang perlu diutamakan. Dan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, saya akan memberi jaminan inilah satu *area* yang kita akan beri keutamaan.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Tuan Yang di-Pertua, tambah sedikit soal kera ini.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Ya.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Walaupun kementerian bersungguh-sungguh menyelesaikan masalah *over* populasi kera di negara kita, kita sudah berbincang dengan Yang Berhormat Sri Gading tadi, satu pulau dikenal pasti dan tidak semestinya kerajaan yang menanggung semua ini. Kita boleh menggalakkan pihak swasta supaya kawasan ini menjadi satu tarikan pelancong. Ini yang Yang Berhormat Sri Gading cadangkan Yang Berhormat Menteri, tidak semestinya kerajaan yang menanggung dan bolehkah pihak kementerian membuat satu langkah atau satu kaedah supaya menggalakkan pihak swasta untuk membangunkan satu kawasan pelancongan, yang mana letaknya kera-kera ini juga menanam kayu-kayu, jenis kayu tumbuhan yang mana kera ini boleh hidup dengan tersendiri serta tidak bergantung dengan apa yang berlaku sekarang.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, memang cadangan yang baik kerana kementerian pun, Kerajaan Barisan Nasional memang menimbang bagaimana kita menentukan bahawa langkah-langkah konservasi kita dapat diterjemahkan kepada pendapatan pelancongan, dan dalam perkataan lain tempat-tempat konservasi ini dapat dijadikan satu kawasan penarikan pelancong, misalnya seperti pulau yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi, iaitu ia boleh dibuat sebagai satu kawasan pelancongan mungkin khusus untuk kera pelbagai jenis. Kita juga memang menjemput pihak swasta untuk mengambil bahagian, ini adalah satu pendekatan yang kita akan ambil..

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Cuma kita pada bulan yang lepas telah mencari pulau-pulau...

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Boleh tambah sedikit Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: ...Yang sesuai dan masalah kita hadapi tetapi, kita harap dalam masa yang tersingkat ini kita dapat mencari pulau yang ditentukan. Kita bersetuju penuh dengan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Sekijang bangun cerita hal kerakah Yang Berhormat?

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Pulau mana ini Yang Berhormat Menteri di Sabah?

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Ya pasal kera, minta sedikit.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Pasal apa ini?

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Pasal kera. Pasal hendak hantar ke pulau ini Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya ingat Yang Berhormat selepas ini cukuplah cerita kera itu. Selepas itu kalau ramai Ahli Yang Berhormat yang suka dengan cerita kera ini, buatlah satu taklimat, panggil serta jemput Ahli Parlimen cerita kera sahaja satu hari. *[Ketawa]*

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Tidak ini kita hendak membela nasib kera.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Sekijang.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Tuan Yang di-Pertua pasal kalau kita hendak hantar kera ini ke pulau-pulau. Jadi kita mengubah habitat semula jadi ia kerana kera-kera yang ada ini pun, dia pun sudah baik, dia pun sudah sekolah, dia pun tidak gigit orang melainkan orang lain pula yang meniru cara dia. Jadi saya ingat, kalau kita sediakan tempat yang sesuai dengan dia, tidak payahlah kita hendak hantar ke pulau-pulau sebab pulau-pulau ini tenggelam kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua. Jadi kita sediakan satu tempat yang baik, satu kawasan yang sesuai yang mana pelancong-pelancong sebagaimana kata Yang Berhormat Putatan boleh datang, itu lebih sesuai. Kalau hendak pulau, macam mana nanti pelancong-pelancong hendak datang Tuan Yang di-Pertua terutama yang dekat di kawasan bandar, yang mana saya tengok kera-kera ini pun bukan ganas macam dulu, dia sudah macam pergi sekolah juga. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Sekijang, istilah "pulau" di Sarawak itu ada dua istilah Yang Berhormat. Ada pulau di atas laut, ada pulau dalam lautan. Yang Berhormat Betong mengetahui betul hal pulau dalam hutan ini.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Sama-sama dengan pulau di laut.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Di Ledang ada Pulau Penarik.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Okey, saya bersetuju dengan Tuan Yang di-Pertua, mungkin kita perlu mengadakan satu perbincangan dengan Ahli-ahli Parlimen untuk meminta pandangan daripada mereka macam mana untuk mengatasi masalah ini. Seperti dahulu, kita bincang berkenaan dengan gajah dan gajah kurang dibincangkan dalam Parlimen kerana masalah-masalah nampaknya sudah kita selesaikan. Akan tetapi, isu kera ini, saya hendak sebut juga adalah pasal yang disebut oleh Yang Berhormat Sri Gading tadi, bagaimana kera ini boleh dianiyai di restoran dan sebagainya, inilah sebab kita tidak membenarkan kera ini dieksport ke luar negara takut kera kita akan digunakan untuk berbagai-bagai macam, jadi kerajaan telah membuat keputusan ini.

Saya cukup bersetuju dengan Yang Berhormat Sri Gading juga apabila beliau menyebut binatang liar tidak ada manusia, tetapi di kalangan manusia ada binatang liar, maka inilah sebabnya undang-undang perlu kita lulus petang ini. Boleh saya duduk? Terima kasih banyak ya.

Bagi mengatasi masalah konflik gajah tadi, kita telah pun mencari beberapa kawasan, memindah kawasan habitat yang lebih sesuai seperti Taman Negara, Taman Negeri Royal Belum dan Taman Negara Endau Rompin. Untuk makluman sejak operasi ini bermula sejak tahun 1974, sebanyak 645 ekor gajah telah berjaya ditangkap oleh pihak jabatan. Kerajaan telah mengenal pasti sebanyak 37 koridor ekologi di bawah Pelan Induk Koridor Ekologi Central Forest 'Pine' yang dilaksanakan akan menyambung empat kompleks utama di Semenanjung Malaysia bagi membantu penggerakan hidupan liar yang mana kawasan hidupan liar telah pun di pisah. Ini menjawab isu yang di mana binatang liar untuk melepasi jalan-jalan raya.

Empat kompleks hutan utama iaitu Banjaran Titiwangsa, Banjaran Bintang, Banjaran Kawan, Taman Negara, Banjaran Timur Tanah Lembap, Tenggara Pahang, Tasik Chini dan Tasik Bera serta Taman Negara Endau Rompin *reserve* hidupan liar di Kluang. Walau bagaimanapun untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat pelaksanaan CFS ini akan melibatkan kos yang tinggi serta pelaksanaan secara berperingkat.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan telah membina tiga *wildlife underpass* di lebuh raya antara Gua Musang ke Kuala Berang, Hulu Terengganu. Pembinaan *wildlife underpass* ini telah terbukti membantu penggerakan hidupan liar di antara Taman Negara Kelantan dan Hutan Simpan Tebat, Terengganu. Selain itu

beberapa papan tanda juga diletakkan di sepanjang jalan yang mempunyai rekod kehadiran hidupan liar di kawasan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua mengenai isu penguatkuasaan...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Menteri, bolehkah saya...

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tuan Yang di-Pertua, *point of order* Tuan Yang di-Pertua. Boleh tanya sedikit..

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Boleh saya mencelah di sini?

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Hendak tanya. Hendak tanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: *Point of order* ini satu Yang Berhormat, pertanyaan ini pun satu Yang Berhormat.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tidak, saya minta *point of order* sebelum Sri Gading, hendak tanya. Bunga itu untuk apa Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Di bawah apa *point of order* ini Yang Berhormat?

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya belum cari lagi, saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua sama ada bunga itu boleh diletak di atas ini atau tidak? Ini *distraction* kepada saya, betul-betul di depan mata saya. Untuk apa itu, sakitkah? Minta *conclusion*, boleh atau tidak kita letak apa-apa benda di dalam Dewan ini? Saya khuatir kepada kesihatan dia, apa masalah dia?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya baik, baik. Saya sudah dengar Yang Berhormat, saya sudah minta bentara alihkan itu supaya janganlah Parlimen kita ada pasu bunga, orang angkat nanti. Macam-macam benda datang nanti.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih atas keprihatinan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Jadi saya mintalah kalau ada Ahli-ahli Yang Berhormat benda-benda yang lain selain kertas rasmi kerajaan itu, janganlah dibawa di dalam Dewan. Ya sila Yang Berhormat Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya amat menyokong secara keseluruhan rang undang-undang ini dan apabila Yang Berhormat Menteri kata soal peruntukan. Saya akan menyokong sekuat-kuatnya jika kementerian menteri berkaitan dengan hidupan liar ini memerlukan pembiayaan

peruntukan yang besar. Amat sayang saya dan begitu juga Yang Berhormat Menteri dan jabatan hidupan liar ini. Yang Berhormat Menteri kita perlu berhati-hati, kementerian harap bertindak tegas dan mengambil perhatian melindungi binatang-binatang liar di negara kita.

■1450

Kalau tidak Yang Berhormat Menteri, kita akan kepupusan. Gajah sudah semakin kurang, harimau belang sudah semakin kurang, dan kita sudah tidak ada lagi dengar seladang dalam negara kita. Kita sudah tidak dengar lagi tenek di negara kita. Kita sudah tidak dengar lagi kambing gurun di negara kita, kerana kepupusan yang diakibatkan oleh tangan-tangan kita. Jadi Jabatan PERHILITAN ini saya harap benar-benar bagaimana hendak menjaga, membiak, mengawal supaya kehidupan liar yang menjadi khazanah negara kita tidak akan hilang.

Yang Berhormat Menteri, saya berharap Yang Berhormat Menteri bantangkan kertas kerja yang benar-benar dapat melindungi hidupan liar yang sangat berharga, yang kalau hilang tidak akan dapat gantinya. Saya memang menyokong Yang Berhormat Menteri, sebesar-besar sokongan untuk mendapat peruntukan dan marilah kita bela alam kita, alam semula jadi ini termasuk khazanah hidupan liar yang sangat berharga. Di sesetengah negara sudah pupus, sudah tidak ada dan sudah menjadi sejarah. Terima kasih.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading atas sokongan Yang Berhormat mengenai isu pemuliharaan hidupan liar ini. Ini adalah semangat yang sangat kita alu-alukan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat telah pun menyentuh mengenai perkara penguatkuasaan, dan ini adalah satu isu yang paling penting untuk kita bincang dan kementerian juga mengambil berat mengenai isu penguatkuasaan ini. Beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyoal komitmen kerajaan dalam melaksanakan rang undang-undang ini, terutama masalah penguatkuasaan dan kapasiti, pertambahan spesies serta perluasan skop dan aktiviti. Malah ada juga kata kita kementerian 'syok sendiri', dengan perluasan skop dan akta rang undang-undang ini. Suka saya nyatakan dengan tegasnya kementerian tidak 'syok sendiri' Tuan Yang di-Pertua. Kita serius dalam komitmen kita untuk melaksanakan apa yang telah diamanahkan kepada kita.

Kerajaan telah pun mengambil kira tugas-tugas yang lebih berat, strategi telah diatur dalam melaksanakan tanggungjawab tersebut. Apabila rang undang-undang ini diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, adalah mencapai matlamat murni rang undang-

undang ini. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian mempunyai pengalaman apabila Parlimen meluluskan pindaan Akta Perhutanan Negara 1984 pada tahun 1993 untuk menangani isu pembalakan haram. Selepas akta tersebut dikuatkuasakan, jumlah pembalakan haram telah turun secara drastik. Usaha ini telah memberi kesan kepada tren kegiatan pembalakan haram, di mana kes-kes pembalakan haram yang dilaporkan telah menurun ekoran dari peningkatan jumlah penalti dan hukuman yang lebih berat kepada pesalah-pesalah.

Peningkatan jumlah penalti dan hukuman ini adalah bertujuan sebagai salah satu faktor pencegahan dengan izinnya, supaya pengusaha dan pembalok sentiasa mematuhi peraturan yang ditetapkan. Berdasarkan peruntukan penalti dan hukuman yang lebih tinggi, telah mengakibatkan *trend* semakin menurun kegiatan ini. Maka pihak kementerian mengambil pendekatan yang sama dalam penggubalan, dan kemudian pelaksanaan rang undang-undang ini.

Daripada perbahasan yang telah berlangsung, ramai Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu yang berkaitan dengan kemampuan Jabatan PERHILITAN akan penguatkuasaan rang undang-undang ini. Baru-baru tadi Yang Berhormat Jempol juga menyentuh perkara ini. Pihak kementerian sedar isu-isu yang dibangkitkan seperti kekurangan kakitangan, peralatan dan kenderaannya di kekangan atau *constraint* dengan izin. Namun isu-isu ini merupakan isu yang umum yang perlu dihadapi oleh semua agensi penguatkuasaan di negara kita ini.

Untuk makluman Yang Berhormat..

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: ...Rang undang-undang ini adalah kesinambungan penguatkuasaan Perlindungan Hidupan Liar 1972. Jabatan PERHILITAN mempunyai kakitangan yang berjumlah 1,512 orang, dan lebih kurang 38% daripada ini menjalankan kerja penguatkuasaan. Jabatan PERHILITAN mempunyai cawangan di semua negeri di Semenanjung Malaysia, termasuk 58 buah pejabat di peringkat daerah dan kakitangan seramai lebih kurang 300 orang.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: ...Ahli Yang Berhormat dari Lenggong dan Yang Berhormat Kota Belud telah pun membangkitkan isu bekerjasama dengan agensi lain, bagi memantau penguatkuasaan fasal 90 di bawah rang undang-undang ini. Fasal 90 memperuntukkan Ketua Pengarah boleh memberi kuasa kepada mana-mana pegawai awam yang menjalankan kerja-kerja penguatkuasaan. Sebagai jabatan di

bawah kementerian ini, Jabatan PERHILITAN dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia akan bekerjasama untuk menguatkuasakan rang undang-undang ini. Dengan penurunan kuasa ini, aktiviti penguatkuasaan akan dapat dijalankan dengan lebih efektif.

Selain daripada itu, Jabatan PERHILITAN juga turut bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan yang lain dalam penguatkuasaan perundangan hidupan liar. Antara agensi-agensi yang bekerjasama dengan Jabatan PERHILITAN adalah Kastam Diraja Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, *Malaysian Quarantine and Inspection Services*, Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Diraja Malaysia, Unit Pencegahan Penyeludupan dan RELA.

Juga ingin saya memaklumkan..

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Bukan hendak mengganggu jawapan Yang Berhormat Menteri yang begitu lancar. Ini akan diluluskan dan apabila diwartakan setelah lulus di Parlimen ini - apabila diwartakan ia menjadi sebahagian daripada undang-undang yang diguna pakai oleh negara dan rakyat.

Saya berharap Yang Berhormat Menteri, undang-undang yang semolek ini, yang sebaik ini difahami oleh rakyat yang ramai. Ada yang boleh dan ada yang tidak boleh dalam rang undang-undang ini. Boleh tidak boleh ini ada kaitan dengan implikasi hukuman, denda dan sebagainya.

Saya berharap sangat dengan Yang Berhormat Menteri dari pihak kementerian apabila sudah diwartakan, tolong beri taklimat atau kursus kepada ketua-ketua masyarakat, ketua-ketua kampung di seluruh negara kerana mereka yang berkait rapat dengan kehidupan liar. Mereka ada hutan, bukit, gunung dan belukar di mana tersimpannya binatang-binatang liar ini. Apa yang boleh dan apa yang tidak boleh, apa hukuman yang akan dikenakan kepada yang melanggar akta atau rang undang-undang ini. Jadi itu menjadi sebahagian Yang Berhormat Menteri, apabila sudah lulus nanti tugas yang akan dimainkan oleh kakitangan Yang Berhormat Menteri. Itu pertama.

Kedua, seperti Yang Berhormat Jempol dan seperti juga rintihan Yang Berhormat Menteri, kakitangan 1,000 lebih orang ini tidak akan dapat menyelesaikan masalah. Penguatkuasaan untuk seluruh negara kalau 1,000 orang lebih Yang Berhormat Menteri - tarik ke atas nampak kaki, tarik ke bawah nampak pusat. Betul ya? Tidak betul? Tarik ke bawah nampak apa?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya, tarik ke bawah nampak pusat, tarik ke atas nampak lutut? *[Ketawa]* Ada nampak lain?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Okey, tarik balik. Akan tetapi tarik itu apa? Tidak tarik balik boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Tidak mengapa Yang Berhormat. Nampak aurat Yang Berhormat.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Ketawa]* Okey, okey. Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak bergurau...

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Ini *sexist remark*, tarik balik.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini tarik balik, tarik balik - ini maknanya tarik ke atas nampak lutut, tarik ke bawah nampak pusat. Ini maknanya...

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Jangan bazir masa Parlimenlah!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...Kekurangan - tidak cukup. Itu maknanya dalam bahasa Melayu. Jadi saya menyokong sangat Yang Berhormat Menteri. Tambah kakitangan Yang Berhormat Menteri kakitangan dalam kementerian ini Perhi... Perih - susah betul lidah saya... Perlih apa?

Beberapa Ahli: PERHILITAN...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: PERHILITAN! *[Ketawa]* Itu maksudnya Yang Berhormat Menteri. Tambah Yang Berhormat Menteri, tidak cukup Yang Berhormat Menteri!

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Soalan tambahan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Topik yang sama. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri.

Mengenai PERHILITAN ini, baru-baru ini ada beberapa bulan yang lalu tersiar di surat khabar bahawa Anson Wong - saya rasa Yang Berhormat Menteri pun tahu Anson Wong dari Pulau Pinang iaitu seorang yang membeli dan menjual, *trafficking of wildlife* di negara kita yang amat terkenal di seluruh dunia.

Beliau telah pun dipenjarakan di Amerika Syarikat untuk hampir enam tahun kerana terlibat dalam aktiviti-aktiviti *trafficking of wildlife* di rantau ini dan juga di Amerika

Syarikat. Akan tetapi pada masa yang sama, Jabatan PERHILITAN kita telah meluluskan atau melanjutkan lesen beliau untuk terus terlibat dalam penjualan spesies seperti *monitor lizard* dan sebagainya, termasuk sejenis *cougar*.

■ 1500

Jadi apabila kita telah buat laporan kepada pihak-pihak yang tertentu termasuk MICC Puan Mislihah daripada Jabatan PERHILITAN mengatakan beliau tidak ada sangkut paut dengan hal ini. Sedangkan surat kelulusan itu ditandatangani oleh beliau *renewal of licensed*. Jadi apakah pendirian kementerian untuk kes-kes seperti ini? Bolehkah kita beri lesen kepada seseorang yang dipenjarakan di negara lain untuk hal atau isu yang sama? Apakah tindakan selanjutnya yang akan diambil oleh kementerian terhadap Anson Wong dan orang-orang seperti dia? Juga Puan Mislihah dari jabatan berkenaan. Sila bagi keterangan. Terima kasih.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Ya Yang Berhormat Menteri tentang penguatkuasaan boleh saya tanya sedikit. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri saya pernah sentuh tentang fasal 52 dan juga fasal 53 iaitu tentang semasa kita beri kuasa kepada anggota atau pegawai untuk mengambil tindakan. Seperti fasal 53 dikatakan membenarkan seorang pemburu dan juga penduduk tanah untuk menggunakan, fasal 52 saya minta maaf. Membenarkan mana-mana pegawai untuk memburu mana-mana hidupan liar jika hidupan liar itu membahayakan kepada nyawa manusia.

Oleh sebab itu saya ada sentuh satu kejadian iaitu seorang anggota Rela menembak mati seekor harimau belang iaitu pada bulan Jun. Sekarang dikatakan dia telah salah kerana mungkin tidak ikut dengan prosedur undang-undang. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, mungkin pada saat-saat tertentu itu dia tidak ada pihak atau orang boleh dia rujuk pada masa itu. *This is speed second decision that his to be make*. Dengan itu apakah jika kejadian sebegini adakah dalam penguatkuasaan undang-undang ini bagaimana dapat memberi negeri ada kelonggaran kepada kes-kes tertentu seperti ini. Iaitu pegawai atau anggota terpaksa buat satu keputusan pada masa itu jika dianggap bahawa hidupan liar itu sudah membahayakan penduduk atau nyawanya dan ia terpaksa buat satu keputusan. Kemungkinan dia tidak dapat mengikut semua prosedur yang terkandung dalam akta ini. Itu satu yang saya bangkit.

Kedua tentang Orang Asli yang dikatakan sepuluh spesies tertentu dibenarkan untuk diburu untuk mereka dan keluarganya. Bagaimana kita dapat menentukan mereka betul-betul tahu sepuluh spesies yang boleh di*hunt* atau diburu oleh mereka?

Bagaimana dapat kita pastikan mereka tidak jualkan hasil ini kepada orang-orang luar dan mendapatkan pendapatan. Bagaimana dengan penguatkuasaan tentang ini? Saya minta penjelasan.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Boleh sekali gus?

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Sekali gus Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya Yang Berhormat Tenggara.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga hendak *responds* kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan termasuk oleh Yang Berhormat Sekijang tadi dan Yang Berhormat Sri Gading. Saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Menteri ada tidak kementerian menjalankan apa-apa bentuk kajian, kajian terhadap usaha penyelidikan pembangunan untuk kita menjamin kehidupan liar ini. Memandangkan kawasan habitatnya semakin kecil dan supaya kajian ini dapat dilakukan untuk kita tentukan hidupan liar ini dalam habitat yang semakin kecil dapat terus membiak. Mereka ini mempunyai ketahanan dalam menyesuaikan diri dalam faktor-faktor persekitaran yang semakin mencabar kehidupan mereka. Itu yang pertama.

Keduanya saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat Menteri. Adakah perlu lagi kita mahu memberikan pemberian lesen pemburuan ini? Sedangkan kita tahu seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Sri Gading tadi tentang binatang-binatang yang semakin pupus. Adakah perlu kita terus memberikan lesen pemburuan ini dan dalam pada usaha yang dinyatakan dan dilaung-laungkan oleh pihak kementerian, bahawa kita akan menjaga dan mempertahankan hidupan liar ini dengan mengambil kira tentang cadangan-cadangan yang telah pun dikemukakan dalam peruntukan akta yang ada ini. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Menteri..

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Boleh sambung soalan pendek.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Mana satu Yang Berhormat. Tunggu-tunggu Yang Berhormat.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Ini dari Ranau Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Tunggu saya cakap dahulu Yang Berhormat. Okey saya bagi Yang Berhormat Ledang lepas itu Yang Berhormat Bakri baru Menteri jawab.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Sini Yang Berhormat Ranau lagi Tuan Yang di-Pertua, sini.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dia lepas Yang Berhormat Tenggara kena Yang Berhormat Ledang. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua terlebih dahulu...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Menyampuk]*

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Yang Berhormat Kinabatangan kacaulah. Terlebih dahulu saya hendak mengucapkan selamat datang rombongan daripada Sekolah Menengah Sri Tangkak Ledang *[Tepuk]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua cuma saya takut Menteri keliru soalan jangan panjanglah.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua mungkin peminat-peminat di luar ini mungkin mereka terpegun saya yakin tentang perbahasan kita berkenaan dengan kehidupan liar ini seperti yang dibahaskan oleh ramai kalangan tadi.

Tadi Yang Berhormat Menteri menjawab tentang penguatkuasaan, Yang Berhormat Telok Intan banyak menyentuh tentang penguatkuasaan. Yang Berhormat Tenggara menyebut tentang perlunya ada pusat penyelidikan. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebut tentang akta ini bagi tujuan penguatkuasaan. Pada saya mesti ada saling lengkap melengkapi.

Jadi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, kalau orang awam tidak memberikan kerjasama yang sewajarnya yang rapat mereka tidak ada kesedaran mereka tidak akan, tujuan kita tidak akan sampai ke mana. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri sejauh ini apakah langkah-langkah daripada banyak yang kita buat dalam usaha untuk menyedarkan masyarakat orang awam supaya turut serta sama-sama jaga. Maknanya mereka boleh membuat aduan, ada proses kesedaran dan mengadu terhadap apa juga tindakan yang boleh mengurangkan malah melupuskan hidupan liar ini. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Bakri.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun ada sudah bangkitkan isu yang sama tentang Anson Wong semalam. Adakah Kementerian akan menjalankan siasatan tentang Satwa Liar Asia, jika kenyataan yang....

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh jangan baca cakap sahaja.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Okey boleh. Tidak apa sekejap lagi ya. Jika kenyataan yang diterbitkan oleh *National Geography* adalah tidak betul adakah Kementerian akan failkan kes ini ke mahkamah?

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, *excuse me...*

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Mengapa sejak bulan Februari hingga kini tiada apa kenyataan dari Kementerian untuk menjelaskan perkara ini. Terima kasih.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua saya rasa perkara-perkara yang telah disentuh kelmarin tidak perlu diulang kembali kerana kita ada jawapan. Sabarlah. Bukan isu baru duduklah tolong sabar.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh saya tanya sedikit sahajakah? Sedikit setengah minit sahaja.

Seorang Ahli: Tidak boleh.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Ya setengah minit.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terpanggil dengan untuk menjaga haiwan-haiwan di negara kita. Terkini kehidupan sotong kurita yang telah meneka bola piala dunia tujuh kali dia teka tujuh kali dia tepat. Jadi malangnya sotong ini ...

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Lapan kali, lapan kali.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Usia dia cuma empat tahun sahaja. Sekarang usia dia tiga tahun setengah otak dia ada tiga dan otak dia berumur lapan tahun kanak-kanak. Apakah tidak ada usaha daripada Kementerian membuat kajian kalau di German dia ada boleh pelihara sotong kurita macam dia boleh meneka mungkin ada usaha-usaha yang lebih efektif daripada itu kita guna pakai.

Macam mana hendak memanjangkan usia dia pula daripada empat tahun kepada mungkin empat puluh tahun. Walaupun banyak bunyi agas di sebelah sana saya tidak tahu agas mana satu tetapi ini kita, saya tidak pandanglah. Saya pandang Tuan Yang di-Pertua, supaya mungkin ada usaha-usaha sebab sotong ini terkenal sehingga ditawarkan satu juta euro. Jadi mungkin kalau rakyat Malaysia boleh

melahirkan haiwan-haiwan sebegini mungkin kita akan ada orang kaya baru yang begitu cepat pula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Satu minit setengah sudah Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Yang Berhormat Kinabatangan lapan kali bukan tujuh kali.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Ada kaitan.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Apa lapan kali itu?

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Yang Berhormat Ranau, Yang Berhormat Ranau.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Apa lapan kali ya?

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Itu *octopus* lapan kali teka.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Okey, okey terima kasih Yang Berhormat yang telah pun....

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Yang Berhormat Menteri boleh beri peluang sedikitkah daripada Ranau? Ada kaitan.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Saya mohon Tuan Yang di-Pertua saya jawab sini nanti saya lupa.

■1510

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sudah ada empat yang berdiri tadi tanya. Biar menteri jawab itu dulu.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Lepas itu boleh bagi kepada Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Menteri, saya nak bagi tahu dululah. Selepas ini kita ada tujuh pindaan yang menteri akan bawa. Jadi saya ingat Yang Berhormat, kita tunggulah apa jawapan daripada situ kalau bangkit isu yang spesifik. Yang menjuruskan kepada fasal-fasal itu tak payah tanya dulu. Tunggulah masa fasal itu dibentangkan nanti. Terima kasih Yang Berhormat, sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Beberapa Yang Berhormat tadi, Yang Berhormat dari Sri Gading, Yang Berhormat dari Ledang telah pun menyentuh mengenai betapa pentingnya kita mengadakan satu

penerangan *public awareness program*. Nanti saya sampai ke bahagian itu, kita nak beri jawapan.

Mengenai *enforcement*, inilah sebab tadi saya telah pun beritahu bahawa kita telah menjalinkan kerjasama dengan beberapa agensi kerana kita sedar bahawa kakitangan kita pun tidak cukup dari PERHILITAN. Dalam masa yang sama atas hakikat keadaan di negara kita, untuk menambahkan pegawai yang kita boleh kata cukup pun ada masalah tetapi yang kita dapat tahu, kalau kita dapat menjalinkan kerjasama dengan agensi-agensi yang menjalankan tugas mungkin di tempat yang sama, tempat-tempat di mana konservasi itu diadakan, maka ianya akan menambahkan pegawai-pegawai dengan secara tidak langsung dalam usaha-usaha kita menangani masalah menjaga kehidupan liar kita. Sebab itu saya ada sebut tadi beberapa agensi yang dapat bekerjasama. Dalam kementerian pun ada dan di luar kementerian.

Mengenai perkara yang disebut oleh Yang Berhormat dari Telok Intan, Anson Wong. Perkara ini saya akan jawab apabila saya menjawab perkara Yang Berhormat Bakri. Mengenai lesen yang dikeluarkan, kita pun membuat siasatan dan perkara-perkara tersebut telah pun kita teliti dan kita juga menentukan bahawa dalam beberapa keadaan ianya munasabah untuk beberapa lesen dikeluarkan. Mungkin bukan untuk dia terus tapi mungkin dalam keadaan tertentu. Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi, kita akan menjawab perkara-perkara yang disebut oleh Yang Berhormat kerana perkara itu telah ditimbulkan kelmarin dan ada dalam jawapan nanti.

Yang Berhormat Tenggara yang menyeru kepada kajian penyelidikan buat mengikut perancangan, tadi saya pun telah menjawab dengan lebih teliti bagaimana kita membuat inventori dan juga membuat kawasan-kawasan perlindungan kehidupan liar ini untuk kita menyelesaikan masalah-masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat.

Yang Berhormat Bakri, Anson Wong dah, nanti kita jawab. Yang Berhormat Kinabatangan, saya fikir Yang Berhormat Kinabatangan mungkin banyak untung ya? *[Dewan riuh]* Kita cukup bersetuju tetapi ini adalah satu keadaan yang mungkin menyulitkan kerana ia perlu perbincangan di antara negara-negara yang tertentu tetapi kita memang sentiasa berusaha untuk mencari keajaiban dalam hidupan liar kita supaya dapat membantu kita mencapai kejayaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya janji Yang Berhormat Silam tadi ya. Eh, Yang Berhormat Ranau, *sorry*.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana memberi peluang. Ini perkara

spesifiklah ini. Terdapat seksyen dalam Rang Undang-undang Hidupan Liar 2010 iaitu peruntukan yang memberi jaminan kepada *stakeholders* dengan izin, terutama sekali kepada Orang Asli supaya diberi perlindungan yang sepenuhnya. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memperjelaskan lagi yang lebih jelas bahawa kepentingan penduduk kampung tradisional seperti Orang Asli ini tidak terancam. Jangan pula dengan adanya pindaan rang undang-undang ini akan menjejaskan kepentingan Orang Asli atau mereka merasakan tertindas daripada segi hidup sedia ada yang diwarisi turun-temurun. Sekian.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Isu itu juga kita akan jawab dalam jawapan sebentar nanti. Tuan Yang di-Pertua, Jabatan PERHILITAN juga merupakan ahli majlis tindakan daerah di kebanyakan negeri di Semenanjung Malaysia dan Yang Berhormat kelmarin mencadangkan bahawa PERHILITAN sepatutnya. Antara bentuk-bentuk kerjasama yang telah dijalankan adalah sekatan di sempadan, kawalan musuh perosak tanaman, kawalan di kawasan-kawasan perlindungan. Manakala di peringkat serantau pula, jabatan mewujudkan kerjasama dua hala dengan negara jiran seperti Thailand dan juga *Asian Wildlife Enforcement Network* (Asian WEN) dalam pencegahan penyeludupan hidupan liar di sempadan negara termasuk mempertingkatkan aktiviti pertukaran maklumat risikan dan *capacity building* dengan izin, dalam aktiviti-aktiviti penguatkuasaan.

Bagi mengawal perdagangan antarabangsa spesies terancam pula, kerajaan telah menguatkuasakan Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008, Akta 686 pada 28 Disember 2009. Bagi isu penyeludupan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Silam, kerajaan memang sentiasa peka akan adanya kejadian penyeludupan hidupan liar di pintu-pintu keluar masuk negara. Sehubungan dengan itu, bagi menangani perkara ini sebanyak 14 pejabat kawalan pintu keluar masuk telah diwujudkan dengan penempatan pegawai penguat kuasa sepenuh masa. Oleh yang demikian, walaupun rang undang-undang ini telah menyenaraikan spesies hidupan liar yang banyak, ia bukan menjadi halangan bagi jabatan untuk menguatkuasakannya dengan langkah-langkah dan usaha-usaha yang telah dilaksanakan seperti di atas akan dipertingkatkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Bakri dan Kota Belud telah membangkit isu penggunaan senjata api dalam pelaksanaan tugas oleh pegawai dan kakitangan PERHILITAN. Untuk makluman Yang Berhormat, tugas pegawai dan kakitangan PERHILITAN tidak tertumpu pada penguatkuasaan sahaja tetapi juga merangkumi pengurusan hidupan liar. Dalam pengurusan hidupan liar, senjata api

digunakan bagi tujuan menembak pelali bagi hidupan liar yang perlu ditangkap hidup dalam menjalankan kerja-kerja kawalan. Manakala bagi tujuan penguatkuasaan, senjata api tidak dibawa semasa menjalankan pemeriksaan biasa di premis perniagaan hidupan liar di bandar.

Walau bagaimanapun, pegawai penguat kuasa dibenarkan membawa senjata api di kawasan yang berisiko tinggi seperti kawasan hutan dan pedalaman. Dalam penggunaan senjata api, pihak jabatan hanya membenarkan kakitangan tertentu seperti ketua unit atau ketua operasi untuk menggunakan senjata tersebut. Mereka yang dipilih itu telah mengikuti kursus menembak dan mengendali senjata api setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bachok, Tawau, Bakri dan Seremban telah membangkitkan isu mengenai pengeluaran lesen di bawah Jabatan PERHILITAN. Pengeluaran lesen bagi aktiviti melibatkan hidupan liar adalah merupakan salah satu kaedah pengurusan yang dapat membantu dalam aspek pemuliharaan hidupan liar.

Sepanjang tahun 2005 – 2009, sejumlah 22,728 lesen pemburuan telah dikeluarkan untuk spesies hidupan liar seperti babi hutan 14,758 lesen, lesen musang 158 lesen, lesen rusa 767 lesen. Untuk memastikan penggunaan lesen memburu secara bertanggungjawab, jabatan sentiasa mengawal pemburu berlesen menerusi aktiviti pemantauan yang dijalankan secara berkala atau mengejut dan juga semasa musim buka atau musim tutup spesies berkenaan di *hotspots* yang dikenal pasti.

Rang undang-undang ini turut menetapkan kaedah-kaedah yang boleh bagi aktiviti memburu.

Ahli Yang Berhormat Pendang dan Putatan telah membangkitkan isu penguat kuasa spesies hibrid di bawah RUU ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, fasal 118 telah memperuntukkan hibrid sebagai spesies yang dikawal bagi tujuan melindungi ketulenan *gen pool* hidupan liar.

Ini adalah untuk memastikan spesies hidupan liar tidak diancam pencemaran gen oleh aktiviti penghibridan. Satu sistem pangkalan data akan diwujudkan bagi merekod pihak yang menjalankan aktiviti ini serta spesies yang terlibat. Pangkalan data sedemikian membolehkan pemantauan pengurusan lebih efektif dan berkesan. Ahli-Ahli Yang Berhormat dari Hulu Langat dan Kota Melaka ...

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Datuk menteri, sebelum balik kepada tajuk yang lain. Ini soal hibrid ini Datuk menteri, walaupun ada sekatan yang begitu ketat soal hidupan liar yang telah pupus seperti tembadau, ada tembadau yang didapati di

negara kita ini mungkin kita masih lagi boleh buat satu kajian supaya dapat diperbanyakkan lagi misalnya tembadau ini.

■1520

Saya rasa ada satu usaha pihak kerajaan - tidak tahu di mana, untuk membuat kajian supaya jenis tembadau ini boleh di *domesticated* melalui penyelidikan hibrid. Adakah pihak kementerian bersetuju supaya ini dapat dibolehkan, selain daripada akta yang mengetatkan cara penghibridan ini?

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Tembadau itu apa binatangnya?

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Sapi... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Ya, kambing?

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Sapi...

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Sapi, ya? *[Ketawa]* Dari sudut konservasi, kementerian memang tidak ada halangan mengenai - satu mengadakan kajian, kemudian untuk membiakkannya supaya spesies itu tidak pupus. Yang kita perlukan dalam peruntukan berkenaan adalah, kita mesti pastikan bahawa apa-apa kacukan yang dimasukkan ke dalam negara kita ini mesti kita mengetahuinya supaya kita dapat mengawal. Kita takut satu hari nanti hibrid yang dikeluarkan akan mengancam sistem kita dalam negara kita ini. Akan tetapi kalau masalah yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, saya rasa tidak jadi masalah untuk kita pertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Hulu Langat dan Yang Berhormat Kota Melaka membangkitkan isu melibatkan Orang Asli. Akta ini memberi kelonggaran kepada masyarakat Orang Asli untuk memburu hidupan liar seperti spesies tersenarai di bawah Jadual Keenam untuk kegunaan domestik sahaja dan bukan untuk tujuan komersial. Malangnya terdapat segelintir masyarakat Orang Asli telah pun dipergunakan melalui proses **provisi** keistimewaan ini atau telah diperalatkan oleh orang lain untuk memperdagangkan hidupan liar.

Jabatan PERHILITAN bersama Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah mengadakan program kesedaran kepada masyarakat Orang Asli mengenai peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan hidupan liar. Di samping itu, jabatan juga membuat risikan berhubung dengan penglibatan Orang Asli dalam perdagangan haram hidupan liar. Apabila ada bukti yang kukuh, maka tindakan undang-undang akan diambil. Untuk

makluman Yang Berhormat, dari tahun 2007 hingga tahun 2009, sebanyak 90 program bersama Orang Asli telah dijalankan oleh Jabatan PERHILITAN yang mana melibatkan hampir 10,000 peserta.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Putatan telah mencadangkan supaya taman-taman atau kawasan perlindungan hidupan liar dijadikan sebagai destinasi ekopelancongan. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah mengenal pasti ekopelancongan sebagai sumber pertumbuhan ekonomi yang baru di bawah Model Ekonomi Baru - *New Economic Model*. Dalam pembangunan produk-produk ekopelancongan, kerajaan akan mengambil pendekatan pembangunan secara holistik di mana aspek konservasi diimbangi dengan penjanaan ekonomi. Bagi memastikan perkara ini dititikberatkan, aspek daya tampung ataupun *carrying capacity, and limit capacity change* dengan izin, telah diberi penekanan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas telah menyentuh keadaan Zoo Negara yang masih ketinggalan zaman jika dibandingkan dengan zoo di negara jiran. Untuk makluman Yang Berhormat, Zoo Negara bukanlah diurus oleh mana-mana agensi kerajaan. Peranan Jabatan PERHILITAN hanya terhad kepada pengeluaran lesen dan permit untuk menyimpan hidupan liar sahaja. Rang undang-undang yang dibentangkan ini telah memperluaskan skop untuk mengawal selia hidupan liar di taman-taman zoologi dan keluasan skop ini. Garis panduan akan dapat diwujudkan bagi pengurusan taman zoologi selaras dengan piawaian zoo antarabangsa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, konsep zoo terbuka - *night safari open zoo* dan *safari open-concept zoo* dengan izin, yang akan dibangunkan sebagai produk ekopelancongan yang baru di dalam negara. Ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelancong-pelancong tempatan dan luar negara akan keunikan flora dan fauna, di samping pendekatan aspek konservasi, penyelidikan dan pendidikan.

Inti pati sebegini berupaya untuk memelihara sumber biodiversiti yang sedia ada di samping menjana pendapatan kepada masyarakat setempat Orang Asli yang berada di kawasan tersebut. Sehubungan dengan itu, pihak kerajaan sedang mengkaji kemungkinan untuk membangun sebuah lagi zoo bertaraf dunia yang mengamalkan konsep terbuka di satu kawasan yang lebih sesuai, yang akan dikenal pasti pada satu hari nanti.

Berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tawau tentang penyertaan Pengerusi *Malaysian Zoological Society* untuk memindahkan beberapa spesies hidupan liar ikon dari Sabah ke Zoo Negara. Pihak Zoo Negara perlu

mendapat kelulusan daripada Kerajaan Negeri Sabah dan kementerian ini terlebih dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan semalam, tiga orang Ahli Yang Berhormat - Ahli Yang Berhormat dari Bachok, Yang Berhormat Tawau dan Yang Berhormat Silam mengutarakan isu mengenai burung walit, seperti penguatkuasaan di kawasan bandar, lesen perniagaan, pengutip sarang, dan import dan eksport sarang burung walit. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembangunan dan pengurusan burung walit adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Dengan yang demikian, kementerian ini hanya melindungi burung walit yang liar di hutan. Untuk makluman Dewan ini, kita telah mengeluarkan dua jenis burung walit yang dapat mengeluarkan sarang burung yang dapat dijual dari senarai rang undang-undang ini, atas permintaan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Kota Belud dan tadi Yang Berhormat Sri Gading, Yang Berhormat Ledang telah membangkitkan mengenai betapa pentingnya program kesedaran awam. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian akan meningkatkan kesedaran masyarakat awam mengenai kepentingan konservasi hidupan liar. Untuk meningkat kesedaran awam mengenai kepentingan konservasi hidupan liar, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM28 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan kepada PERHILITAN.

Di antara program-program yang telah dilaksanakan adalah seperti *road show*, liputan media, laman web, pameran dan ceramah telah dijalankan di semua peringkat. Aktiviti-aktiviti ini ada melibatkan masyarakat awam, *NGOs* termasuk *Wildlife Conservation Society*, *WWF-Malaysia*, *Malaysian Nature Society*, *TRAFFIC Southeast Asia* (TRAFFIC), dan pelajar-pelajar sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Putatan dan perkara yang telah dibangkitkan ialah mengenai pengkomersialan - *commercialization* hidupan liar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, fasal 10 memperuntukkan pengeluaran permit bagi pengendalian pembiakan dalam kurungan komersial bagi spesies-spesies tertentu. Aktiviti baru ini bukan bertujuan semata-mata untuk menjana ekonomi masyarakat setempat, tetapi juga untuk mengurangkan tekanan kepada populasi kepada pengkomersialan hidupan liar. Kenyataan bahawa aktiviti pengkomersialan hidupan liar oleh Yang Berhormat Bakri semata-mata untuk mengaut keuntungan yang besar adalah sangkaan yang cukup jahat sekali.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu...

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Bakri, jangan macam ini Yang Berhormat.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: ...Oleh Yang Berhormat dari Tawau, kementerian melalui Jabatan PERHILITAN juga sentiasa meningkatkan usaha dalam pemuliharaan hidupan liar di Semenanjung Malaysia, terutama bagi spesies-spesies yang hampir pupus. Ini termasuk dengan menjalankan program-program pembiakan dalam kurungan. Selain membiakkan spesies hidupan liar, program ini juga bertujuan untuk menyediakan stok hidupan liar bagi tujuan penyelidikan, ekopelancongan, pendidikan dan pelepasan semula.

Sebanyak 10 buah pusat konservasi hidupan liar telah ditubuhkan untuk program-program pembiakan bagi menambahkan populasi spesies hidupan liar di dalam kurungan bagi tujuan pemuliharaan. Sebanyak 11 spesies hidupan liar telah diletakkan dalam program ini. Spesies tersebut adalah seladang, rusa sambar, kijang, tapir, landak raya, napuh, pelanduk, tuntung, buaya julung-julung, kongkang, burung kuang dan burung enggang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kota Melaka telah membangkitkan isu penyelidikan atas hidupan liar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mana-mana orang yang menjalankan penyelidikan atas mana-mana hidupan liar yang dilindungi perlu mendapat satu permit atau satu permit khas bagi melibatkan hidupan liar dan melindungi sepenuhnya.

Ini terdapat dalam fasal 10 dan fasal 11. Mana-mana orang yang gagal untuk mendapat permit khas di bawah fasal 10 dan fasal 11 boleh dikenakan tindakan dan penalti peruntukan bagi kesalahan tersebut. Oleh itu aktiviti penyelidikan atau kajian yang melibatkan penggunaan hidupan liar sahaja yang tertakluk kepada rang undang-undang ini. Walau bagaimanapun, pembangunan kemudahan penyelidikan tidak termasuk tertakluk kepada rang undang-undang ini.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: ...Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bakri telah membangkitkan nilai mengenai artikel yang disiarkan *National Geographic* pada bulan Januari tahun ini. Kementerian telah dimaklumkan oleh

pegawai yang berkenaan bahawa pegawai akan mengambil tindakan undang-undang untuk membersihkan namanya. Setakat ini tindakan ini adalah cukup memadai.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Ya.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Ya, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi tentang kelulusan dari kementerian, saya hendak tanya tentang satu projek *multi-million biotechnology center* yang akan *feature several animal testing laboratories*. Adakah projek ini dapat kelulusan daripada kementerian sebelum projek ini dapat dibina di Rumbia, Melaka?

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Seperti saya sebut tadi Tuan Yang di-Pertua, peranan kementerian dalam perkara ini adalah terhad kepada sama ada menyelidiki itu akan menggunakan binatang liar, ataupun hidupan liar yang terkawal dalam senarai-senarai ini. Kalau ia gunakan binatang-binatang lain, ia tidak termasuk dalam perkara ini.

■1530

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, panjang lagikah Yang Berhormat? Kita sudah satu jam setengah.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Okey, tidak banyak. Sedikit lagi. Yang Berhormat dari Kota Belud membangkitkan mengenai isu mewujudkan peraturan pertandingan burung di sesetengah kawasan.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, rang undang-undang ini mewujudkan peraturan selaras dengan fasal 132, di mana ianya boleh membuat satu peraturan mengawal selia dan kita menyambut baik cadangan dari Yang Berhormat Kota Belud.

Untuk anggota RELA, soalan anggota RELA yang disebut oleh Yang Berhormat dari Pendang dan Yang Berhormat Kota Belud, bertanya berkaitan harimau yang dibunuh kerana masuk dalam kawasan kampung, sama ada ia menjadi satu kesalahan. Ini adalah satu perkara kerana dalam fasal 52 memberi kuasa kepada pegawai dilantik untuk membunuh hidupan yang menjadi bahaya kepada nyawa manusia dengan serta-merta kepada nyawa manusia. Manakala fasal 52 pula membolehkan mana-mana orang membunuh hidupan liar yang membahayakan serta-merta kepada nyawa manusia.

Yang Berhormat dari Seremban bertanya beberapa perkara, fasal 5 mengenai penguat kuasa dan fasal 54. Fasal 5 diperuntukkan untuk memastikan kelancaran tugas, mengurangkan birokrasi selaras dengan peruntukan atau atas perwakilan kuasa ketua

pengarah. Fasal 54 juga penting mengelakkan salah guna peruntukan ini supaya tidak melakukan kesalahan melanggar peruntukan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat tadi telah pun menyebut dan menyoal termasuk Yang Berhormat Tawau dan Yang Berhormat Kepong ingin bertanya mengapa rang undang-undang ini tidak diguna pakai di Sabah dan Sarawak? Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, undang-undang persekutuan berkaitan dengan hidupan liar tidak digunakan di Sabah dan Sarawak kerana hidupan liar merupakan senarai bersama di bawah senarai tiga Perlembagaan Persekutuan.

Oleh yang demikian, kewujudan sesuatu rang undang-undang berkaitan dengan hidupan liar adalah bergantung kepada institusi Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri. Dalam kes Sabah dan Sarawak kedua-dua negeri ini telah menunjukkan inisiatif dan komitmen yang tinggi dan telah mewujudkan undang-undang mereka sendiri untuk dikuatkuasakan.

Negeri Sabah dan Sarawak mempunyai undang-undang negeri masing-masing. Bagi Sabah, *Wildlife Conservation Enactment*. Bagi Sarawak, *Sarawak Wildlife Protection Ordinance*. Maka, itulah sebabnya rang undang-undang ini adalah hanya untuk Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Bukankah tujuan undang-undang ini untuk mewujudkan 1Malaysia kerana kita membuat keputusan ini berlandaskan 1*constitution* 1Malaysia.

Saya juga terkejut apabila perkara ini disebut, disentuh oleh Ahli-ahli Parlimen dari pembangkang kerana beberapa negeri di Semenanjung ini juga mempunyai enakmen-enakmennya sendiri. Jadi, kita sangsi dan bertanya apakah sebab perkara ini disentuh dan ada kemungkinan ini adalah bukti bahawa perjuangan parti pembangkang, Ahli-ahli Parlimen adalah untuk merampas kuasa Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak. Kalau itu tujuan dia...

Seorang Ahli: Batu Api.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Batu api, ya. Tuan Yang di-Pertua, itulah beberapa perkara yang saya telah...

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Menteri, kalau dibenarkan Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Balik Pulau. Yang Berhormat Menteri, saya memohon Yang Berhormat Menteri menjelaskan lebih lanjut mengenai tohmahan tersebut, yang pembangkang mahu mengambil alih kuasa Sabah.

Ini kerana itu satu tohmahan yang saya rasa agak spesifik dan tepat seolah-olah Yang Berhormat Menteri mempunyai satu fakta yang amat jelas. Saya mohon penjelasan.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Okey. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari... Dari mana ini? *[Dewan riuh]*

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Dari Balik Pulau? Saya tidak menyebut pembangkang hendak merampas kuasa di Sabah, Sarawak.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Mengambil kuasa di sini. Itulah tujuan dia orang. *[Dewan riuh]*

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Tunggu jadi Menteri dahulu. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sudah lah Yang Berhormat. Yang Berhormat Putatan, duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Menteri, biarlah Menteri. Ini perkara kecil, Yang Berhormat Menteri boleh jawab.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Boleh jawab. Tuan Yang di-Pertua, saya bukan mengata, bukan menuduh pembangkang hendak merampas kuasa di Sabah dan Sarawak. Apa yang saya buat pendirian di sini adalah saya nampak ramai wakil-wakil Parlimen di sini mengatakan mengapa undang-undang ini adalah menunjukkan bahawa kita ada tiga Malaysia.

Mengapa ini tidak dipanjangkan kepada Sarawak. Malah, seorang wakil rakyat tadi menuduh bahawa kita tidak memanjangkan kepada Sarawak kerana kita takut ini akan mendedahkan apa yang berlaku di Sarawak. Ini adalah tuduhan yang cukup jahat sekali. Tuduhan yang tidak ada asas. *[Tepuk]*

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Boleh saya minta penjelasan lagi? Boleh?

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Duduk dahulu, saya belum selesai. Duduk dahulu ya. Jadi, saya tidak fikir Yang Berhormat-Yang Berhormat tidak tahu apa dalam Perlembagaan Malaysia.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Saya peguam perlembagaan. Beri saya cakap.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Bagi persepsi saya, apa yang dibuat oleh Yang Berhormat adalah untuk menunjukkan perjuangan Yang Berhormat adalah untuk merampas kuasa-kuasa ini. Kuasa-kuasa yang termaktub dalam Perlembagaan kepada Kerajaan Negeri Sarawak. Itu sahaja.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Boleh minta penjelasan lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Tidak payahlah, tidak payahlah Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Tidak payahlah Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Tuan Yang di-Pertua, sebab tuduhan Yang Berhormat Menteri itu berat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Tidak payahlah Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Kita di sini ramai peguam Perlembagaan. Kita bukan buta perut Perlembagaan. Kita pandai Perlembagaan. Kita cuba mempertahankan maruah Sabah dan Sarawak yang mana Menteri-menteri tidak pertahankan. *[Dewan riuh]*

Seorang Ahli: Betul.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Itulah saya hairan.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Ini Perlembagaan yang kita hendak bahas.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Kalau Yang Berhormat...

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Akan tetapi, tidak bolehlah hendak tuduh macam itu.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Kalau Yang Berhormat ...

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Kita boleh bahas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat...

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Tafsiran boleh ada macam-macam tetapi tidak bolehlah tafsiran yang niat jahat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, sudahlah Yang Berhormat. Yang Berhormat tidak payah...

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Tafsiran Yang Berhormat Menteri berniat jahat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, tidak apa Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: *The simple deduction of common sense*, niat jahat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, sudahlah Yang Berhormat. Yang Berhormat pun menggunakan perkataan yang keras juga.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Kita pilih *deduction* yang munasabah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, saya hormat...

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Tidak boleh *deduction* yang jahat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Salah itu Yang Berhormat, saya yang bercakap minta Yang Berhormat duduk.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Bukan Menteri.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Saya pun tahu ikut peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Apabila saya minta orang duduk, orang kena duduk.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Ya

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Itu masalahnya. Sila Yang Berhormat. Duduk Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Jawab elok-elok. Jangan buat niat jahat. Jawab elok-elok, jangan beri malu dekat budak-budak. [*Dewan riuh*]

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat Balik Pulau ini memang budak-budak. [*Tepuk*]

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Akan tetapi, kalau orang tua buat perangai buruk? Budak-budak tidak apa.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: *You* kena baca...

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Orang tua-tua yang buat perangai buruk. [*Dewan riuh*]

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat Balik Pulau mengatakan semua Ahli-ahli Yang Berhormat fasih pasal Perlembagaan. Kalau Yang Berhormat Yang Berhormat tahu Perlembagaan mengapa hendak buat tuduhan dekat sini?

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Siapa tuduh siapa?

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Tadi, Yang Berhormat tidak ada dalam Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sudahlah.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Tidak boleh jawab lagi.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Okey, saya akur dengan Tuan Yang di-Pertua. Jadi, dengan itu saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah memberi pandangan, sumbangan...

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Menteri, sebelum menggulung. Ada satu perkara dalam ucapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, ada lagi peluang Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Tidak ada peluang?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Pindaan Yang Berhormat. Ada pindaan lagi Yang Berhormat. Maknanya, banyak lagi peluang Yang Berhormat boleh bangkitkan perkara-perkara di bawah perundangan ini. Daripada seksyen satu hingga habis Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Tidak sampai setengah minit.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Okey, okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya akan berhentikan Yang Berhormat setengah minit ya.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, sila Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Soal yang tidak tersenarai, yang saya sentuh. Tajuk yang paling popular di negara kita itu cicak Tokek ini belum dijawab oleh pihak Menteri. Yang kian pupus, yang akan pupus.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat, 20 *second*.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Okey, sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Saya mohon maaf kepada Yang Berhormat. Mungkin jawapan hilang di sini. Senarai itu masuk dalam senarai ini. Ada dalam senarai. Saya akan beritahu PERHILITAN untuk tunjuk kepada Yang Berhormat nanti. Ada dalam senarai, masuk dalam senarai rang undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jadi, saya juga ingin mengingatkanlah. Kalau perkara-perkara yang ada hubung kait dengan undang-undang Malaysia ini, Perlembagaan Malaysia membahagikan kita tiga perkara undang-undang iaitu:-

- (i) undang-undang Persekutuan;
- (ii) undang-undang Negeri; dan
- (iii) undang-undang yang boleh dibuat bersama oleh pihak negeri dan persekutuan.

Di bawah Perlembagaan, apabila undang-undang berlaku sedemikian, undang-undang persekutuan akan, orang putih kata *prevail*. Jadi, saya mendengar ucapan Yang Berhormat-Yang Berhormat semalam, banyak menyentuh persoalan bagi tiga dan sebagainya ini. Akan tetapi, tidak ada pun bertanya kenapa undang-undang ini tidak dibawa ke Sarawak ataupun Sabah. Menteri sudah jawab soalan itu. Jadi, saya ingat Yang Berhormat tidak payah jadi satu kontroversi yang amat besar sangat.

Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan.

■1540

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Fasal-fasal dikemuka kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 3 –

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar] : Hendak bahas ya? Ya, tunggu sekejap ya.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Maaf, saya hendak bangkitkan berkenaan dengan *preamble* di bawah rang undang-undang ini iaitu adalah untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan dan pemuliharaan hidupan liar dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Dengan ringkasnya, saya hendak bertanya apakah hubungan rang undang-undang ini dengan konvensyen di mana kita adalah *conducting party* iaitu *Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora*. Itu perkara pertama.

Perkara kedua ialah di dalam mengadakan rang undang-undang untuk melindungi hidupan liar ini seperti dinyatakan di dalam *preamble*, apakah fungsinya atau kaitan fungsinya berkaitan dengan ekosistem yang merangkumi manusia? Ini sahajalah dua perkara. Terima kasih.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Seri Douglas Uggah Embas]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Mengenai perhubungannya dengan CITES, memang kebanyakan senarai yang kita masukkan dalam jadual-jadual ini adalah untuk membolehkan kita masuk sementara ke dalam CITES. Jadi banyak kaitannya Yang Berhormat. Memang beberapa isu berlandaskan kepada rang undang-undang CITES itu tadi.

Yang keduanya mengenai fungsi dengan ekosistem, saya telah banyak menjawab perkara ini tadi apabila kita menjawab mengenai isu pembangunan, konservasi, konflik di antara manusia dengan hidupan liar dan sebagainya. Jadi saya tidak memilih untuk mengulang kembali perkara-perkara itu kerana soalan Yang Berhormat ini cukup luas dan cukup besar sekali. Terima kasih.

Fasal-fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 4 – Pindaan:

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi, saya mencadangkan bahawa fasal 4(1) dipinda, dalam teks bahasa Malaysia, bahasa kebangsaan dengan memasukkan sebelum perkataan 'Penolong Pengarah' perkataan 'Timbalan Pengarah'. Saya mohon mencadangkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar sekarang ini terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbincangan]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar dalam kertas pindaan hendaklah dipersetujui.

Pindaan dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Fasal 4 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 5 hingga 28 –

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap tentang fasal 15 yang bertujuan untuk memberi pegawai pelesen kuasa untuk mengenakan syarat tambahan ataupun mengubah mana-mana syarat pada lesen, permit ataupun permit khas. Siapakah pegawai yang berhak melakukan kuasa ini? Bukankah semua syarat telah termaktub semasa proses permohonan lesen ataupun permit dan pegawai cuma berhak tidak membenarkan pembaharuan lesen setelah tamat tempohnya jika pemegang lesen telah didapati melanggar syarat-syarat yang termaktub? Kalau pegawai berkuasa sebegini, tentulah pemegang lesen tidak akan tidur lena lagi kerana perlu waswas atas air muka pegawai dan mendoakan supaya tidak dibatalkan lesen sertamerta ataupun dikenakan syarat tambahan. Ini bermakna pegawai tersebut memiliki kuasa yang terlalu besar untuk menentukan nasib pemegang lesen. Bagaimana bentuk kawalan boleh dikenakan ke atas pegawai yang telah menyalahgunakan kuasa atas dorongan emosi ataupun nafsu?

Begitu juga dengan fasal 23 yang memperuntukkan bahawa pegawai pelesen boleh menggantung atau membatalkan satu lesen, permit atau permit khas dalam hal keadaan tertentu. Apakah definisi keadaan tertentu yang boleh memuaskan hati semua pihak? Bukanlah pegawai pelesen yang merekabentuk keadaan tertentu. Satu definisi yang kabur akan menimbulkan kekeliruan nanti. Yang anehnya, fasal 25 pula menyatakan bahawa rayuan keputusan permohonan lesen cuma boleh ditujukan kepada menteri. Apakah kerja pegawai pelesen sebenar dan bukankah pengarah yang menguruskan sesuatu rayuan sebelum sampai kepada menteri? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat Bakri, mengenai seksyen 15 tadi, kita berpandangan bahawa kita perlu memberi kuasa ini kerana kadang-kadang misalnya kalau dalam satu musim, kita fikirkan yang memberi lesen memburu sehingga dua bulan tetapi kalau keadaan wujud di mana kita mendapati tidak sesuai untuk diadakan pemburuan dalam sepanjang dua bulan kerana ia akan menggugat spesies-spesies yang telah diluluskan, maka dalam keadaan itulah pegawai itu **membenarkan mengeluarkan lesen.**

Yang fasal 23 ini, saya harap – syarat-syaratnya jelas diketengahkan di sini. Saya minta rakyat memberi keyakinanlah kepada pegawai-pegawai kita untuk menjalankan tugas dengan baik. Jangan selalu pandang serong kepada mereka dan salah anggap serta sentiasa memikirkan mereka ini semua korup dan sebagainya. Kalau kita semuanya bersikap begini, segala pegawai yang menjalankan penguatkuasaan akan menghadapi masalah. Mengenai rayuan ini, kita mesti ada ruang, kerana sesiapa yang tidak berpuas hati, seperti Yang Berhormat dari Bakri ini selalu tidak berpuas hati, maka di sinilah ruang yang boleh mengadu dalam isu-isu ini. Terima kasih.

Fasal 5 hingga 28 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 29 – Pindaan:

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi, perenggan 29(2)(b) dipinda dalam teks bahasa kebangsaan dengan memotong perkataan 'atau kedua-duanya'. Saya mohon mencadangkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Masalahnya ialah pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan yang dibentang oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar sekarang terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar dalam kertas pindaan hendaklah dipersetujui.

Pindaan dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Fasal 29 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

**Fasal 30 hingga 68 –
3.50 ptg.**

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Fasal-fasal yang ingin saya bangkitkan ini adalah *concernnya* atau maklum balas atau kerisauan yang dibangkitkan oleh WWF Malaysia. Saya rasa saya harus juga memaklumkan pihak kementerian dan mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri kerana Fasal 33 yang memperuntukkan daftar. Ketua Pengarah menyimpan daftar lesen permit dan permit khas yang diberikan di bawah akta ini.

Saya rasa adalah baik untuk kementerian juga menjadikan daftar ini satu maklumat untuk orang awam. Saya rasa Yang Berhormat Kota Melaka sebelum ini ada bangkitkan. Bukan sahaja maklumat berkenaan siapakah pemegang lesen, permit atau permit khas tetapi tambahan kepadanya adalah senarai sempadan kelulusan yang diberi di bawah lesen tersebut dan juga peraturan-peraturan yang disertakan di dalam kelulusan lesen tersebut haruslah dinyatakan dalam daftar dan daftar ini menjadi satu maklumat orang umum. Mana-mana pihak individu yang ingin mengetahui mana-mana syarikat atau individu yang telah diberi kelulusan, mereka boleh membuat pemeriksaan atau memberi maklumat yang lebih daripada daftar ini di bawah bidang kuasa Ketua Pengarah ini.

Make it a public document dan ini juga membantu akauntabiliti dan ketelusan pihak kementerian. Kalau boleh juga tambah dengan rekod berapakah kes sedang dijalankan, kedudukannya, berapa orang telah didakwa, di jatuh hukum dan hukumannya. Kita boleh memantau perkembangannya, tindakan atau penguatkuasaan oleh pihak kementerian.

Saya ingin rujuk kepada Fasal 32. Ini salah satu keprihatinan pihak WWF juga. Fasal 32 memperuntukkan pegawai pelesen boleh memberikan lesen atau permit mengikut kuota yang ditetapkan. Akan tetapi di bawah fasal yang sama, Subseksyen 2 memperuntukkan menteri boleh menambah kuota yang ditetapkan. Mereka ingin tahu. WWF ingin tahu apakah garis panduan yang digunakan atau cara atau pendekatan yang diambil oleh kementerian untuk menentukan sama ada keperluan untuk menambah kuota pemberian lesen itu. Apakah pihak kementerian akan menggunakan cara-cara

saintifik yang tertentu? Akan tetapi dalam fasal ini, ia adalah *silent*. Senyap. Ia hanya memberi kuasa yang begitu luas kepada menteri untuk tambah kuota.

Saya juga ingin tahu setakat ini berapa lesen dikeluarkan? Kalau boleh Yang Berhormat ada maklumat itu dan bagaimanakah untuk menentukan kuota ini memadai atau terlebih atau ada keperluan untuk menambahnya. Itu perkara yang satu lagi.

Fasal 47 hingga 49 yang saya rasa berkaitan dengan Seksyen 68 di mana Seksyen 68 memperuntukkan bahawa ia adalah menjadi satu kesalahan memburu hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya tanpa permit khas. Namun ia telah mengecualikan binatang atau hidupan liar yang tidak matang atau hidupan liar betina di bawah Seksyen 68(1)(a). Mengapa membuat pengecualian sedemikian? Itu perkara satu.

Di bawah Seksyen 68, ia memperuntukkan mandatori, denda dan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun kalau ada pelanggaran di bawah Seksyen 68, memburu hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya tanpa permit khas. Akan tetapi di bawah Seksyen 72, kesalahan dengan menggunakan hidupan liar. Tadi memburu memperuntukkan penjara mandatori. Akan tetapi di bawah Seksyen 72, menggunakan hidupan liar, pihak WWF memohon agar Yang Berhormat Menteri boleh menjelaskan mengapa di bawah seksyen ini pula penjara adalah bukan mandatori sebab peruntukan adalah denda atau dipenjarakan. Mengapa memburu boleh dipenjarakan tetapi di bawah Seksyen 72, menggunakan adalah bukan mandatori atau dengan izin.

Saya ingin tanya berkenaan Fasal 126. Yang Berhormat Seremban ada membangkitkan di mana memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk mengkompaun kesalahan di bawah akta ini. WWF...

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi, memang ada Seksyen 26 (Pindaan) nanti. So, Yang Berhormat boleh bincang apabila masanya tiba.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ya. Sampai sesi *something only just now*. Ya, maaf. Kalau boleh saya balik kepada fasal berkenaan memungut sarang burung. Boleh Yang Berhormat menjelaskan lagi sebab dalam tafsirannya, pemungut sarang burung itu tidak menjelaskan jenis sarang burung. Yang Berhormat kata tadi saya kurang jelas di bawah bidang kuasa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Akan tetapi dalam definisi ini yang memerlukan lesen bagi mereka yang memungut sarang perlu menjual, dia perlu menjual kepada mereka yang mempunyai lesen. Saya pohon penjelasan di bawah Fasal 41 ini.

Salah satu lagi adalah berkenaan klasifikasi. Ada banyak fasal contohnya Fasal 47. Ini juga tanda tanya. Mengapa masih menyimpan klasifikasi rizab hidupan liar dan kawasan perlindungan liar? Mengapa masih ada klasifikasi atau perbezaan kedua-dua ini? Saya pohon penjelasan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, tunggu Yang Berhormat Menteri. Ada banyak yang berdiri.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Ada.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Ada.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Ledang.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Fasal 66.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ada, Yang Berhormat?

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Sedikit.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Ledang dulu?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Ledang.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Oh, Yang Berhormat Ledang dahulu.

3.57 ptg.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ini macam ucapan biasa, Yang Berhormat. Saya akan jemput Yang Berhormat bercakap.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Fasal 47 sebab ia melibatkan pihak berkuasa negeri. Di sini disebut perkataan '*boleh*'. Kalau pada tafsiran saya seolah-olah boleh menggunakan perkataan '*hendaklah*' sebab mungkin selama ini kita tidak ada masalah untuk bekerjasama dengan kerajaan-kerajaan negeri tetapi oleh kerana akhir-akhir ini ada beberapa negeri di bawah kuasa pembangkang, mungkin kita berhadapan dengan masalah sukar untuk melaksanakan rang undang-undang ini. Ini kerana ada satu ketikanya, ada satu keperluan mungkin di satu masa nanti Kerajaan Pusat perlu menentukan kawasan-kawasan tertentu bagi tujuan perlindungan hidupan liar sedangkan mungkin kerajaan negeri tidak bersetuju.

Jadi kalau ini keadaannya, bagaimana Tuan Pengerusi, ingin saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri dan akhirnya secara kebetulan ini hendak mengalukan juga kehadiran Ketua-Ketua Kampung Wilayah Persekutuan Labuan. *[Tepuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Titiwangsa.

3.58 ptg.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bercakap tentang Fasal...

Seorang Ahli: Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Ya, Tuan Pengerusi. Fasal 66 berkenaan dengan mengendalikan zoo dan sebagainya tanpa permit. Tadi mungkin saya tidak mendengar jawapan Yang Berhormat Menteri tadi sebab mungkin berada di luar. Jadi saya ingin bertanya sedikit sebab kalau ikut daripada sini, Fasal 66 dan 67 langsung tidak disentuh tentang – ini cuma tidak ada permit untuk mengendalikan zoo.

Maka ada atau tidak tindakan termasuk dalam pindaan ini. Akan tetapi bagaimana tentang binatang yang diberi ubat supaya boleh dipergunakan untuk ambil gambar dan sebagainya. Adakah bentuk penderaan seperti ini ada termasuk dalam pindaan sebab saya mencari tadi tidak ada langsung disebut tentang perkara yang tersebut. Jadi saya ingin bertanya tentang Fasal 66 dan 67 yang tidak ada menyebut tentang binatang yang didera atau penganiayaan kepada binatang termasuk diberi ubat. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Bakri.

3.59 ptg.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak berucap tentang Fasal 41 memperuntukkan bahawa pemungut sarang burung berlesen hendaklah menjual sarang burung yang dipungut olehnya kepada peniaga berlesen atau ahli taksidermi berlesen.

■1600

Yang saya ingin tanya ialah, siapakah peniaga berlesen atau ahli taksidermi berlesen yang dimaksudkan? Adakah mereka dilantik oleh Menteri ataupun jabatan yang diberi kuasa tunggal dalam bidang jual beli ini? Setahu saya, peniaga sarang burung ini memerlukan lesen bangunan dari majlis daerah dan sijil kebersihan sekeliling dari Jabatan Alam Sekitar, pegawai Jabatan PERHILITAN tidak pernah datang untuk

membuat tinjauan, memeriksa baka dan memerhatikan persekitaran dan sebagainya dalam bidang ini.

[Timbalan taun Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Pemungut sarang burung boleh menjual sarang burung kepada mana-mana pembeli mengikut harga pasaran semasa. Bukankah kuasa diberikan kepada peniaga berlesen ataupun taksidermi berlesen adalah tidak adil dan merupakan satu monopoli ataupun lintah darat. Saya hendak tanya Menteri satu soalan ialah mengapa sarang burung dieksport kena bayar cukai RM200 sekilo? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tumpat, lepas itu Menteri boleh jawab.

4.01 ptg.

Dato' Kamarudin Jaafar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada fasal 2 dan mungkin ada kaitan sebahagiannya dengan apa yang dipohon soalan oleh Yang Berhormat Ledang, yang mana disebut di sini dan kita bangkitkan dalam perbahasan umum tadi tentang terpakainya rang undang-undang ini apabila diluluskan nanti hanya kepada Semenanjung dan Wilayah Persekutuan Labuan sahaja. Semasa rehat tengah hari tadi saya sempat berbual dengan rakan-rakan daripada Sabah dan Sarawak.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, kena *confine* dua perkara 30 hingga 68.

Dato' Kamarudin Jaafar [Tumpat]: Oh, dah terlepas ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Dah terlepas Yang Berhormat, minta maaf.

Dato' Kamarudin Jaafar [Tumpat]: *Sorry* lah, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Batu Gajah telah pun menimbulkan beberapa perkara yang dikemukakan kepada kita, dikemukakan WWF kepada Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, seperti saya sebut apabila saya membentangkan rang undang-undang ini, kita telah

mengadakan beberapa siri konsultasi dengan beberapa pihak hingga kepada saat-saat akhir.

Oleh yang demikian, maka perkara yang disebut oleh Yang Berhormat ini, perkara 1 hingga 4 iaitu melibatkan seksyen 68, 69, 70, 72 telah pun diambil kira dan beberapa pindaan kita akan buat pada petang ini sebagai keputusan kementerian untuk menerima cadangan WWF kerana kita fikir apa yang dicadangkan oleh mereka adalah satu cadangan yang munasabah, yang harus ditimbang dan kita menerimanya kerana semangat kita adalah untuk menentukan bahawa rang undang-undang ini adalah satu rang undang-undang yang boleh diterima oleh semua pihak.

Maka perkara 1, kita telah pun bersetuju dengan WWF untuk menimbang, mendedahkan data-data ini kepada orang awam. Cuma bentuknya nanti kita akan sesuaikan dengan undang-undang kerajaan.

Kedua mengenai kuota yang ditetapkan, WWF pun bimbang, takut Menteri gunakan peribadi dia. Macam saya bukan saintis jadi cara saya meluluskan tidak memberi pertimbangan kepada isu-isu konservasi dan sebagainya. Akan tetapi untuk makluman Yang Berhormat, sebelum saya membuat keputusan malah sekarang, saya sebagai Menteri meluluskan sesuatu permit, kita ada satu jawatankuasa yang dipengerusikan saya sendiri, terdiri daripada KSU, TKSU, pegawai perundangan kementerian termasuk pakar-pakar dari Jabatan PERHILITAN. Dengan cara itulah kita menentukan bahawa keputusan yang akan kita buat adalah satu keputusan yang boleh diterima oleh mana-mana pihak.

Mengenai 68 dan 69, seperti saya sebut tadi kita akan mengadakan pindaan. Mengenai 72, ini juga kita akan ada pindaan untuk mengubahsuai seperti mana yang dicadangkan. Mengenai sarang burung, perkara ini saya fikir jelas bahawa pungutan sarang burung ini adalah sarang burung di hutan, di gua, ini memerlukan lesen kerana dengan cara ada lesen, kita dapat mengawal kerana ini adalah isu konservasi kerana harga sarang burung walit ini adalah tinggi. Jadi kalau tidak dikawal nanti kita akan menghadapi masalah dari segi cara dan sebagainya dan ia akan pupus. Seperti saya sebut awal tadi, rang undang-undang ini tidak mengawal penternakan ataupun industri burung walit di bandar-bandar. Itu adalah di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan sebagainya.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat kerana menerima cadangan WWF, itu petanda yang baik. Akan tetapi kerisauan yang saya bangkitkan adalah di bawah rang undang-undang ini, definisinya,

pemungut sarang burung tiada penerangan. Sarang burung dari hutankah atau ia seolah-olah merangkumi semua sarang burung. Jadi kurang terang dalam aspek itu, sebab itu saya bangkitkan. Jadi mungkin aspek ini Yang Berhormat boleh meneliti semula definisi pemungut sarang burung ini. Terima kasih.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Ledang bercakap mengenai seksyen 47. Ini juga hasil daripada konsultasi di antara negeri-negeri dan juga kementerian. Maka inilah yang kita pakai sekarang dan kita harap semua kerajaan negeri tidak pilih sama ada Barisan ataupun bukan Barisan, sama-sama komited untuk menyelesaikan masalah, membantu kerajaan menyelesaikan masalah ini.

Yang Berhormat dari Titiwangsa menyentuh mengenai seksyen 66, zoo. Untuk makluman Dewan ini, sehingga kini zoo tidak perlu mendapat lesen. Bagaimana zoo itu diurus pun kita tidak ada panduan apa-apa. Apa yang berlaku sekarang, kita hanya dapat memberi lesen untuk sama ada apabila ia hendak memelihara binatang-binatang hidupan liar yang terkawal dan terkawal sepenuhnya.

Maka dengan ada pindaan ini, apabila undang-undang ini telah diguna pakai nanti, maka zoo perlu mendapat lesen. Dalam lesen inilah kita akan ada peraturan-peraturan bagaimana hendak menentukan bahawa binatang-binatang tidak dianiaya dan disalah guna termasuk juga tidak diberi dadah seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, saya hendak sambung sedikit tentang pembiakan burung layang-layang atau penternak burung layang-layang. Dikatakan perlu permit dari Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Saya difahamkan bahawa beberapa kementerian atau beberapa jabatan akan terlibat.

Mengenai cadangan-cadangan dari Yang Berhormat-Yang Berhormat semasa perbahasan, iaitu perlukah kita ada satu suruhanjaya khasnya untuk mengawal tentang industri pembiakan burung layang-layang ini, sebab ini memang satu industri yang dengan modal yang besar tetapi juga telah membawa banyak kesan kepada kesedaran terutama tentang pencemaran udara dan juga bunyi, kerana mereka perlu letakkan satu alat untuk memberikan bunyi-bunyi kepada burung supaya dapat *chat* burung dari luar.

Sebab itu sudah jadi satu masalah, sebab itu 24 jam, *24 hours* dan kadang-kadang bunyinya membawa kesan buruk kepada kawasan kediaman. Adakah cadangan dari Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu satu suruhanjaya perlu diwujudkan supaya

dapat kawal dan dapat tentukan satu kementerian yang akan menjaga tentang permit ini. Terima kasih.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang sedar bahawa industri burung walit ini ialah satu industri yang berpotensi besar dan juga sekarang telah berkembang dan tumbuh macam cendawan di bandar-bandar. Oleh yang demikian, maka kerajaan telah membuat keputusan bahawa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan menguruskan perkara ini dan mungkin Menteri akan membuat pengumuman pada masa tertentu mengenai bagaimana sistem pengurusan burung walit ini akan dijalankan.

■1610

Akan tetapi saya ingin memberi jaminan di sini bahawa ia tidak akan menambahkan birokrasi dan sebagainya, tetapi dalam masa yang sama akan menentukan masalah kesihatan, masalah *air pollution* dan sebagainya akan diaddressedkan. *Thank you.*

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta tambahan Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan lagi, Yang Berhormat?

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan lagi?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya ingin menambahkan satu fasal sahaja, untuk penjelasan sahaja. Saya agak keliru tadi, fasal yang dibuka tadi untuk dibahaskan. Saya ingin bangkit mengenai fasal 54 - seksyen 54 sebenarnya.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, fasal 54 sudah lepas Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *It is still now clause 60 something right?*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: *Sorry, clause 30 to clause 60 - yes.*

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Maaf ya. seksyen 54 - menangkap atau membunuh kehidupan liar untuk melindungi tanaman.

Ini memperuntukkan kononnya, penduduk tanah atau pegawai boleh menangkap dan membunuh hidupan liar selepas terlebih dahulu menggunakan usaha yang munasabah untuk menakutkan hidupan liar itu supaya ia lari dan gagal untuk berbuat demikian.

Di bawah seksyen 54 ini, saya sangat risau...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat berucap tadi masukkan dalam sekali. Sekarang Yang Berhormat, dua kali Yang Berhormat berucap tahu?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tadi saya bangkitkan ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sepatutnya masukkan semua.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Sebab saya ada kekeliruan berkenaan ini.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Biar saya jelaskan, Yang Berhormat...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskan.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: ...Saya faham apa Yang Berhormat maksudkan.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Boleh benarkan saya habiskan?

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi tidak benarkan tadi. Saya minta Yang Berhormat duduk. Akan tetapi, saya faham apa Yang Berhormat maksudkan. Ini kerana saya pun telah berbincang dengan pegawai tadi dan sebelum kita menyediakan rang undang-undang ini. Akan tetapi dalam kita menyediakan satu rang undang-undang, ia tidak dapat terlalu terperinci kerana kalau kita hendak memperincikan setiap isu, jadi rang undang-undang ini akan cukup tebal.

Walau bagaimanapun, kita akan mengadakan kaedah di mana kita akan menentukan bahawa perkara ini tidak disalahgunakan. Kita juga menentukan bahawa perkara ini tidak salah digunakan dan juga kita menentukan bahawa keadaan, misalnya kalau kita nampak harimau di sekeliling kampung, adalah mustahil untuk kita memerlukan orang kampung untuk tidak mengambil tindakan. Kalau kita cuba hendak minta ataupun membuat tindakan supaya ia dapat lari, ini mungkin tidak tercapai.

Jadi pelbagai keadaan boleh berlaku. Akan tetapi kalau sesuatu binatang liar itu lari jauh dari habitat ia sehingga ceroboh ke kampung, ceroboh kebun, dan dalam masa keadaan sedemikian mungkin susah kita mengelak petani atau sesiapa untuk mengambil tindakan.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya bangkitkan sebab mungkin pemunya atau pemilik tanah itu mengambil cara yang tidak sewajarnya dan menjadi satu provokasi atau kecederaan kepada haiwan liar itu, yang boleh dituduh di bawah seksyen 55. Jadi mungkin adalah lebih baik kalau memperuntukkan apabila ada hidupan liar menceroboh atau mengganggu mereka, perkara awal adalah menghubungi dan melaporkan kejadian agar pegawai Jabatan PERHILITAN boleh datang untuk mengambil tindakan.

Yang saya risau adalah penduduk tidak tahu cara yang sewajarnya untuk menangani atau menghalau kehidupan liar tersebut sebaliknya menjadi satu provokasi kepada hidupan liar tersebut. Apabila mereka membunuhnya, pihak kementerian boleh mendakwa dan mengatakan mereka telah memprovokasi hidupan liar itu. Itu kerisauan saya dan sebab itu saya bangkitkan untuk minta penjelasan.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Setuju dengan Yang Berhormat. Saya ambil maklum apa yang diperjelaskan oleh Yang Berhormat tadi.

Yang Berhormat Bakri, siapa yang berlesen... Untuk makluman Yang Berhormat, fasal 41 ini akan melibatkan spesies burung-burung yang dilindungi rang undang-undang ini. Sarang burung hanya boleh dijual kepada peniaga berlesen atau ahli taksidermi berlesen. Ini adalah untuk memastikan aktiviti-aktiviti ini boleh dikawal. Tuan Pengerusi, itu sahaja penjelasan saya.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Yang Berhormat Menteri, satu soalan pendek.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Tiada lagi, sudah lepas.

Fasal-fasal 30 hingga 68 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 69 dan 70 – Pindaan:

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi, fasal 69 dipinda dan digantikan dengan subfasal 69(1) dan subfasal 69(2). Manakala fasal 70 diganti dengan subfasal 70(1) dan subfasal 70(2).

Pindaan-pindaan bertujuan untuk mengenakan hukuman yang lebih berat bagi kesalahan yang melibatkan spesies hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya, yang tidak matang dan hidupan liar betina yang disebut dalam perenggan 68(2)(c). Ini adalah untuk memenuhi cadangan dari WWF yang diterima kementerian, kerana kita fikir ini satu cadangan yang baik. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk di bahas.

[Tiada perbahasan]

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti mana yang dicadangkan sebagaimana yang dinyatakan dalam kertas pindaan hendaklah dipersetujukan.

Pindaan dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal-fasal 69 dan 70 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 71 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 72 – Pindaan:

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi, fasal 72 saya ingin memindanya dengan memasukkan subfasal 72(2) dan subfasal 72(3) baru. Pindaan ini bertujuan untuk mengenakan hukuman yang lebih berat bagi kesalahan spesies hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya yang disebut dalam perenggan 68(2)(b) dan perenggan 68(2)(c). Spesies-spesies di bawah perenggan 68(2)(b) dan perenggan 68(2)(c) adalah spesies-spesies yang amat terancam. Ini juga kita membuat pindaan lepas perbincangan dengan WWF. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk di bahas.

[Tiada perbahasan]

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti mana yang dicadangkan sebagaimana yang dinyatakan dalam kertas pindaan hendaklah dipersetujukan.

Pindaan dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 72 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang

Fasal-fasal 73 hingga 99 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 100 – Pindaan:

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi, subfasal 100(2) dipinda dalam teks bahasa kebangsaan dengan menggantikan dengan angka 100 dan 100(1). Saya mohon mencadangkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk di bahas.

[Tiada perbahasan]

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti mana yang dicadangkan sebagaimana yang dinyatakan dalam kertas pindaan hendaklah dipersetujukan.

Pindaan dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 100 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang

Fasal-fasal 101 hingga 125 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

■ **1620**

Fasal 126 – Pindaan:

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat.

Dato' Seri Douglas Unggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, fasal 126 dipinda dengan memasukkan subfasal (2) baru. Pindaan ini bertujuan untuk tidak membenarkan kompaun bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah perenggan 68(2)(b) dan (c) subseksyen 69(2), 70(2), 72(2) dan 72(3). Ini adalah kerana kesalahan-kesalahan tersebut melibatkan spesies yang amat terancam. Keputusan ini juga dibuat selepas perbincangan dengan beberapa pihak termasuk WWF. Saya mohon mencadangkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Masalahnya bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar sekarang ini terbuka untuk dibahaskan.

Ya sila Yang Berhormat Batu Gajah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, satu persoalan. Saya rasa WWF telah memberi maklum balas yang begitu baik yang pihak kementerian telah mengambalnya dan mengadakan pindaan-pindaan yang telah disebutkan oleh pihak kementerian.

Apakah pihak kementerian tidak menjalankan konsultasi dengan mereka terlebih dahulu di dalam mendraf rang undang-undang ini atau sebelum rang undang-undang ini dibincangkan dalam Dewan ini untuk bacaan pertama. Jika tindakan ini ada diambil, saya rasa pindaan-pindaan tersebut tidak perlu diadakan buat masa ini. Walau bagaimana pun saya menyambut baik kerelaan pihak kementerian untuk membuat pindaan dengan mendengar pandangan WWF.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Douglas Unggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah. Memang pembangkang mesti mencari salah. Sudah kita buat dan itu pun tidak betul. Saya fikir Yang Berhormat Batu Gajah patut berterima kasih. Memang konsultasi kita, kita memang telah berbincang.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Menteri, saya ada kata menyambut baik.

Dato' Seri Douglas Unggah Embas: Okey terima kasih.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya hanya tanya mengapa tidak buat konsultasi lebih awal. Itu sahaja. Saya puji Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Douglas Unggah Embas: *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri pun puji Yang Berhormat. Dia kata itu peranan Yang Berhormat.

Dato' Seri Douglas Unggah Embas: Saya harap penyokong Yang Berhormat akan sokong saya. Memang kita mengadakan konsultasi, rakan saya mantan menteri mungkin juga dapat memberitahu bahawa konsultasi telah pun bermula semasa beliau memegang jawatan ini. Lama telah ada konsultasi tetapi kita semua manusia. Kadang-kadang ada beberapa isu terlupa pandang dan sebagainya tetapi inilah sikap kerajaan Barisan Nasional. Kita terbuka, kita bersedia dengan pandangan-pandangan yang baik, pandangan yang bernas, pandangan yang konstruktif, bukan pandangan yang merosakkan negara. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar dalam kertas pindaan hendaklah disetujukan.

Pindaan dikemukakan dan diputuskan; dan disetujukan.

Fasal 126 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 127 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 128 –Pindaan:

Dato' Seri Douglas Unggah Embas: Tuan Pengerusi, ini juga satu pindaan yang perlu kita jalankan. Pindaan fasal 128(a) dan diganti dengan yang baru bertujuan untuk memperjelaskan peruntukan mengenai perlindungan daripada tindakan guaman dan prosiding undang-undang. Saya mohon mencadangkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti mana yang dicadangkan sebagaimana yang dinyatakan dalam kertas pindaan hendaklah disetujui.

Pindaan dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Fasal 128 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal-fasal 129 hingga 136 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Jadual diperintah jadi sebahagian daripada rang undang-undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SEWA BELI (PINDAAN) 2010

Bacaan Kali yang Kedua dan Ketiga.

4.27 ptg.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengawal selia aktiviti berhubung transaksi sewa beli dipinda dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dan bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua serta Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya meneruskan pembentangan izinkan saya memaklumkan bahawa terdapat pindaan kepada peruntukan pindaan seksyen 16 yang asal. Pindaan yang dimaksudkan ialah untuk menggantikan syarat baru 1/3 yang

dikenakan ke atas pemunya berhubungan dengan pemilikan semula di bawah Akta Sewa Beli 1997 kepada 75% sebab pindaan ke atas pindaan ini dibuat akan saya terangkan seterusnya di dalam ucapan saya dan juga di peringkat Jawatankuasa.

Pinjaman sewa beli adalah merupakan salah satu kaedah yang paling lazim digunakan oleh pengguna untuk memiliki aset bukan hanya kenderaan malah juga terhadap pelbagai barangan pengguna yang lain. Walau bagaimanapun, pembelian kenderaan penumpang adalah merupakan jenis aset yang paling lazim dibeli menggunakan perjanjian sewa beli.

Berdasarkan kepada laporan perkembangan *monetary* dan kewangan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia pada tahun 2009 jelas menunjukkan bahawa pinjaman yang dikeluarkan oleh institusi kewangan bagi maksud pembelian kenderaan penumpang telah mencecah RM11 bilion untuk tempoh di antara Januari hingga April 2010. Secara amnya ia bermakna pinjaman kereta penumpang telah menyumbang sebanyak 5.2% daripada keseluruhan pinjaman yang dikeluarkan iaitu sebanyak RM57.5 bilion untuk tempoh yang sama oleh institusi kewangan.

Akta Sewa Beli 1967 telah mengalami beberapa perubahan mengikut peredaran masa dengan mengambil kira perubahan dalam pasaran. Pindaan telah dilakukan pada tahun 2004 namun masih terdapat banyak lagi kekurangan di dalam akta yang membuka ruang kepada golongan yang tidak bertanggungjawab mengeksploitasi keadaan tersebut. Ini dibuktikan dengan jumlah peningkatan aduan berhubung isu perjanjian sewa beli yang diterima oleh kementerian yang telah menunjukkan peningkatan di mana sebanyak 190 dicatatkan pada tahun 2007, 261 aduan kes pada tahun 2008 dan sebanyak 312 aduan kes pada tahun 2009.

■1630

Kes-kes yang dilaporkan pula kebanyakannya adalah melibatkan kes salah laku sewaktu proses pengambilan semula, dengan izin, *repossession* oleh pemunya terhadap penyewa.

Tuan Yang di-Pertua, serta Ahli Yang Berhormat, mengambil kira perkara tersebut, kementerian telah mengambil tindakan dengan mengkaji semula peruntukan sedia ada terutama yang berkaitan dengan proses pengambilan semula barangan di dalam akta ini. Ini adalah supaya syarat-syarat sedia ada diperketatkan lagi sebelum proses tersebut bermula dan pada masa yang sama memberi lebih banyak perlindungan kepada pengguna. Kementerian juga telah meneliti dan menjalankan kajian terhadap perundangan sewa beli yang diamalkan di negara-negara lain, terutamanya yang

melibatkan kaedah pengambilan semula untuk diperhalusi dan dipadankan dengan persekitaran dalam negara.

Hasil yang didapati, negara-negara seperti United Kingdom, Australia dan India mempunyai perundangan yang khusus dan lengkap berhubung tatacara atau kaedah pengambilan semula barangan yang mengguna pakai saluran mahkamah sebagai medium pelaksanaan proses tersebut. Sebagai contoh, di dalam Akta Sewa Beli 1964, United Kingdom jelas menyatakan bahawa kaedah pengambilan semula barangan oleh pemunya, boleh dilaksanakan oleh pemunya apabila penyewa didapati gagal untuk melunaskan bayaran yang telah ditetapkan setelah segala notis berhubung perkara tersebut, berserta niat pengambilan semula telah diserahkan kepada pihak penyewa dalam tempoh yang telah ditetapkan. Selain daripada itu, akta tersebut juga turut merangkumi tatacara pengambilan semula milikan ke atas penyewa yang telah meninggal dunia setelah syarat-syarat dipatuhi sepenuhnya oleh pemunya.

Manakala di bawah Akta Sewa Beli 1959, Australia, meletakkan syarat proses pengambilan semula oleh pihak pemunya hanya boleh dilaksanakan setelah ianya mendapat persetujuan daripada pesuruhjaya. Jika dalam keadaan tertentu, pesuruhjaya enggan memberikan kebenaran, maka pihak pemunya boleh mengemukakan rayuan kepada Tribunal Pentadbiran Wilayah bagi mendapatkan kebenaran untuk mengambil semula barangan daripada milikan penyewa.

Di dalam perundangan Akta Sewa Beli 1972 di India, proses pengambilan semula hanya boleh diadakan setelah mendapat perintah mahkamah, berdasarkan kepada syarat-syarat tertentu yang perlu dipenuhi seperti nisbah jumlah bayaran yang telah diselesaikan oleh penyewa, berdasarkan nilai barangan yang dinyatakan di bawah akta berkenaan.

Namun begitu, sekiranya pihak pemunya gagal mematuhi mana-mana peruntukan atau syarat yang telah ditetapkan, maka pihak penyewa berhak untuk dilepaskan daripada tuntutan tersebut dan berhak menuntut kembali semua bayaran yang telah dibayar sebelum itu daripada pihak pemunya.

Berdasarkan kepada kajian dan perbandingan yang telah dijalankan ke atas perundangan negara-negara tersebut, kementerian berpandangan adalah wajar suatu dasar baru diperkenalkan di dalam perundangan sewa beli sedia ada supaya ia lebih kukuh dan tersusun, di samping memberikan lebih banyak perlindungan kepada pengguna dan pada masa yang sama, masih mengambil kira kepentingan pihak-pihak lain yang terlibat di dalam industri sewa beli di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat sekalian, kerajaan telah bersetuju agar Akta Sewa Beli 1967 dipinda bagi memperkukuhkan serta memperkemaskan lagi perundangan sedia ada bagi mengatasi kelemahan-kelemahan yang wujud agar ianya selari dengan perkembangan semasa.

Antara pindaan-pindaan yang dicadangkan ialah pindaan ke atas peruntukan seksyen 16, Akta Sewa Beli 1967 yang berkait rapat dengan pengawalseliaan aktiviti berkaitan proses pengambilan semula barangan. Kementerian telah memfokuskan kepada cadangan hala tuju dasar baru yang diperkenalkan di dalam akta sedia ada kepada tiga perkara utama iaitu:

- (i) perubahan kepada prosedur pengambilan semula barangan dengan melalui perintah mahkamah dengan syarat-syarat tertentu.
- (ii) pengenalan mekanisme kawalan menerusi pemberian permit untuk aktiviti pengambilan semula dan;
- (iii) mengukuhkan perundangan sedia ada bagi memberikan lebih perlindungan kepada pengguna.

Di dalam peruntukan perundangan sedia ada iaitu di bawah seksyen 16, Akta Sewa Beli 1967, menjelaskan bahawa pengambilan semula barangan oleh pihak pemunya boleh dilaksanakan apabila penyewa gagal menjelaskan bayaran ansuran sebanyak dua kali dan notis bertulis telah pun diserahkan kepada pihak penyewa. Proses pengambilan semula hanya boleh diteruskan apabila tempoh yang diberikan di dalam notis tersebut tamat, iaitu tempohnya tidak kurang daripada 21 hari selepas notis diserahkan kepada penyewa. Walau bagaimanapun, punca kelemahan perundangan sedia ada adalah kerana ianya tidak menggariskan secara jelas untuk proses pengambilan semula dilakukan, iaitu sama ada sewaktu kegagalan dua kali bayaran ansuran berlaku di peringkat awal pembayaran, pertengahan ataupun pada penghujung tempoh ansuran.

Ini secara tidak langsung telah menafikan hak penyewa yang ada kalanya terpaksa menanggung kos berlipat ganda untuk memperoleh semula barangan semasa proses pengambilan semula dilaksanakan oleh pihak pemunya. Selaras dengan itu, maka rang undang-undang ini mencadangkan agar prosedur pengambilan semula barangan iaitu *repossession*, ditetapkan berdasarkan kepada syarat-syarat seperti berikut:

- (i) tanpa perintah mahkamah – pemunya boleh melaksanakan pengambilan semula barangan jika penyewa membayar kurang daripada 75% daripada jumlah keseluruhan harga tunai. Barangan tersebut yang dinyatakan di dalam perjanjian sewa beli berdasarkan justifikasi agar pihak pemunya boleh mendapatkan semula amaun prinsipal dan boleh menjual semula barangan yang dirampas pada harga pasaran.
- (ii) dengan perintah mahkamah – pemunya hanya boleh melaksanakan proses pengambilan semula melalui perintah mahkamah jika penyewa telah membayar lebih daripada 75% daripada jumlah keseluruhan harga tunai, barangan tersebut yang dinyatakan di dalam perjanjian sewa beli berdasarkan justifikasi bahawa kedua-dua pihak turut mempunyai kepentingan untuk mendapatkan balik apa-apa bayaran jika kenderaan yang diambil dijual atau dilelong pada harga pasaran.

Pada masa ini, proses pengambilan semula barangan banyak dilakukan oleh pihak ketiga yang dilantik oleh pihak pemunya. Justeru timbul pelbagai masalah apabila proses pengambilan semula tersebut dilakukan tanpa prosedur yang seragam dan yang lebih menyedihkan, dilakukan menerusi kekerasan. Agak dukacitakan juga, tiada peruntukan atau peraturan khusus bagi mengawal selia aktiviti ini pada masa ini. Selaras dengan itu, rang undang-undang ini turut mencadangkan agar perundangan subsidiari diadakan berhubung tatacara yang sesuai untuk proses pengambilan semula dilakukan dan mewajibkan bagi mereka yang menjalankan aktiviti pengambilan semula ini dikawal menerusi pengeluaran permit oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

Berdasarkan kepada perundangan yang sedia ada, perlindungan kepada pengguna didapati tidak menyeluruh dan manfaat yang diterima oleh pengguna adalah minimum.

■ 1640

Selain daripada itu perundangan sedia ada juga tidak menggariskan dengan jelas hak-hak yang boleh dinikmati pengguna sekiranya kekhilafan tersebut datangnya daripada pihak pemunya sendiri. Justeru, rang undang-undang ini mencadangkan beberapa pindaan bagi memberikan lebih banyak perlindungan kepada pengguna berbanding peruntukkan sedia ada. Antara bentuk pindaan yang dilihat akan memberikan perlindungan yang lebih kepada pengguna adalah seperti berikut:

- (i) Memperuntukkan obligasi kepada pemunya untuk melengkapkan dokumen perjanjian sewa beli sebelum ianya diserahkan kepada bakal penyewa;
- (ii) mewajibkan pengisytiharan secara bertulis perihal sebenar kenderaan-kenderaan terpakai yang ingin memasuki perjanjian sewa beli;
- (iii) memberikan hak kepada penyewa untuk menyimpan kad pendaftaran kenderaan bermotor ataupun geran kenderaan selaras dengan peraturan 8(3) Kaedah-kaedah Kenderaan Bermotor (Pendaftaran dan Pelesenan) 1959;
- (iv) mengawal selia pengambilan bayaran tempahan dengan menjadikan ianya sebahagian daripada bayaran deposit.

Objektif pindaan rang undang-undang ini adalah bagi memperkukuhkan serta memperkemaskan perundangan sedia ada di samping memberikan perlindungan yang sewajarnya kepada pengguna yang terlibat secara langsung di bawah perjanjian sewa beli di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua serta Ahli-ahli Yang Berhormat, izinkan saya seterusnya memaklumkan beberapa ciri utama pindaan rang undang-undang ini.

Fasal 5 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 4E, 4F dan 4G yang bertujuan untuk membenarkan penyewa menyimpan perakuan pendaftaran kenderaan, melarang perjanjian sewa beli dibuat bagi kenderaan yang telah diubahsuai dan perisytiharan dibuat mengenai apa-apa kerosakan kepada kenderaan terpakai jika ia mengguna pakai perjanjian sewa beli.

Fasal 7 bertujuan untuk meminda seksyen 16 akta untuk mengenakan syarat baru iaitu keperluan merujuk kepada mahkamah ke atas pemunya berhubung dengan pemilikan semula di bawah akta ini. Izinkan saya menjelaskan bahawa seksyen 16 yang asal mensyaratkan satu pertiga dikenakan ke atas pemunya berhubung dengan pemilikan semula di bawah Akta Sewa Beli 1997.

Walau bagaimanapun kerajaan telah memutuskan supaya pindaan dilakukan ke atas *threshold* tersebut dan menggantikan syarat baru daripada satu pertiga yang dikenakan ke atas pemunya berhubung dengan pemilikan semula di bawah Akta Sewa Beli 1997 yang sebelum ini kepada 75%. Pindaan ini perlu dibuat setelah penelitian dan kajian semula diadakan.

Antara keperluan *threshold* ini dipinda adalah bagi mengelakkan pertambahan bebanan kes dengan izin *backlog cases* di mahkamah sekiranya *threshold* dahulu dikekalkan. Ianya juga selari dengan peratus jumlah kes kegagalan pembayaran di bawah *threshold* terdahulu yang kecil dan dengan itu dengan wajar *threshold* tersebut di naikkan. Selain daripada itu perubahan *threshold* ini juga dilihat akan membantu rakyat bagi mendapatkan pinjaman kenderaan daripada industri perbankan dengan lebih mudah memandangkan syarat terkini lebih munasabah dan praktikal. Sekiranya *threshold* dahulu dikekalkan maka adalah dikhuatiri pihak industri perbankan terpaksa mengetatkan syarat bagi meluluskan pinjaman kenderaan pada orang ramai. Ini akan menjejaskan hasrat orang ramai memiliki kenderaan mereka sendiri memandangkan kereta kini dianggap sebagai barang keperluan dan bukan lagi barang mewah. Ianya juga selaras dengan hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa semua rakyat harus diberi peluang untuk mendapatkan pinjaman dengan izin *financial inclusiveness for all*.

Fasal 8 bertujuan memasukkan seksyen baru 17A dan 17B dan masing-masing untuk mengehendaki mana-mana orang yang terlibat dalam aktiviti pemilikan semula untuk mendapatkan permit daripada pengawal dan untuk mengehendaki pemunya untuk melantik hanya pemegang permit di bawah seksyen 17A untuk melakukan pemilikan semula.

Fasal 9 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 30A untuk mengawal selia *fee* tempahan.

Fasal 10 bertujuan memasukkan seksyen baru (1a) dan (1B) ke dalam seksyen 31 untuk mengehendaki supaya deposit dikutip apabila perjanjian sewa beli ditandatangani dan untuk memperuntukkan *remedy* kepada penyewa sekiranya pemunya, peniaga, ejen atau orang yang bertindak bagi pihak pemunya tidak menyerahkan barang yang diniatkan di dalam perjanjian sewa beli itu.

Fasal 11 dan 12 masing-masing bertujuan untuk meminda seksyen 36 dan seksyen 38 untuk memperuntukkan peningkatan di dalam penalti sedia ada bagi kesalahan khusus yang dinyatakan di bawah seksyen 36 dan seksyen 38. Di mana bagi kesalahan yang dinyatakan di bawah seksyen 36, penyertaan atau representasi palsu penalti ditingkatkan daripada tidak melebihi RM3,000 kepada tidak melebihi RM10,000 dan penjara daripada tidak melebihi enam bulan kepada tidak melebihi 12 bulan.

Bagi kesalahan di bawah seksyen 38, pelupusan barangan atau penjualan palsu oleh penyewa ataupun dengan izin *fraudulent sale or disposal of goods by hirer*. Penalti ditingkatkan daripada tidak melebihi RM10,000 kepada tidak melebihi RM30,000.

Fasal 14 bertujuan untuk meminda seksyen 46 untuk mewujudkan penalti am bagi kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan, perbadanan dan meningkatkan penalti am daripada denda tidak melebihi RM3,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali kepada denda tidak melebihi RM100,000 bagi pertubuhan atau perbadanan dan denda tidak melebihi RM25,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali bagi orang perseorangan.

Fasal 17 bertujuan meminda seksyen 51 untuk menaikkan penalti bagi kesalahan menghalang pegawai mendapatkan maklumat daripada denda tidak melebihi RM2,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali kepada denda tidak melebihi RM30,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali. Fasal 26 bertujuan untuk meminda seksyen 57 untuk memberi Menteri kuasa membuat peraturan-peraturan berhubung dengan pengeluaran permit berkenaan dengan aktiviti pemilikan semula dan menyatakan penalti yang ditetapkan bagi pelanggaran peraturan-peraturan yang dibuat iaitu denda tidak melebihi RM30,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Tuan Yang di-Pertua serta Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam fasal 7 dan fasal 8 pindaan rang undang-undang ini akan meliputi syarat tambahan yang perlu dipatuhi oleh pihak pemunya yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan aktiviti pengambilan semula daripada pihak penyewa. Dengan cara itu isu dan kes berhubung salah laku yang dilakukan oleh pihak pemunya atau ejen yang bertindak bagi pihak pemunya akan berkurangan kerana sebarang ketidakpatuhan boleh disabitkan di bawah akta ini.

Selain daripada itu kaedah pemberian permit juga akan diperkenalkan bagi mengawal selia aktiviti pengambilan semula oleh penarik kenderaan agar kaedah yang dijalankan dan diguna pakai oleh pihak terbabit dalam proses pengambilan semula tersebut dapat dipantau dan diambil perhatian sewajarnya.

■1650

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, ketika ini tatacara khusus pengambilan semula kenderaan atau pun tarik kereta hanya dipraktikkan oleh ahli-ahli *Hire Purchase Association* dan tidak diwajibkan kepada mereka yang bukan ahli. Sehubungan dengan itu, melalui pindaan baru rang undang-undang ini, maka tatacara

yang seragam dapat diwujudkan untuk dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat dalam proses pengambilan semula barangan di dalam negara.

Bagi memperkukuhkan lagi usaha kerajaan untuk membendung kegiatan atau tatacara pengambilan semula barangan secara tidak beretika oleh pihak pemilik atau wakilnya. Kuasa Menteri diperuntukkan di bawah fasal 26 pindaan ke atas seksyen 57 bagi mewujudkan sebarang peraturan berhubung pengeluaran permit kepada pihak pemilik serta penalti yang ditetapkan bagi kesalahan-kesalahan peraturan tersebut.

Dalam aspek lain, terdapat juga amalan penempahan kenderaan dilakukan melalui pembayaran *booking fees*, dengan izin yang tidak tertakluk di bawah perundangan sedia ada. Masalah timbul apabila terdapat segelintir pihak yang menggunakan kelemahan perundangan sedia ada dengan tidak mengembalikan semula *booking fees* ini, sekiranya terdapat pembatalan penempahan. Terdapat juga kes di mana ejen menipu orang ramai dengan menggelapkan kesemua *booking fees* daripada pelanggan yang berurusan dengan mereka.

Selaras dengan itu, fasal 9 dan fasal 10 diperkenalkan bagi mengatasi permasalahan tersebut dengan memberikan tanggungjawab sepenuhnya kepada pihak pengeluar kenderaan untuk memulangkan semula bayaran tempahan sekiranya terdapat pembatalan dari mana-mana pihak, selain menjadikan bayaran tempahan sebagai sebahagian daripada bayaran deposit. Jumlah denda yang diperuntukkan di bawah perundangan sedia ada, tidak banyak memberikan kesan terhadap pihak yang tidak bertanggungjawab memanipulasi keadaan semasa untuk menindas pihak pengguna. Justeru, penalti am dan penalti khusus ditingkatkan bagi kesalahan yang dilakukan di bawah akta ini.

Tuan Yang di-Pertua serta Ahli Yang Berhormat, kementerian mempunyai keyakinan sepenuhnya bahawa pindaan rang undang-undang ini akan membawa kebaikan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan perjanjian sewa beli di dalam negara ini. Peruntukan yang telah digariskan akan sedikit sebanyak memberikan ruang yang secukupnya untuk memberikan perlindungan yang sewajarnya kepada pihak-pihak yang terlibat. Di samping memastikan tiada ruang yang boleh dimanipulasikan oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab untuk mengaut keuntungan.

Oleh itu, sokongan dan kerjasama daripada semua pihak termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini amat-amat diharapkan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoon Seng]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Sewa Beli 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: 2 minit. Yang Berhormat Segambut, Yang Berhormat Segambut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sri Gading.

4.54 ptg.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tidak ada orang yang siuman akan menentang akta ini, yang siuman akan menyokong 100%. Entah berapa ratus ribu orang yang telah diaibkan, orang yang telah ditipu, orang yang telah teraniaya kerana akta lama sewa beli yang mempunyai banyak kelemahan-kelemahan. Saya hendak ucap tahniah Yang Berhormat Menteri. Kita pinda Akta 67 untuk tahun 2010 pula.

Perjanjian sewa beli satu hal! Perjanjian itu sendiri tidak pernah diterangkan secara *detail* kepada pembeli atau yang dikatakan penyewa. *[Ketawa]* Tidak faham dia. Tidak faham. Maka, apabila tidak faham tentang perjanjian sewa beli, maka terdedahlah dia kepada penipuan, kezaliman, penganiayaan dan apa lagi bahasa yang seerti dengannya. Yang Berhormat Putatan, kalau boleh bantu saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Aniaya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Aniaya! Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang kurang ajar, boleh saya guna bahasa itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Itu tidak boleh guna dalam Parlimen Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Tarik balik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Apa ya? Yang biadab! Pihak yang ketiga. *[Ketawa]* Pihak yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri, yang menarik – tengah jalan dia tahan kereta ini, dia ketuk cermin, dia rentap penyewa, rentap keluar. Lebih dahsyat pada gengster. Huh! *[Disampuk]* Saya menyokong sangat rang undang-undang ini. Sokong sangat walaupun sudah terlambat. Seperti saya katakan tadi, sudah

beratus ribu orang dimalukan, orang dianiaya oleh mereka yang kita kata pihak ketiga, menarik.

Saya berharap dengan lulusnya rang undang-undang ini nanti... Yang Berhormat Kepong tentu menyokong. Yang Berhormat Kepong kalau tidak menyokong, memanglah dia terkepong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Akan tetapi dia hendak komen dahulu Yang Berhormat, sebelum sokong.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia selalu komen dahulu, panjang-panjang kemudian sokong.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Itu Yang Berhormat Kepong. Dia Yang Berhormat yang baik. Cuma parti dia tidak berapa baik, dia baik. Jadi, saya berharap dengan lulusnya undang-undang ini, pengguna yang boleh dikatakan setiap rumah hari ini Tuan Yang di-Pertua, setiap rumah ada kereta. Ini kerana kereta sudah menjadi barangan keperluan, bukan lagi barang mewah. Paling tidak satu rumah satu kereta, yang ada, satu rumah dua kereta. Kalau isterinya dua, boleh jadi lebih daripada dua. Kalau tidak percaya, tanya Yang Berhormat Kinabatangan. *[Ketawa] [Disampuk]* Yang Berhormat Sri Gading bagaimana agaknya. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, berapa kereta Yang Berhormat? Dua, tiga buah?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya... *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua soal ini... Nanti kita minum air, saya jawab. *[Ketawa]*

■1700

Jadi dengan adanya kementerian kita, inilah Kerajaan Barisan Nasional. Inilah kerajaan yang benar-benar memberikan perlindungan kepada rakyat. Kerajaan Barisan Nasional. Walaupun kerja yang baik oleh Kerajaan Barisan Nasional tidak disukai oleh parti pembangkang, kita peduli apa parti pembangkang, yang penting rakyat. Inilah yang dinamakan satu tindakan melindungi rakyat, bukan mahu menjahanamkan rakyat. Mahu memberikan kebaikan kepada rakyat, bukan mahu memberikan kerugian kepada rakyat seperti mencuri pasir. *[Ketawa]* Ya, ini contoh. FELDA yang begitu hebat dikatakan bankrap. Ini pemusingan fakta.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Yang Berhormat Sri Gading...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini...

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Pasir itu ada sewa belikah? *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini, Yang Berhormat Putatan sahabat saya.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terpanggil dengan hujah Yang Berhormat abang saya Yang Berhormat Sri Gading ini, soal perlindungan pengguna yang telah dibentangkan akta yang sungguh baik, agaknya. Ini amat dialu-alukanlah. Lama kita sudah tunggu undang-undang seperti ini. Oleh sebab apabila kita membaca surat khabar, kegiatan-kegiatan penarik yang tidak bertanggungjawab dengan cara kekerasan yang bajunya begitu teruk – tidak seperti Yang Berhormat Kepong lah, mungkin ini ada juga perlindungan pihak sana, tidak tahulah termasuklah along-along. Yang Berhormat Rasah pun sudah saya sentuhkan pada satu hari ini. Jadi kegiatan-kegiatan yang sikap berlagak gengster menarik kereta ini yang menakutkan terutama sekali isteri-isteri yang cantik ini yang mungkin kalau ada kelambatan pembayaran bulanan kereta ini. Apakah agaknya cadangan Yang Berhormat kepada kementerian? Jenis tindakan apa kalau ada peminjam menggunakan khidmat penarik-penarik seperti ini? Apa agaknya tindakan yang boleh dicadangkan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dalam akta ini telah pun disediakan tindakan-tindakan yang boleh diambil kepada pihak ketiga yang menarik dan juga pihak empunya kalau dia melanggar – tadi ada penalti, denda, dan penjara. Inilah satu akta yang memberikan perlindungan kepada rakyat. Barisan Nasional, Pilihan Raya Ke-13 rakyat jangan buat silap.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak ada kompromi dalam memilih kerajaan yang baik melainkan Barisan Nasional. Saya fikir Yang Berhormat Jeli amat menyokong ucapan saya.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Bukan ceramah ini, tumpang laluan, Yang Berhormat Sri Gading. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Sri Gading. Saya amat tertarik dengan hujah-hujah Yang Berhormat Sri Gading yang saya rasakan satu pindaan yang cukup tepat dan kena pada masanya. Bukan sahaja soal penganiayaan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sri Gading tetapi perbuatan-perbuatan zalim dan kejam yang pernah dilakukan seperti mengambil dan meninggalkan di tengah-tengah lebuhraya tanpa mengira keluarga, budak kecil, dan sebagainya perbuatan-perbuatan kejam yang boleh dikaitkan dengan *penal code* dan sebagainya.

Akan tetapi tindakan seperti – adakah akta ini juga ia meliputi soal-soal pengambilan kereta di dalam kawasan premis rumah kerana ini adalah privasi atau dianggap sebagai kawasan larangan? Jikalau ini berlaku, kita boleh mengambil tindakan-tindakan yang boleh dikatakan berelemen kekerasan atau berunsur gengsterisme – kita boleh menggunakan tindakan maklum balas walaupun tindakan berkenaan telah dibuat report kepada polis terlebih dahulu. Jadi perkara ini kerap kali berlaku. Apa pandangan Yang Berhormat Sri Gading untuk melihat perkara ini? Tidak, kita tidak perlu menggunakan khidmat ini sama sekali. Bank boleh menggunakan kaedah-kaedah lain. Kita menuju ke arah negara maju. Kenapa tidak ada kaedah-kaedah lain selain daripada menggunakan khidmat penarik kereta seperti yang berlaku dan diamalkan dalam negara kita sekarang?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ucapan Yang Berhormat Arau itu menjadi ucapan saya dan saya amat bersetuju untuk tarik, umpamanya bank mahu tarik kerana bank yang memberikan pinjaman. Sepatutnya bank juga mendapat perintah mahkamah. Yang Berhormat Menteri yang bijaksana, sahabat saya yang begitu gigih akan menjawab. Tuan Yang di-Pertua, kita semua terlibat sebagai penyewa. Kadangkala penyewa tidak dapat membayar semula ataupun membayar insuransnya kerana bayaran insuransnya terlalu tinggi *installmentnya* kerana harga kereta yang tinggi. Kadangkala RM800 sebulan. Gaji dia baru RM2,000 lebih, bayar RM800 lebih, kadangkala kerana perkara-perkara yang berlaku dalam famili – adik sakit, anak sakit, emak mertua sakit, dan isteri sakit, ini masalah. Bukan dia tidak hendak bayar. Ini dua bulan. Saya sebenarnya berharap – macam lama. Jikalau *installment* tidak bayar 3 bulan baru kita tarik setelah diberikan notis-notis yang tertentu. Bukan seperti kata Yang Berhormat Arau dan Yang Berhormat Putatan – di tengah jalan dia rompak kita, tahan kita, dan rampas kunci kita. Harga dan selepas itu bunga bank pula tinggi – 17% ke 18%. Jadi rakyat negara ini...

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Lualan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...Bertungkus lumus mencari makan, duit, dan apa-apa.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Lualan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Rupa-rupanya yang mengaut keuntungan ialah bank.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Lualan, Yang Berhormat Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sila.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Sri Gading. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Sri Gading, adakah Yang Berhormat Sri Gading bersetuju dengan cara pengiraan bunga yang dilakukan oleh bank sekarang ini, di mana ianya dikirakan di atas pengiraan pinjaman keseluruhannya dan tidak di atas **'multirest'**? Jadi dari segi ini, mungkinkah kerajaan patut menyemak semula cara *interest* atau bunga ini dikira? Sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Kota Raja, parti kita memang bertentangan tetapi pendapat Yang Berhormat Kota Raja itu sama.

Seorang Ahli: Sehati sejiwa.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sama. Bunga bank ini ialah pemerasan.

Seorang Ahli: Penganiayaan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Pemerasan dan penganiayaan. Oleh sebab itu saya kata kita ramai-ramai rakyat Malaysia 27 juta, cari makan dan cari duit sebenarnya untuk mengayakan, membesarkan, dan meninggikan bank. Kalau tengok laporan kewangan mereka tiap-tiap tahun, semua ratus juta dan beribu juta untung. Ribu dan ratus juta itu ialah hasil daripada titisan-titisan darah dan keringat rakyat. Tidak ada orang pinjam untuk beli rumah RM200,000 selama 25 tahun, kalau dikira-kira akhirnya Yang Berhormat Kota Raja, dia perlu bayar jumlah lebih daripada setengah juta. Tidak ada islamik langsung. Penganiayaan dan kezaliman tetapi apakan daya.

■1710

Ini bukan kerajaan BN, ini bank. Bank. Macam itulah juga orang pinjam di Kelantan, dia kena sama bayarnya macam orang pinjam di Johor. Maknanya bukan Kerajaan PAS, Ya sudah barang tentu bukan kerajaan Barisan Nasional. Yang Berhormat Menteri mungkin ada lagi kelemahan-kelemahan kita sebelum kita *implementkan* yang ini mungkin ada kelemahan-kelemahan kita yang boleh lagi kita perhalusi, kita tambah tokok di mana-mana. Pokoknya kepentingan rakyat harus diberikan perlindungan.

Tuan Yang di-Pertua, tidak apalah saya bagi-bagi, kerana kita hanya ada dua hari lagi. Saya juga harus bersifat adil. Saya minta semua adil saya juga harus bersifat adil dan saya memang terkenal dengan keadilan itu, pasal pengalaman saya. Pengalaman saya ini tidak berani pula Yang Berhormat Jeli hendak ikut dan contoh.

Pengalaman inilah. Termasuk Yang Berhormat Menteri pun tidak berani dia. Teringin tetapi takut. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya amat menyokong rang undang-undang ini, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

5.11 ptg.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya rang undang-undang sewa beli ini merujuk kepada pembeli barangan yang bernilai ribuan ringgit dan pembelian adalah secara ansuran.

Kedua dalam tempoh pembayaran hutang tersebut barangan yang dibeli masih dianggap disewa pakai dan barangan yang belum lagi milik mutlak pembeli walaupun telah membayar sebahagian daripadanya.

Ketiga, setelah semua bayaran secara ansuran itu dilangsaikan barulah menjadi milik pembeli secara rasmi. Pihak yang memberi pinjaman adalah sebagai pemilik barangan tersebut selagi masih dalam tempoh pembayaran.

Apa yang ingin saya ulaskan di sini ialah dari segi kebajikan pembeli yang membeli secara sewa beli. Perkara yang ingin ditekankan di sini ialah yang pertama ialah konsep iklan. Sekarang ini telah menjadi tradisi iklan menarik umpamanya bayaran harian atau mingguan yang rendah dikenakan. Contohnya sesuatu barang itu bernilai walaupun RM1,800 maka bayaran yang dikenakan ialah hanya sebanyak RM5.00 sehari. Ini untuk 12 bulan. Ia nampak murah dan kecil kuantitinya tetapi tidak disebutkan berapakah harga bulanan, tempoh tahunan bayaran dan tanpa dinyatakan jumlah sebenarnya termasuk kaedah faedah. Ini bermakna iklan itu sendiri telah ada ciri dengan sengaja untuk memerangkap pembeli.

Kita sedia maklum pembeli yang membeli secara berhutang ansuran ini adalah rendah pencapaian akademiknya. Mereka ini berpendapatan rendah kerana bergaji kecil. Mereka tidak ada kuasa membeli secara tunai. Mereka juga terpaksa menggunakan kad kredit secara paksa untuk bayaran cengkeram atau deposit. Mereka tidak pandai mengira dengan tepat apakah impak terhadap pendapatan bulanan mereka jika mereka menerima ansuran harian yang murah ini, padahal pembeli membayar mengikut bulanan termasuklah kadar faedah.

Terdapat juga iklan sesuatu jenama barangan yang sangat menarik, harga murah, barangan percuma dan pemberian mata bonus ganjaran. Akan tetapi apabila pengguna telah sampai di lokasi syarikat tersebut dinyatakan barangan yang ditawarkan

sebagai keistimewaan tadi telah habis stok, iaitu dengan izin, *sold-out*. kononnya. Padahal barangan tersebut tidak wujud langsung, hanya sebagai umpan untuk pelanggan tiba ke kedai mereka. Ini contoh kedua manipulasi iklan terhadap pembeli Akhirnya pelanggan yang tahu telah mengecewakan pasangan mereka, mungkin suami isteri, ibu bapa atau anak mereka, maka terpaksa membeli barangan mahal berjenama lain secara sewa beli.

Apabila membeli dalam keadaan tidak bersedia biasanya pembeli akan terpedaya atau tertipu dengan pelbagai taktik. Ini memang berlaku, masih berlaku. Surat ikatan perjanjian jual beli dalam bahasa Inggeris. Bahasa rasmi kita adalah Bahasa Malaysia. Syarikat penjual juga milik syarikat tempatan. Pekerja juga warganegara Malaysia. Jadi mengapa surat perjanjian jual beli masih dalam bahasa Inggeris? Pembeli boleh tertipu kerana banyak maksud inti pati perjanjian yang tidak dapat diperhalusi, tulisan dalam perjanjian jual beli juga agak kabur dan terlalu kecil. Ini seolah-olah cuba mengelakkan pengguna membaca klausa-klausa yang penting berkenaan. Hak-hak pembeli, syarat-syarat perjanjian *term and condition* dengan izin, tidak difahami sepenuhnya oleh pembeli secara ansuran ini. Sepatutnya pembeli dimaklumkan dan diberi penerangan fakta-fakta yang utama bagaimana pelaksanaan sewa beli barangan tersebut. Nyatakan perkara umum akan hak-hak pembeli dan juga apakah hak syarikat peminjam dengan jelas, barulah tidak timbul masalah di kemudian hari.

Pemberi hutang pinjaman ansuran syarikat sepatutnya memberi pemakluman tentang kadar faedah dan juga jumlah yang patut dibayar sepenuhnya, terma-terma jika ingkar membayar ansuran dan juga butir-butir pembayaran yang telah dibuat bagi setiap enam bulan, satu tahun atau 18 bulan atau 20 tahun. Ini penting agar pembeli mampu merancang pembayaran sewa beli barang tersebut, juga supaya tidak cuai atau terlupa berapakah jumlah yang telah dibayar ansuran sewa beli tersebut. Ini disebabkan ada berlaku tentang hutang ansuran sewa beli pembeli telah hampir habis dibayar iaitu pembayaran telah di maksimumkan tetapi kerana tidak ada pemakluman, pembeli telah terlupa atau terlewat membuat pembayaran. Maka pihak syarikat telah mengambil kesempatan untuk menuntut atau merampas semula barangan sewa beli tersebut atas alasan pembeli telah ingkar membuat pembayaran seperti mana yang termaktub dalam perjanjian.

Oleh sebab sistem sewa beli ini menyebabkan pembeli teraniaya dan pihak syarikat atau peminjam telah untung dua, tiga kali ganda, ini tidak adil dan perlu

perhatian kementerian. Tentang bebanan kos keseluruhan pembeli menanggung kos yang tinggi dari segi faedah, kos setem, kos perjanjian sewa beli, kos pemprosesan sewa beli, kos penghantaran barangan, kos insurans barangan dan kos cengkeram.

Kita sedia maklum yang membeli secara ansuran sewa beli adalah rakyat yang berpendapatan rendah. Ini amat membebankan mereka. Kalaupun bayaran ansuran dibuat ia hanya diinsuranskan bagi barangan sewa beli itu jika pembeli meninggal dunia, itu sahaja. Barangan sewa beli itu tidak mendapat perlindungan insurans jika barangan itu rosak kerana kelemahan pengeluaran dan barangan itu hilang, dicuri, barangan rosak kerana kebakaran, bencana atau banjir.

Ada kes pembeli telah kehilangan barangan yang telah dibeli secara sewa beli ini. Laporan polis telah dibuat dan siasatan dijalankan, laporan polis itu telah diserahkan kepada syarikat peminjam atau penjual. Namun pihak peminjam atau penjual tetap menuntut pembayaran dibuat. Ini tidak adil. Pembeli tetap terpaksa menanggung sepenuhnya. Sistem pengamalan sewa beli hendaklah dipermudahkan dan dikurangkan kos pengoperasiannya. Jangan pembeli yang menanggung beban keseluruhannya sedangkan pihak yang mengaut keuntungan dari wang pembeli adalah pengeluar barangan, pihak bank atau penjual, orang tengah syarikat dan syarikat promoter.

Kos pembayaran oleh pembeli dikongsi keuntungannya beramai-ramai oleh empat pihak ini secara berat sebelah. Oleh itu terma insurans dan perlindungan ini perlu dikaji semula. Contoh paling mudah dan serius yang ditanggung oleh pembeli ialah berkenaan dengan kereta potong. Kereta potong ialah kereta terpakai yang dijual, di mana komponen badannya telah rosak teruk tetapi digantikan dengan cara disambungkan secara *welding*, dengan izin. Kereta ini boleh mengancam nyawa penumpang pada bila-bila masa kerana bahagian sambungan *welding* ini tidak kukuh. Kereta ini juga dijual secara sewa beli.

■1720

Telah tersiar di akhbar kes pembeli tertipu kerana terbeli kereta potong ini. Apa yang peliknya kereta ini memang ada geran hak milik ada surat kelulusan PUSPAKOM, ada cukai jalan ketika dibeli dan juga mudah mendapat kelulusan pihak bank berkaitan pinjaman sewa beli tersebut. Apabila berlaku sesuatu kejadian kemalangan atau kereta ditahan di sekatan jalan raya, maka kereta tersebut disita, pihak pembeli sahaja teraniaya iaitu pembeli disoal siasat oleh pihak polis. Di Dewan ini kita mengalu-alukan kedatangan murid-murid dan guru-guru dari Parlimen Tapah, saya bagi pihak Dato' S. Saravanan.

Pembeli trauma ketiadaan kenderaan, pembeli juga trauma kerana bank tetap menuntut pembayaran sewa beli kereta berkenaan sedangkan pihak bank juga tidak sama memeriksa status kereta di awal pembelian. Pembeli gagal mendapat sebarang pembelaan dari mana-mana pihak. Pihak insurans pula tidak membantu untuk memberi perlindungan untuk mendapatkan ganti rugi atas alasan ianya kereta potong atau ada unsur penipuan. Jika terlewat bayaran sewa beli kadar faedah tetap dikenakan. Pihak bank tidak peduli keadaan pembeli yang menjadi mangsa penipuan. Laporan polis dan pengakuan bersumpah oleh pembeli tidak diterima pakai oleh pihak peminjam atau bank. Oleh itu, saya berharap penjual kereta tersebut dan peminjam bagi pihak bank hendaklah turut sama dipertanggungjawabkan dan dipersoalkan jika berlaku penyelewengan status barangan yang dibeli.

Dua pihak ini mempunyai banyak akses untuk memeriksa status kereta atau barangan yang dijual kepada pembeli. Bukan semua pemberitahu secara terperinci untuk mengkaji latar belakang sesuatu produk. Mohon perkara ini diambil kira dalam meminda Rang Undang-undang Sewa Beli ini. Contoh yang ingin dibawa ialah pembelian kereta dengan tawaran harga menarik dan faedah rendah di musim perayaan. Maka ianya sangat menarik kerana ramai pelanggan terpengaruh kerana mahu menggunakan ketika musim perayaan.

Seterusnya, pembeli membayar deposit sejumlah wang gaji yang telah digunakan, malangnya kereta yang dibeli secara sewa beli tidak disediakan kerana kehabisan stok berpunca permintaan yang sangat tinggi. Padahal penjual telah pun mengambil wang cagaran dari pembeli. Ini tidak adil dan sepatutnya pembeli dibayar ganti rugi. Namun ini tidak berlaku dan pembeli gagal menggunakan kereta baru untuk menyambut perayaan. Begitu juga jika ada kerosakan dalam masa tempoh penghantaran. Penjual menetapkan apabila sahaja barang yang dihantar telah dibawa keluar dari kilang atau premis penjual, maka semua risiko kerosakan adalah ditanggung oleh pembeli. Ini juga tidak adil kepada pembeli dalam sistem sewa beli ini. Ada berlaku pihak pengeluar produk memberikan autoriti kepada syarikat tertentu untuk memasarkan barangan mereka.

Ejen atau syarikat yang menjual barangan itu pasti mahukan keuntungan yang maksimum. Maka promosi jualan dibuat dengan aktif dengan mengabaikan etika yang sebenar. Penipuan dan penyelewengan dilakukan asalkan barangan habis dijual dan mendapat untung, apabila ini berlaku pembelilah yang menjadi mangsa. Apabila barangan yang dibeli telah rosak pengilang menyalah pengedar barangan kerana gagal

memberi khidmat selepas jualan dengan baik. Manakala pengeluar produk pula mendakwa semuanya dalam tugas pengedar yang telah diamanahkan menjualnya.

Dua pihak ini saling menyalahkan dan akhirnya pembeli juga menjadi mangsa. Oleh itu, diharap Rang Undang-undang Sewa Beli (Pindaan) 2010 kali ini mengambil kira semua aspek yang disebut tadi. Itu sahaja, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rembau.

5.24 ptg.

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin turut terlibat dalam perbahasan meminda Akta Sewa Beli tahun 1967 seperti mana yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri. Bagi saya, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana sekali lagi dapat memperkenalkan rang undang-undang yang memberi banyak perlindungan kepada pengguna seperti mana beberapa rang undang-undang yang telah diperkenalkan dalam Dewan ini dan yang telah diluluskan dalam Dewan ini dalam sesi terkini.

Saya ingin membangkitkan satu, dua perkara mengenai Akta Sewa Beli ini mengenai pindaan yang telah dibuat terutamanya saya sentuh kepada seksyen baru iaitu 17A dan 17B yang memberi perlindungan kepada pengguna dari aktiviti pemilikan semula, dan ini saya rasa ia menjadi isu penting bagi rakyat yang menunggu pindaan kepada Akta Sewa Beli ini. Kalau kita dengar, contohnya tadi kita dengar ucapan daripada Yang Berhormat Sri Gading saya nampak bahawa antara aduan yang kerap kali kita dengar mengenai Akta Sewa Beli ini ataupun transaksi sewa beli ini adalah apabila usaha untuk ditarik balik, contohnya jika hendak tarik balik kereta merupakan satu aduan yang paling ketara yang dihadapi oleh pengguna.

Di sini saya cuma hendak memberi insiden ataupun berkongsi dengan Yang Berhormat Menteri beberapa cerita yang mungkin telah menyebabkan pindaan kepada Akta Sewa Beli ini. Contohnya, ada empat kes yang diterbitkan dalam surat khabar dalam media massa pada tahun ini sahaja, di mana contohnya pada bulan Mac tahun ini sahaja di Alor Setar seorang suri rumah bersama tiga ahli keluarganya telah ditahan oleh penarik kereta selama dua jam kerana tidak menjelaskan tunggakan bayaran bulanan kereta. Ini kes pertama.

Kes kedua pada Januari tahun ini juga, seorang bekas pensyarah di Universiti Teknologi Malaysia mendakwa kehilangan beberapa barangan selepas mengambil semula kenderaan beliau yang telah ditarik di Kajang, Selangor. Kes ketiga, berlaku di bulan Mac tahun ini juga di Kota Bharu Kelantan, di mana sepasang pengantin yang

baru menguruskan sijil perkahwinan mereka di Jabatan Agama terkejut dibelasah sekumpulan lelaki yang kemudiannya menarik kereta jenis Naza yang dinaiki mereka.

Kes keempat pada bulan Mei juga pada tahun ini, di mana kawasan rumah seorang pemandu teksi telah dicerobohi dan pintu pagarnya juga dirosakkan oleh kerana penarik kereta hendak masuk mengambil kereta. Jadi ini empat kes yang saya cuma ambil sebagai contoh daripada media massa yang sebenarnya menggambarkan dan melambangkan perangai atau sikap-sikap penarik-penarik kereta ini yang sebenarnya yang tidak terkawal selama ini. Apabila mereka tidak terkawal, mereka seolah-olah menjadi undang-undang tersendiri dan tidak dikawal oleh undang-undang malah tidak mengambil endah kepada peraturan yang telah ditetapkan di bawah *guidelines* oleh syarikat-syarikat perbankan dan syarikat-syarikat kewangan.

Dengan pindaan akta ini, dengan memberi lesen ataupun dengan memaksa lesen itu dikeluarkan syarikat kewangan hanya menggunakan khidmat penarik kenderaan berlesen, dan melalui kaedah pelesenan ini juga pihak kerajaan dapat memantau dan mengawal amalan-amalan penarik kenderaan yang kasar dapat dikawal ataupun dapat ditangani. Akan tetapi, saya juga ingin tambah di sini saya rasa bahawa sekiranya *licensing regime*, dengan izin ataupun langkah-langkah untuk memperkenalkan lesen ini kepada syarikat-syarikat kewangan dan juga kepada syarikat-syarikat yang menyediakan perkhidmatan penarikan kenderaan ini, saya rasa ini tidak cukup sebab hanya dengan lesen ini dia sebenarnya tidak memberi garis panduan yang dapat dikuatkuasakan tentang bagaimana kenderaan itu dapat ditarik balik.

Sebab saya rasa kepincangan dan banyak aduan rakyat sebenarnya diarah ataupun dituju ke arah tersebut bukan soal lesen sangat, tetapi bagaimana kaedah kenderaan-kenderaan yang hutangnya tidak dijelaskan mengikut jadual yang ditetapkan oleh syarikat kewangan dan bank melaksanakan perkhidmatan mereka. Selama ini seperti mana yang saya sebut tadi tidak ada sebarang undang-undang tidak ada *law*...

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Yang Berhormat Rembau.

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Yang menyeragam... Ya, Yang Berhormat Arau.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Sikit sahaja. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Rembau. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Rembau bagaimana kita hendak meyakinkan kepada masyarakat bahawa mereka yang akan diberi lesen ini adalah mereka yang benar-benar boleh membuat urusan niaga, *transaction* ataupun *dealing* yang tidak membabitkan soal-soal

kekerasan, kerana mereka yang memohon ini pun adalah kebanyakan daripada kumpulan-kumpulan gengster. Jadi ini perlu diberi perhatian oleh kerajaan supaya tidak timbul lagi soal-soal kekerasan yang dibuat ke atas pembeli untuk menegakkan keadilan.

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Saya setuju sangat apa yang disebut oleh Yang Berhormat Arau tadi, bahawa sebenarnya apabila kita pindah kepada *licensing regime* tersebut, maka syarikat-syarikat yang akan minta dan mohon lesen tersebut orang yang sama juga. Syarikat-syarikat yang sebenarnya tidak terkawal dan sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Arau tadi ada banyak hubungan dengan *underworld* dan dengan kumpulan-kumpulan yang kerap kali melanggar undang-undang yang sedia ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rembau, sambung esok Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Ya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 14 Julai 2010.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.31 petang.